


**Jilid I  
Bil. 52**



**Hari Selasa  
27hb Mac, 1979**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**

*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 5375]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
[Ruangan 5435]**

**USUL:**

**Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga [Ruangan 5436]**

**UCAPAN PENANGGUHAN:**

**Sistem Pemadam Api di bangunan-bangunan bertingkat-tingkat [Ruangan  
5498]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N. S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- ” Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S., (Ulu Selangor).
- ” Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- ” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian. TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- ” Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- ” TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- ” TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).

Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- ” PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- ” TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- ” DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Keluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).

Yang Berhormat TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).

- ” TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh)
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Selasa, 27hb Mac, 1979
 

---

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

KENYATAAN TIMBALAN  
PERDANA MENTERI MENGENAI  
MAS

1. **Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa di dalam pertikaian di antara pekerja-pekerja MAS dan MAS, Timbalan Perdana Menteri telah dua kali melafazkan ketegasan beliau hendak menutup MAS pertama kali sebelum beliau keluar negeri dan sekali lagi sebaik sahaja tiba dari lawatan luar negeri. Jika ya, nyatakan adakah Timbalan Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia sedar bahawa langkah dan sikap seperti itu boleh dengan buruknya menjejaskan kepimpinan dan kewibawaan negara kita.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat saya ingin jelaskan iaitu kenyataan "MAS akan ditutup" adalah jawapan kepada soalan dari pemberita yang berbunyi, "Jika semua usaha gagal dan pekerja enggan menyelesaikan masalah mereka dengan MAS, apakah yang akan dibuat oleh Kerajaan?" tentulah jelas bahawa "jika semua usaha gagal, Kerajaan tidak mempunyai jalan lain melainkan menutup MAS".

Kali yang kedua kenyataan ini dibuat ialah sebagai jawapan kepada soalan "sama ada Kerajaan serius untuk menutup MAS."

Sekali lagi "jika semua usaha gagal tentulah Kerajaan terpaksa, dengan seriusnya menutup MAS".

Kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap cara jawapan ini disiarkan oleh akhbar. Saya tidak memberi "amaran" akan menutup MAS. Saya cuma menjawab satu soalan pemberita.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu sama ada Kerajaan sudah mengambil semua usaha-usaha yang boleh mengelakkan kegagalan usaha-usaha untuk menjayakan MAS khususnya mengenai perkara menunjukkan sebab-sebab yang dikeluarkan kepada AEU kenapa pendaftarannya tidak patut ditarik balik oleh kerana hari ini sudah genap 2 bulan untuk show cause ini, adakah perkara ini diselesaikan supaya semua usaha-usaha untuk menjayakan MAS boleh diteruskan?

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mengambil segala usaha untuk menyelesaikan masalah ini, malangnya sementara Kerajaan mengambil segala usaha, ada pihak lain pula yang mengambil segala usaha supaya tidak diselesaikan masalah ini. Sebab itu masalah ini telah berpanjangan. Siapa yang mengambil banyak masa itu sama-samalah kita teka.

Berkenaan dengan hari ini ialah hari penghabisan untuk show cause, harus saya jelaskan di sini iaitu masa yang diberi 2 bulan itu ialah masa untuk mereka show cause tetapi tidak ada dihadkan masa untuk Kerajaan membuat keputusan berkenaan dengan show cause.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini bermakna bahawa sistem perhubungan perindustrian yang ada hari ini sudah tidak berkesan sehingga pertikaian di

antara MAS dengan AEU ini tidak boleh diatasi?

Soalan yang kedua ialah adakah Yang Amat Berhormat sedar . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu soalan tambahan cukuplah.

**Tuan Chan Teck Chan:** Ini ada berkaitan, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan berpendapat bahawa sistem yang ada sekarang ini tidak begitu memuaskan dan tidak memudahkan penyelesaian masalah begini. Sepertimana saya terangkan tadi sistem yang ada sekarang ini masih memberi peluang kepada anasir-anasir lain membangkitkan bermacam-macam masalah supaya perkara ini tidak dapat diselesaikan. Kerajaan sedang mengkaji sistem ini dan akan mencari jalan supaya menyingkir segala kegiatan anasir-anasir yang suka memanjangkan masalah-masalah seperti ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan tadi bahawa 2 bulan ialah untuk memberi show cause dan bukan untuk membuat satu keputusan bagi pihak Kerajaan. Adakah ini bererti bahawa sungguhpun pihak A.E.U. sudah memberi show cause kenapa pendaftarannya tidak patut dibatal atau ditarik balik, pihak Kerajaan akan mengambil masa yang sesuka hati supaya ada satu macam "Sword of Democles" terhadap A.E.U.?

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, masalah Kerajaan suka hati atau tidak suka hati tidak timbul, kita mesti membuat keputusan yang berasas kepada keterangan-keterangan dan maklumat yang ada secara yang waras yang harus dilakukan oleh sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab. Mungkin ada pihak lain yang berasa suka hati melihat Kerajaan mengambil sedikit masa yang lebih kerana mereka mempunyai peluang yang lebih untuk melakukan berbagai kegiatan yang tidak diinginkan.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada berkata bahawa Kerajaan belum

lagi tahu berapa lama masa diambil untuk memutuskan ke atas "show cause" yang telah diberi kepada A.E.U. Saya ingin tahu sama ada dalam masa pertimbangan oleh pihak Kerajaan, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menarik balik perintah "freezing of accounts A.E.U" yang telah dikeluarkan oleh Menteri yang berkenaan supaya A.E.U boleh dalam masa sehingga Kerajaan mengambil keputusan memainkan peranannya sebagai sebuah kesatuan sekerja untuk mengatasi pertikaian buruh ini?

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mempunyai pegawai tertentu yang akan membuat penilaian, pegawai inilah yang akan menentukan. Saya sendiri tidak boleh menentukan had masanya, saya cuma menyebutkan peruntukan undang-undang dalam perkara ini.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa kenyataan menutup perkhidmatan MAS ini bukan sahaja telah menjejaskan sistem perhubungan perindustrian yang ada pada hari ini, tetapi juga dengan secara langsung akan menggalakkan pihak swasta mengikut keputusan Kerajaan iaitu bila sahaja ada berlaku pertikaian maka pihak majikan akan membuat keputusan menutup syarikat-syarikat atau kilangnya sebagai cara untuk mengatasi pertikaian di antara majikan dan pekerja?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dengar atau tidak jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi? Kalau sudah dengar betul tidak payah tanya lagi soal ini kerana itu menghabiskan masa sahaja.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri elak daripada menjawab soalan saya tadi. Walau bagaimanapun, soal tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu berapa lamakah pihak Kerajaan akan mengambil untuk memutuskan terhadap "show cause" ini dan sama ada masa yang akan diambil ini akan digunakan dengan sengaja oleh pihak Kerajaan untuk penalise dan suppress unions sehingga tidak ada kesatuan sekerja untuk mewakili pekerja-pekerja di dalam MAS?

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa dukacita kerana Ahli Yang Berhormat itu bukan sahaja membuat soalan tetapi membuat tuduhan atas asas anggapan yang mana dia tidak mempunyai bukti sama sekali. Kerajaan ini tidak mengambil keputusan secara tidak berasas kepada undang-undang dan peraturan-peraturan. Seperti saya cuba jelaskan tadi nampaknya Ahli Yang Berhormat tadi tidak begitu faham. Perkara ini diputuskan oleh pegawai, dan kalau pegawai itu mengambil masa mungkin ada sebabnya, Menteri cuma menjadi appellate authority yang mana pihak kesatuan bolehlah merujuk kepada Menteri kalau dia tidak puas hati dengan keputusan yang dibuat oleh pegawai itu.

#### JAWATAN KERAJAAN BAGI LEPASAN UNIVERSITI

**2. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar ada sebahagian dari rakyat negara ini yang lepasan Universiti atau Institute Pengajian Tinggi tidak diterima memegang jawatan Kerajaan kerana mereka tidak dapat menguasai Bahasa Inggeris; jika sedar, apakah jawatan di dalam jabatan Kerajaan yang sesuai untuk mereka.

**Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan Kerajaan dan sepertimana yang di sahkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, tidak ada calon-calon Warganegara Malaysia lepasan Universiti atau Instituti Pengajian Tinggi yang tidak dipilih untuk memegang jawatan perkhidmatan Kerajaan atas sebab mereka tidak menguasai Bahasa Inggeris. Pendek kata, Bahasa Inggeris tidak disyaratkan sebagai suatu daripada kelayakan untuk memasuki perkhidmatan Kerajaan kecuali bagi sekumpulan kecil jawatan-jawatan di mana skim perkhidmatan mensyaratkan penguasaan Bahasa Inggeris oleh kerana tugas-tugas jawatan itu memerlukan Bahasa Inggeris, seperti jawatan Juruterbang atau "Pilot" dan Pemeriksa Kapalterbang dalam Jabatan Penerbangan Awam.

#### PERKHIDMATAN KERETAPI JOHOR BAHRU—SINGAPURA

**3. Tuan Lee Kaw** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar bahawa kenyataan beliau baru-baru ini yang dibuat di Johor Bahru iaitu Kerajaan sedang menimbang untuk memberhentikan perkhidmatan keretapi di antara Johor Bahru dan Singapura, telah membawakan suatu akibat yang buruk terhadap suasana perdagangan dan perniagaan; dan

(b) adakah pengumuman ini dibuat berasaskan pada semangat dan kepentingan perpaduan dan kerjasama ASEAN.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a), saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu bahawa kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Johor Bahru itu telah memberi akibat buruk terhadap suasana perdagangan dan perniagaan.

Dalam kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Johor Bahru pada 14hb. Januari, 1979 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa Kerajaan telah membelanjakan jumlah wang yang besar untuk memperbaiki dan menambah infrastruktur pengangkutan serta kemudahan-kemudahan untuk keperluan bidang perdagangan dan perusahaan negara ini seperti pembinaan Lebuh raya Timur-Barat, Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Pasir Gudang serta memperluaskan Pelabuhan Kelang. Demi kepentingan negara, Kerajaan ingin supaya pihak-pihak yang berkenaan menggunakan serta menikmati faedah sepenuhnya daripada kemudahan-kemudahan yang telah disediakan itu.

Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang perlu supaya lebih banyak lagi eksport dan impot negara kita disalurkan melalui pelabuhan-pelabuhan kita sendiri. Di samping itu, adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya segala bidang perdagangan dan perusahaan dalam negeri yang berkaitan dengan urusan impot-eksport dapat menikmati faedah-faedah itu sepenuhnya.

Kerajaan sedang membuat kajian yang menyeluruh di atas perkara ini dan kajian ini akan mengambil perhatian terhadap kepentingan negara dan juga kepentingan masyarakat perdagangan dan perusahaan dalam negeri. Saya suka memberi jaminan bahawa kepentingan keseluruhan negaralah yang akan menentukan segala keputusan Kerajaan di dalam perkara ini termasuklah sama ada keretapi dari Johor Bahru ke Singapura itu akan diberhentikan atau diteruskan.

Mengenai soalan (b), soal semangat dan kepentingan perpaduan dan kerjasama ASEAN adalah tidak timbul. Malaysia telah pun membuktikan pada masa-masa yang lampau bahawa ia menjunjung semangat dan kepentingan kerjasama dan perpaduan ASEAN, dan Malaysia akan terus berbuat demikian.

#### ETIKA PERKHIDMATAN AWAM/ IKRAR PERKHIDMATAN CEMERLANG

4. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa Etika Perkhidmatan Awam dan Ikrar Perkhidmatan Cemerlang adalah satu langkah yang baik untuk menyemarakkan semula mutu perkhidmatan pegawai-pegawai awam Kerajaan dan jika ia, apakah rencana seterusnya yang dirangka oleh Kerajaan supaya "Follow Up" dapat dibuat supaya memastikan bahawa semangat Perkhidmatan Cemerlang Pegawai-pegawai Kerajaan sentiasa subur dan dibanggai oleh negara dan bangsa.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan untuk memastikan bahawa semangat perkhidmatan cemerlang pegawai-pegawai Kerajaan sentiasa subur dan dibanggai oleh negara dan bangsa, beberapa cadangan telah sedia ada dan sedang dijalankan di beberapa peringkat seperti berikut:

- (a) Menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemandu peringkat negara bagi pelaksanaan Etika Perkhidmatan Awam bagi maksud menyelaraskan dasar dan aktiviti-aktiviti yang ada kaitan dengan pelancaran Kod Etika Perkhidmatan Awam ini;
- (b) Meminta Ketua-ketua Jabatan menubuhkan Jawatankuasa Pemandu di beberapa peringkat untuk menyelaraskan tindakan-tindakan lanjut yang patut di-

ambil dan juga untuk melaporkan kepada Jawatankuasa Pemandu peringkat negara tentang perkembangan-perkembangan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelancaran kempen ini;

- (c) Mengadakan taklimat-taklimat bagi maksud menjelaskan isi kandungan Buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang bagi kakitangan Kerajaan di beberapa peringkat dan tempat supaya diamalkan.

#### KEGELISAHAN NELAYAN KELANTAN

5. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa 5,000 orang lebih kaum nelayan di Kelantan mengalami kegelisahan, akibat daripada mata pencarian mereka makin sehari semakin tertutup—sebagaimana makin sehari semakin tertutup dan semakin ceteknya kelima-lima muka kuala di pantai Negeri Kelantan itu. Jika sedar apakah tindakan jangka pendek untuk membuka dan mendalamkan muka kuala tersebut, supaya mengurangkan kegelisahan nelayan-nelayan tersebut buat sementara bagi setahun dua ini; dan
- (b) apakah beliau sedar bahawa akibat daripada tertutupnya aliran muka kuala di Pantai Kelantan, menjadikan berpuluh-puluh juta ringgit projek MAJUIKAN dan JABATAN PERIKANAN tidak dapat dijalankan di Negeri Kelantan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya sedar mengenai masalah yang dihadapi oleh nelayan oleh sebab kuala-kuala sungai menjadi cetek dan tertutup yang berlaku bukan sahaja di negeri Kelantan tetapi juga di negeri-negeri lain di seluruh negara. Kerajaan Pusat telahpun menguntukkan sebanyak \$1.8 juta dalam usaha mengatasi masalah tersebut. Kerja-kerja dimulakan pada tahun ini dan dijangka memakan masa selama dua tahun.

Kementerian Pertanian juga telah menubuhkan satu makmal untuk mengkaji dengan lebih mendalam masalah-masalah yang berkaitan dengan pengaliran lumpur dan pasir di semua kawasan pantai di seluruh Semenanjung. Jabatan Parit dan Taliair juga akan merangka satu jadual bagi melaksanakan secara sistematik langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjaga dan memperbaiki kualiti-kualiti sungai di seluruh negara. Ada kemungkinan sebuah yunit khas akan ditubuhkan bagi menghadapi masalah ini. Keadaan ini tidaklah dapat dikatakan menjejaskan projek-projek pembangunan kerana projek-projek yang telah dirancang seperti kompleks pendaratan ikan di Genting dan jeti di Semerak di negeri Kelantan terus dijalankan.

### GANGGUAN SIARAN TV

**6. Tuan Ibrahim bin Muhammad** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian Penerangan khususnya pihak RTM sedar bahawa penuntun-penuntun TV sama ada hitam putih atau warna di kawasan sempadan Malaysia-Thai yang menyebabkan gambar-gambar pancaran TV Malaysia tidak dapat dilihat dengan sempurna. Selain daripada terdapat gangguan gambar berlaku juga gangguan suara terutama di Rangkaian Pertama sejak bermula siaran hinggalah tamat oleh yang demikian:

- (a) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi perkara ini supaya penuntun-penuntun TV dapat melihat gambar-gambar yang lebih sempurna, dan memberi puashati kepada mereka; dan
- (b) adakah langkah-langkah diambil untuk mendapat kerjasama pihak Kerajaan Thai bagi menyelaraskan siaran TV terutama bagi mengelak gangguan seperti ini terutama di dalam penempatan alat-alat pemancar.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan belum lagi mendapat sungutan-sungutan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini. Walau bagaimanapun jikalau Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu secara lebih tepat kawasan mana di sempadan Thai yang terlibat dalam gangguan siaran ini, Kementerian Penerangan akan menyiasat dan mengambil tindakan yang perlu untuk membaiki keadaan tersebut.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa siaran daripada Malaysia ini boleh digunakan sepenuhnya oleh penduduk-penduduk di Selatan Thailand? Jadi adakah penggunaan ini merupakan satu halangan kepada penduduk-penduduk Rantau Panjang di kawasan sempadan ini mendapat siaran TV yang lebih baik?

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

**Tuan Ibrahim bin Muhammad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa siaran TV putih hitam di kawasan Rantau Panjang telah selalu dapat gangguan daripada TV Thailand. Kalau sedar, apakah tindakan boleh diambil?

**Dr Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya telah nyatakan kita belum mendapat sungutan-sungutan seperti itu. Kalau ada tolonglah memberi tahu kepada kita dan kita akan menyiasat dan memperbaiki keadaan itu.

### SENATOR-SENATOR YANG DIPILIH

**7. Tuan Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa senator-senator boleh dipilih, mengapa Kerajaan belum lagi melaksanakan peruntukan perlembagaan sejak Merdeka.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat daripada Jelutong itu menyentuh Perkara 45 Fasal (4) (b) yang berbunyi seperti berikut:

“(4) Parlimen boleh dengan undang-undang (b) membuat peruntukan supaya ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu Negeri dipilih dengan undi terus oleh pemilih-pemilih Negeri itu.”

Kalau Ahli Yang Berhormat itu amat-amati Fasal (4) (b) itu tentulah terang maksudnya bahawa perkataan yang menjadi kunci utama ialah “boleh” (may) dan bukannya “hendaklah” (shall). Dalam hal ini Perlembagaan menyediakan peruntukan bagi membolehkan Kerajaan berbuat demikian jika didapatinya perlu (enabling clause). Kerajaan adalah berpuashati dengan sistem yang dipakai sekarang

dan dengan demikian tidak perlu menggunakan peruntukan itu pada ketika ini. Dan Kerajaan akan terus berpendapat sedemikian selagi ada party seperti DAP yang akan berkempen secara perkauman dan mengelirukan rakyat dalam memilih ahli-ahli Dewan Senate (*Tepuk*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, sama ada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa pemimpin-pemimpin Barisan Nasional termasuk Menteri-menteri berkempen secara sangat perkauman dan juga membuat ugutan-ugutan dalam ucapan-ucapan mereka bahawa kalau orang ramai tidak menyokong UMNO atau Barisan Nasional akan berlaku peristiwa 13 Mei. Adakah Yang Amat Berhormat bersetuju ini sangat perkauman?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sebenarnya lain daripada soalan asal tetapi berkaitan dengan jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah pendapat Ahli Yang Berhormat. Pihak Kerajaan tidak berkempen mengikut perkauman tetapi yang kita tahu di dalam Dewan ini dan juga di luar Dewan ini DAP tidak pernah bercakap selain daripada soal perkauman (*Tepuk*).

**Tuan P. Pato:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adalah pendapat beliau sendiri bahawa kita berkempen atas isu-isu perkauman bila mana pihak Kerajaan dan beliau sendiri berkempen atas isu-isu perkauman. Walau bagaimanapun, soal tambahan, Tuan Speaker, adakah keputusan Kerajaan untuk tidak menggunakan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan untuk memilih Senator-senator secara direct adalah kerana:

- (1) Pihak Kerajaan Barisan Nasional mahu menggunakan Dewan Negara sebagai satu rubber stamp bagi Parti Barisan Nasional.
- (2) Untuk menggunakan Senate bagi menempatkan political drop-outs dan rejects Barisan Nasional.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap di sini bukan sahaja sebagai diri saya sendiri mengeluarkan pendapat tetapi saya adalah Wakil

Rakyat yang dipilih oleh rakyat untuk duduk di dalam Dewan ini dan juga saya dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri. Apabila Ahli Yang Berhormat itu menjadi Timbalan Perdana Menteri dia juga boleh membuat pendapat yang mengikut sesuka hatinya.

Berkenaan dengan perkara yang kedua, soalan itu ialah anggapan Ahli Yang Berhormat dan saya tidak bercadang menjawab tentang anggappannya.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adakah isu perkauman yang dibawa oleh Ahli DAP itu merupakan hasrat mereka untuk menggagalkan Dasar Ekonomi Baru kita?

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba sekali lagi ulang soalan itu.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adakah isu perkauman yang dibawa oleh DAP itu merupakan hasrat mereka untuk menggagalkan Dasar Ekonomi Baru kita?

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya samalah pendapat dengan Ahli Yang Berhormat itu (*Ketawa*).

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa ada pihak-pihak yang menyatakan bahawa Dewan Negara itu sebagai rubber stamp. Apakah beliau sedar bahawa sama ada rubber stamp atau tidak rubber stamp, bahawa Dewan Rakyat ini telah dimenangi oleh Barisan Nasional dan adalah hak kita untuk memerintah negeri ini sama ada untuk membuat Dewan Negara itu dipilih oleh rakyat atau ditunjuk oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau oleh Dewan-dewan Undangan Negeri. Pertanyaan saya apakah ada keraguan bagi pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Dewan Negara itu adalah Dewan Negara yang betul-betul Dewan Negara?

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan itu, saya terpaksa balik kepada Dewan Rakyat. Dewan Rakyat ini dipilih oleh rakyat

dan jika dikatakan Dewan Rakyat ini memilih pula Senate itu sebagai rubber stamp maka ini bermakna bahawa rakyat yang mengizinkan Dewan Rakyat ini memilih senate itu dan rakyat yang menjadi rubber stamp. Saya ingin bertanya kepada mereka yang mencadangkan rakyat jadi rubber stamp, apa buktinya?

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Amat Berhormat sedar bahawa tokoh-tokoh Kerajaan yang tebal dengan fahaman perkauman ialah bukan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri yang boleh dibuktikan daripada kenyataan bahawa bukunya "Malay Dilemma" telah diharamkan oleh Kerajaan sendiri.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, buku saya diharamkan bukan kerana ia menunjukkan saya ini bersikap perkauman tetapi kerana ada kritik-kritik yang ada di dalam itu yang mungkin tidak menyenangkan rakan saya di belakang ini (*Ketawa*).

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada beliau sedar bahawa selain daripada menjadi sebuah parti yang chauvinistic, DAP juga adalah sebuah parti yang anti-wanita (*Ketawa*). Kerana setahu saya tidak pernah ada seorang Wakil Rakyat pun daripada kaum wanita dalam DAP.

Soalan saya ialah sama ada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hendak menasihatkan kaum wanita juga supaya tidak menyokong DAP kerana anti-wanita (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu di luar daripada soalan asal.

## PEKEBUN KECIL GETAH

**8. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar yang sebuah agensi di bawah Kementerian beliau dan sebuah agensi yang lain sedang bertelagah untuk menjadi jaguh para pekebun kecil dalam soal pengeluaran getah yang akibatnya dirasakan sangat-sangat oleh pekebun-kecil, bila dua

jatuh-jaguh ini datang memujuk mereka agar menjadikan RISDA atau MARDEC tempat mereka memajukan pengeluaran hasil getah.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, pendapat Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar. Apa yang berlaku sekarang ialah perselisihan di antara MARDEC dengan Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil (PPPK) atau pekebun-pekebun kecil sendiri kerana mereka lebih suka memproses dan menjual getah keping berbanding dengan menjual susu getah kepada MARDEC.

Pada masa ini keupayaan kilang MARDEC membeli lebih kurang 120,000 tan setahun atau lebih kurang 15% daripada jumlah pengeluaran pekebun-pekebun kecil dan jika semua getah-getah yang dibeli oleh MARDEC datangnya daripada pekebun-pekebun kecil sedangkan P.P.P.K. (Pusat Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil) mengeluarkan 22,700 tan setahun atau 2.3% daripada pengeluaran getah pekebun-pekebun kecil. Ini bermakna masih terdapat kira-kira 83% atau 829,000 tan lagi getah pekebun-pekebun kecil yang tidak dibeli oleh MARDEC dan bukan terdiri daripada ahli P.P.P.K.

Pada amnya RISDA mengawasi penjualan getah pekebun kecil bagi menentukan mereka mendapat harga yang adil dan jika harga yang ditawarkan kepada pekebun kecil itu murah daripada harga yang patut diterima oleh mereka pada satu-satu masa tertentu, maka RISDA sendiri akan membelinya. Pada tahun 1978 RISDA membeli 2,830 tan getah pekebun-pekebun kecil. Memandangkan MARDEC juga ada membeli getah-getah keping, maka MARDEC sentiasa dipelawa bersama untuk memasuki tender di samping pembeli-pembeli lain daripada PPPK tadi. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa PPPK berhak memilih tawaran harga yang paling tinggi dan tidak semua getah daripada PPPK dapat dibeli oleh RISDA sekalipun.

Suka saya menegaskan di sini bahawa jumlah pasaran pekebun kecil masih banyak dan tidak timbul persaingan antara MARDEC dengan RISDA. Dasar Kerajaan ialah menolong pekebun-pekebun kecil menjualkan getah-getahnya dengan harga yang paling tinggi walau kepada siapa juapun maka adalah hak mereka itu menjual.

## MEMATUHI PRINSIP RUKUNEGARA

9. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berkaitan dengan pemodal dan pengusaha asing dalam negara ini sekarang sama ada beliau sedar bahawa adanya setengah daripada mereka yang tidak mematuhi undang-undang negara dan prinsip-prinsip Rukunegara. Oleh kerana Kerajaan mengalu-alukan pemodal-pemodal asing untuk menanam modal di negara ini untuk memajukan ekonomi negara dan dengan demikian meninggikan taraf hidup rakyat dan demi untuk mengekalkan harmoni dalam masyarakat yang berbilang kaum di negara ini, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan bahawa pemodal-pemodal dan pengusaha-pengusaha asing ini mematuhi undang-undang negara ini serta prinsip-prinsip Rukunegara.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Kerajaan sedar dan mengetahui bahawa ada di antara pemodal dan pengusaha asing dalam negara ini yang bertindak bertentangan dengan prinsip Rukunegara.

Walaupun pada asasnya Kerajaan menggalakkan pelaburan asing dan membenarkan pegawai-pegawai asing datang ke negara ini untuk menjaga dan mengawal pelaburan mereka, di samping itu juga Kerajaan sentiasa mengawal agar pegawai-pegawai asing tersebut mematuhi semua undang-undang negara dan prinsip-prinsip Rukunegara. Dari masa ke semasa Jawatankuasa Tetap Perwarganegaraan dalam Kementerian saya ada menerima laporan daripada orang ramai berhubung dengan perbuatan pegawai-pegawai asing yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukunegara dan undang-undang negara. Dalam semua kes seperti ini aduan tersebut akan disiasat dan apabila didapati benar, pas-pas lawatan pegawai dagang yang berkenaan akan ditamatkan.

## DASAR PERUMAHAN NEGARA

10. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (i) bilakah Kerajaan akan mengadakan suatu Dasar Perumahan Negara untuk merancang terhadap keperluan-keperluan perumahan oleh rakyat;

- (ii) adakah beliau sedar bahawa rancangan perumahan Kerajaan yang ada sekarang adalah terlalu tidak mencukupi untuk menghadapi keperluan orang miskin dan orang yang "laparkan rumah", dan jika ya, apakah langkah-langkah yang beliau bercadang hendak ambil untuk mengatasi masalah ini di tahun-tahun yang hadapan;

- (iii) apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini oleh Kerajaan bagi menentukan bahawa rumah-rumah boleh didapati bagi rakyat dengan harga-harga yang menasabah; dan

- (iv) apakah hasil-hasil positif yang telah dicapai oleh Kementerian beliau semasa pertemuan dan dialog yang beliau adakan dengan Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua.

- (i) Dasar perumahan Kerajaan sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum telahpun dihuraikan di dalam manifesto parti Barisan Nasional. Dari segi perumahan adalah dinyatakan bahawa Kerajaan akan terus membina lebih banyak lagi rumah-rumah awam kos rendah dan memberi galakan-galakan yang tertentu supaya tiap-tiap rakyat di negara ini akan dapat menikmati rumah yang selesa (decent shelter). Cara-cara dasar ini dilaksanakan telahpun dirakamkan di dalam Buku Rancangan Malaysia Ketiga dan kemajuannya bersama-sama dibentangkan di dalam persidangan Parlimen pada kali ini di dalam Buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Sungguhpun begitu Kerajaan sedang meneliti dengan mendalam sama ada dasar ini perlu diperbaiki mengambil kira keadaan dan masa yang ada.

- (ii) Kerajaan sedar bahawa pembekalan rumah-rumah untuk orang-orang miskin memang tidak mencukupi dan itulah sebabnya Kerajaan telah mengambil langkah tertentu untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah awam kos rendah dan rumah murah sama ada di kawasan Wilayah Persekutuan ataupun di kawasan-kawasan bandar di negeri-negeri lain. Di Wilayah Persekutuan umpamanya rancangan yang pesat

sedang dilaksanakan untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah awam kos rendah untuk setinggan-setinggan. Bagi negara keseluruhannya Kerajaan sedang menjalankan kajian-kajian berkenaan dengan sekim tapak dan kemudahan yang dibantu oleh Bank Dunia termasuk juga satu kajian untuk menggunakan bekas tapak lombong yang sedang dijalankan dengan bantuan Kerajaan Negeri Jepun. Selain daripada itu Kerajaan juga sedang menyediakan kesemua alat-alat yang tertentu untuk mengadakan satu banci penduduk dan perumahan yang akan dilaksanakan pada tahun 1980. Diharapkan dengan adanya maklumat-maklumat yang dikehendaki itu satu rancangan yang tepat dapat disediakan supaya lebih banyak lagi rumah-rumah dan kemudahan-kemudahan tertentu disediakan untuk rakyat negeri ini.

(iii) Berkenaan dengan harga rumah, Kerajaan sememangnya telah mengambil tindakan yang tertentu untuk menjaga kenaikan harga-harga bahan-bahan rumah seperti simen, besi dan sebagainya dan bahan-bahan itu dijadikan sebagai satu barang yang dikawal. Selain daripada itu Kementerian saya telah meminta kesemua pemaju-pemaju perumahan mengemukakan harga-harga rumah semasa mereka menyampaikan permohonan permit iklan dan jika ada apa-apa perubahan mereka hendaklah memberitahu Kementerian untuk mengelakkan adanya kenaikan harga yang tidak berpatutan.

(iv) (a) Perjumpaan antara Persatuan Pemaju Perumahan dengan saya adalah bermanfaat dari segi bertukar-tukar fikiran di antara Kerajaan dengan pemaju-pemaju. Persatuan Pemaju Perumahan telah memberitahu Kementerian saya bahawa harga rumah yang dibina oleh mereka tidak naik sebagaimana yang disiarkan di dalam akhbar dan mereka berjanji akan memberi penjelasan yang lanjut kepada Kementerian bukan sahaja di atas hal ini tetapi di dalam hal-hal yang lain juga. Mereka akan bekerjasama dengan Kementerian untuk menentukan rancangan-rancangan perumahan dapat dicapai mengikut matlamat yang disebutkan di dalam

Rancangan Malaysia Ketiga. Pada amnya pemaju-pemaju perumahan sudah menjalankan tugas mereka dengan memuaskan dan Kementerian saya sememangnya berharap Persatuan Pemaju Perumahan itu akan dapat memainkan peranan yang lebih positif lagi di masa hadapan.

(b) Di antara perkara-perkara yang telah dibincangkan dan dipersetujui Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan ialah:

- (1) Pemaju-pemaju hendaklah menunjukkan harga rumah di dalam risalah iklan mereka;
- (2) Pemaju-pemaju pada masa hadapan hendaklah menggunakan Perjanjian Jual Beli yang sama seperti yang akan disediakan oleh Kementerian kelak;
- (3) Penubuhan Panel Perumahan di mana di antara lain masalah-masalah yang timbul di antara pembeli-pembeli dan pemaju-pemaju akan dapat diselesaikan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, saya ada dua soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa Dasar Perumahan Negara Kerajaan Barisan Nasional adalah sangat berkesan.

Di sini saya ingin bertanya:

- (1) Samada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu Lembaga Perumahan (Housing Authority) untuk menggantikan Jabatan Perumahan yang wujud sekarang supaya langkah-langkah yang lebih dinamis dan positif dapat diambil untuk menguruskan dan mengatasi masalah perumahan yang kita hadapi sekarang.
- (2) Dengan hasrat Kerajaan untuk membina lebih banyak rumah-rumah khususnya rumah-rumah kos rendah, saya ingin mendapat tahu apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk menentukan bahawa rumah-rumah khasnya rumah-rumah kos rendah hanya diperuntukkan kepada mereka yang benar-benar layak. Oleh sebab pada masa lalu saya sendiri

sebagai wakil rakyat telah menerima banyak aduan-aduan bahawa rumah-rumah kos rendah telah diperuntukkan kepada si pemohon yang tidak layak untuk mendapat rumah itu.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab jawapan itu:

- (1) Tidak ada cadangan untuk hendak menubuhkan satu Lembaga yang lain daripada yang ada sekarang.
- (2) Untuk mengatasi masalah rumah ini Ahli Yang Berhormat selalu saya beritahu di dalam Dewan yang mulia ini iaitu apakala sesuatu rancangan perumahan ini telah sedia untuk diberikan kepada mereka yang berpendapatan rendah. Jadi dasar Kementerian saya ialah hendak memberi nasihat dan memberitahu dan perkara-perkara itu telah dilaksanakan. Tiap-tiap yang telah dishortlist dan dapat rumah ini adalah dipamirkan kepada orang ramai. Saya harap Ahli Yang Berhormat tolong pergi tengok di papan-papan itu kalau ada mereka yang tidak layak untuk mendapat rumah ini tolonglah beritahu kepada Lembaga yang memilih rancangan perumahan itu. Itu selalu saya beritahu dalam Dewan ini.

### PENERBANGAN CONCORDE

**11. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Pengangkutan menyatakan iaitu memandang kepada kebenaran yang telahpun diberi oleh Kerajaan kita kepada Penerbangan Concorde melalui angkasa Malaysia sebagai percubaan selama enam (6) bulan. Kerajaan Inggeris akan menimbang untuk:

- (i) memberi lebih banyak lagi hak-hak mendarat di London dan di Hong Kong bagi Pesawat Penerbangan Malaysia (MAS);
- (ii) menggantikan Boeing 707 dan DC—1C dengan Bas udara (airbus) di sebelah sektor Timur; dan
- (iii) melepaskan pembayaran yang dikenakan kepada tiap-tiap penumpang dibawa oleh MAS manakala mendarat di Lapanganterbang London.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan saya sendiri telah maklumkan di Dewan ini di masa yang lepas bahawa issue Concorde dan rundingan udara di antara Kerajaan Malaysia dan British adalah perkara berasingan. Namun demikian walaupun penerbangan Concorde telah diberi sebagai percubaan selama 6 bulan rundingan perkhidmatan udara di antara Malaysia dengan United Kingdom masih berjalan. Rundingan yang lepas telah diadakan pada awal bulan Februari, 1979 dan akan disambung lagi pada bulan ini ataupun bulan hadapan.

### PEMINJAM BANK SWASTA

**12. Tuan Alias bin Mohamed Ali** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar tentang amalan setengah bank swasta dan mana peminjam-peminjam terpaksa membayar beberapa peratus pinjaman mereka kepada pegawai-pegawai bank sebagai syarat untuk mendapatkan kelulusan atau mempercepatkan kelulusan pinjaman itu dan jika ya, sama ada Biro Siasatan Negara telah diminta menyiasat perkara ini.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada mendengar khabar-khabar angin atau berita menyatakan ada pegawai-pegawai bank yang mendapat sagu hati daripada pelanggan-pelanggan sebagai balasan terhadap kelulusan pinjaman ataupun mengenai syarat memberi sagu hati sebelum satu-satu permohonan pinjaman itu diluluskan. Walau bagaimanapun saya tidak pernah menerima sebarang pengaduan rasmi secara bertulis dengan bukti-bukti yang nyata daripada orang awam atau pelanggan-pelanggan bank yang berkenaan mengenai perkara ini yang membolehkan Bank Negara Malaysia dan Biro Siasatan Negara menjalankan penyiasatan. Saya ingin memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai dan Kakitangan-kakitangan Bank adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta Bank 1973 dan jika mereka meminta atau menerima sagu hati dari orang ramai untuk membolehkan seseorang itu mendapat kemudahan-kemudahan kredit dari bank yang berkenaan mereka adalah melakukan kesalahan dan boleh dihukum. Saya sangat berterima kasih jika orang ramai yang mempunyai bukti-bukti yang sah tentang perkara

ini melaporkan kecurangan tersebut kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan iaitu Bahagian Kewangan Kementerian saya, Jabatan Bank di Bank Negara dan Biro Siasatan Negara. Kerajaan memang memandang berat mengenai perkara ini. Dan suka juga saya mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian semua pegawai-pegawai bank yang berkenaan supaya jangan melakukan amalan curang. Sekiranya ada di antara mereka yang berbuat demikian, kita tidak ragu-ragu untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka kerana mereka mengendalikan urusniaga mereka dengan menggunakan wang simpanan daripada orang ramai. Kerajaan memandang berat di atas perkara ini kerana ia boleh menjejaskan kepercayaan serta pandangan orang ramai terhadap bank-bank yang berkenaan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa selain daripada bank-bank ada berlaku kecurangan untuk menuntut sugu hati daripada pemohon-pemohon pinjaman dan ini berlaku di dalam syarikat-syarikat kewangan (finance companies). Sepertimana saya ada menghantar laporan rasmi kepada Yang Berhormat pada 6hb Januari 1979 di mana saya ada memberitahu Yang Berhormat bahawa syarikat-syarikat kewangan ini ada menuntut sebanyak 6% football money daripada pemohon. Di sini saya ingin sekali mengetahui bahawa apakah tindakan-tindakan yang konkrit telah diambil oleh Yang Berhormat terhadap amalan football money itu.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang memandang berat mengenai perkara ini oleh kerana kita tidak mengizinkan badan-badan kewangan meminta football money atau kick back dalam urusniaganya. Jadi kalaulah Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti yang sah, silalah kemukakan kepada saya untuk dijalankan siasatan yang lanjut dan tindakan yang wajar akan diambil. Setakat ini siasatan yang dijalankan oleh Bank Negara mengenai apa yang dilaporkan oleh Ahli Yang Berhormat pada saya pada 6hb Januari, 1979 itu tidak memberi apa-apa penjelasan ataupun bukti kepada Bank Negara sendiri.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Syarikat-syarikat Kewangan (Finance Companies) itu sangat pandai untuk menuntut

sugu hati dengan cash. Dengan sebab itu saya hendak mendapat tahu apakah langkah-langkah yang berkesan untuk mencegah semua syarikat kewangan menuntut football money daripada pemohon-pemohon yang begitu tinggi, setinggi 6%. Kalau hendak minta bukti sangatlah susah bagi kita, biasanya mereka tuntut dengan meminta wang tunai.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bergantung kepada kerjasama, sebagaimana yang saya katakan tadi daripada rakyat, daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan untuk memberi maklumat kepada kami, dengan bukti-bukti yang sah barulah kami dapat bertindak. Tetapi kami mustahil hendak mencari semua sekali perkara curang yang berlaku itu.

## KEBUDAYAAN MALAYSIA

**13. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah Kebudayaan Malaysia; dan
- (b) adakah menukarkan gasing, memainkan layang-layang dan tarian singa satu bahagian Kebudayaan Malaysia.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kebudayaan Malaysia, seperti kebudayaan negara-negara lain, masih terus dalam proses perkembangan iaitu berpandukan kepada dasar-dasar dan lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971. Kebudayaan Kebangsaan atau Kebudayaan Malaysia itu dalam penafsirannya adalah akan merupakan kebudayaan seluruh rakyat dan ianya mengatasi atau melampaui kebudayaan kesukuan ataupun kaum. Sebaliknya kebudayaan-kebudayaan itu akan terus hidup dan boleh diamalkan sesuai dengan kehendak Perlembagaan dan Rukun Negara. Manakala ciri-ciri yang sesuai di dalam kebudayaan suku/kaum itu akan pula menjadi bahagian kebudayaan kebangsaan dengan nilai-nilai utama yang nyata.
- (b) Kebudayaan lebih merangkumi seluruh cara kehidupan masyarakat, adat istiadat, undang-undang, nilai dan

norma, kepercayaan moral dan sebagainya. Jenis-jenis permainan seperti menukar gasing, mainan layang-layang merupakan jenis permainan tradisi, tarian singa merupakan satu aspek kebudayaan sebahagian rakyat Malaysia dan kemungkinan akan menjadi sebahagian daripada kebudayaan Malaysia adalah dalam perhatian.

### TV PENDIDIKAN

**14. Tuan Aliuddin bin Pengiran Haji Mohd. Tahir** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar bahawa kebanyakan daripada pelajar-pelajar di kawasan luar bandar Negeri Sabah tidak dapat mengikuti Siaran TV Pendidikan disebabkan masalah kekurangan bekalan elektrik manakala jenerator yang dibekalkan tidak memuaskan disebabkan selalu rosak. Jika sedar apakah cara yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod di Kementerian saya hanya terdapat 15 kerosakan pada jana kuasa di sekolah-sekolah di negeri Sabah yang telah dilaporkan. Tindakan telahpun diambil untuk memperbaiki jana kuasa-jana kuasa yang rosak dan jana kuasa-jana kuasa itu telahpun dikembalikan kepada sekolah berkenaan. Dalam hal ini ada kalanya urusan memperbaiki kerosakan itu telah memakan masa yang panjang sedikit disebabkan jana kuasa tersebut terpaksa dihantar balik pada pembekal kerana kerosakan itu timbul dalam tempoh jaminan dan ada kalanya juga disebabkan oleh alat ganti sukar diperbaiki. Sebagai satu cara untuk mengatasi masalah ini jana kuasa-jana kuasa yang disimpan di Jabatan Pelajaran Negeri Sabah telahpun dipinjamkan ke sekolah-sekolah sementara menunggu jana kuasa yang rosak itu diperbaiki. Ini dilakukan untuk menjamin supaya murid-murid terus dapat mengikuti rancangan TV Pendidikan.

Mengikut laporan daripada Ketua Perkhidmatan Sebaran Pendidikan Sabah hanya terdapat dua kerosakan pada jana kuasa yang dilaporkan di kawasan Ahli Yang Berhormat iaitu kawasan Kimanis dalam Residensi Pantai Barat iaitu satu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Sembiling dan dua

di Sekolah Rendah Kebangsaan Bongawan. Kedua-dua kes kerosakan ini telahpun diperbaiki.

### RUMAH-RUMAH GURU

**15. Tuan Sibat Miut anak Tagong** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan membaiki rumah-rumah guru yang mengajar di luar bandar kerana mereka membayar sewa rumah yang sama banyaknya dengan rakan-rakan sejawat mereka yang mengajar di sekolah-sekolah bandar dan pinggir bandar yang mana rumah-rumahnya adalah dalam keadaan yang lebih baik.

**Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang sentiasa berusaha untuk membina dan memperbaiki rumah-rumah guru di luar bandar supaya dapat menggalakkan guru-guru yang berkebolehan mengajar di kawasan-kawasan tersebut, langkah-langkah ini sedang dipergiatkan.

### LAPORAN WARTAWAN-WARTAWAN ASING

**16. Wan Zainab binti M. A. Bakar** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memberhentikan perbuatan wartawan-wartawan asing yang kadang-kadang menyelewengkan laporan atau berita mengenai Malaysia.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, kita memandang soal ini dari dua segi. Satu dari segi politiknya, satu dari segi undang-undang. Dan sambil itu kita memandang juga soal ini apakah laporan yang dibuat itu di dalam negeri ini atau di luar negeri dan kita memandang pula adakah penulis itu masih ada dalam negeri ini atau ia menulis dari luar. Jadi apa juga langkah yang kita ambil terpaksa kita tengok daripada keadaan. Umpamanya, sekiranya wartawan itu dia di luar, karangan atau laporannya dicap di luar, langkah yang kita boleh buat kalau sekiranya laporan-laporan itu perkara-perkara politik, maka jawapannya juga adalah dengan cara politik. Kalau di luar umpamanya laporan itu, maka Kedutaan kita akan membuat jawapan yang sewajarnya.

Tetapi kalau sekiranya rencana itu dicap di dalam negeri kita ini, walaupun pengarangnya di luar, ini kita akan balas dengan cara penerangan yang ada pada kita. Tetapi kalau sekiranya rencana ini adalah melanggar undang-undang kita ada beberapa undang-undang, umpamanya, Undang-undang Akta Hasutan (Sedition Act), kalau sekiranya karangan ini di luar yang kita boleh buat hanya selain daripada memberi keterangan dan kenyataan yang benar kita menahan jangan rencana ini dapat masuk ke dalam negara. Tetapi kalau dalam keadaan yang lain, umpamanya, wartawan itu di dalam negeri dan dia membuat satu rencana yang dicap di dalam negeri kita ini menyalahi undang-undang negara kita, sudah tentu kita akan mengambil langkah dengan cara undang-undang. Kalau laporannya dengan cara politik kita ambil pulalah langkah dengan cara politik, kita menjawab dengan cara politik. Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita khuatir sangat kerana kita mesti sentiasa menjaga keadaan iaitu kebebasan akhbar dan kebebasan bersuara yang terlengkong di dalam apa yang diizinkan oleh undang-undang. Tetapi kita mesti ingat juga ada daripada beberapa keadaan, umpamanya, ada penulis-penulis ini sudah termakan budi dari segi politik daripada pihak-pihak yang tidak senang dengan Kerajaan, sebab itulah maka ada rancangan-rancangan yang begitu. Kita janganlah terlalu khuatir sehingga kita over-reacting di dalam hal ini.

### PASARAN HASIL PERTANIAN

**17. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bahawa kesulitan yang dihadapi oleh petani-petani untuk memasarkan hasil-hasil pertanian mereka ialah 'JALAN'. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa keadaan perhubungan yang amat menyedihkan itu telah memberikan kesempatan yang baik kepada orang-orang tengah masuk meraih ke kampung dan mengeksploitasi orang-orang kampung.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Haji Wan Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar keadaan perhubungan yang buruk di kawasan luar bandar

telah menimbulkan kesulitan-kesulitan kepada petani untuk memasarkan hasil pertanian mereka. Untuk memperbaiki keadaan ini, Kerajaan telahpun melancarkan rancangan mempercepatkan pembinaan jalan-jalan luar bandar secara besar-besaran. Di dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga Kerajaan akan membina 1,790 batu jalan luar bandar dan akan memperbaiki taraf jalan tanah sepanjang 803 batu.

### PUNGUTAN TOL LEBUHRAYA UTARA-SELATAN

**18. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan berhubung dengan kenyataan yang dibuat oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini mengenai cadangan Kerajaan hendak membina lebuh-raya utara-selatan di Semenanjung dengan menawarkan tender-tender kepada pemborong-pemborong yang nantinya akan membina projek tersebut dengan perbelanjaan mereka sendiri dan kemudiannya mereka akan dapat pulangan modal serta keuntungan melalui pungutan tol, adakah Kerajaan telah membuat kajian lengkap dari segi sosial dan ekonomi dan sama ada rancangan ini mendapat persetujuan dari Kabinet, dan jika ya, nyatakan:

- (i) (a) bila kerja pembinaannya akan dimulakan;
  - (b) tempoh masa dianggarkan boleh siap;
  - (c) anggaran perbelanjaan yang terlibat;
  - (d) jumlah bilangan rumah pungutan tol yang akan dibina dari Padang Besar hingga ke Johor Bahru;
  - (e) rumah-rumah pungutan tol di mana pemborong boleh memungut tol;
  - (f) adakah kutipan tol akan diteruskan seperti di Slim River setelah jumlah wang perbelanjaan dapat dipungut semula ataupun diberhentikan seperti di Jambatan Yahaya Putra di Kelantan; dan
- (ii) Jika tidak, sama ada Kerajaan telah membuat komitmen dengan kenyataan Timbalan Perdana Menteri itu.

**Dr Nik Hussein bin Haji Wan Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Star adalah dimaklumkan bahawa dalam rancangan pembinaan lebuhraya dari utara ke selatan Semenanjung Malaysia, kesan pembinaan lebuhraya itu dari segi sosial dan ekonomi adalah diambil pertimbangan sepenuhnya. Sebagaimana juga keputusan-keputusan Kerajaan yang lain, keputusan membina lebuhraya itu adalah dibuat oleh Kabinet.

Berhubung dengan soalan-soalan tambahan yang telah dikemukakan berkaitan dengan perkara ini, saya telahpun memberikan jawapan pada persidangan Parlimen yang lalu dalam Dewan yang mulia ini pada 15hb Disember, 1978.

#### JABATAN PENCEGAH MAKSIAH

**19. Tuan P. Patto** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dengan adanya Jabatan Pencegah Maksiat di negara ini boleh dihapuskan sama sekali sedangkan Kerajaan Barisan Nasional sendiri menggalakkan maksiat dengan membenarkan penjualan arak, perjudian seperti di kasino-kasino dan lain-lain tempat perjudian dan sama ada beliau sedar bahawa ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, maksiat adalah sukar untuk dihapuskan sama sekali dalam mana-mana negara dan apa-apa sistem yang dipakai sekalipun. Di dalam negara yang mengamalkan Undang-undang Islam hampir sepenuhnya juga terdapat maksiat, adanya maksiat di dalam negara itu tidak bermakna bahawa Undang-undang Islam menggalakkan maksiat, begitu juga dengan undang-undang lain. Saya ingin menasihatkan Ahli Yang Berhormat supaya jangan mempermainkan Islam dan amalan undang-undang Islam dalam negara ini untuk kepentingan politik. Jika salah langkah Ahli Yang Berhormat sendiri mungkin akan merasai kesannya. Jika Ahli Yang Berhormat sedar tentang Islam dan undang-undangnya, hari ini juga Ahli Yang Berhormat patut tolak cara-cara yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kerana Ahli Yang Berhormat tidak sedar maka dianya berada dalam kegelapan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar dengan adanya Badan Pencegah Maksiat ini maksiat akan bertambah apabila pegawai-pegawai Pencegah Maksiat sendiri telah melakukan maksiat sebagaimana yang berlaku di Kelantan. (*Ketawa*).

Kedua, dengan penjualan arak ini adakah akan merosotnya penjualan todi (*Ketawa*) dan dengan merosotnya . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukuplah, soalan tambahannya banyak sangat.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Sambungannya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambungan tidak habis-habis.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** . . . . . dengan merosotnya penjualan todi ini akan merugikan pihak-pihak yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan minuman yang disukainya iaitu kuli-kuli atau penjual kacang putih.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, adanya Badan Pencegah Maksiat tidak menyebabkan maksiat bertambah, tetapi kalau pegawai itu terdorong kepada itu, apa juga Badan yang ditubuhkan tidak dapat menyekat perkembangan maksiat. Jadi yang penting bukan Badan itu tetapi ahli-ahli ataupun pegawai-pegawai yang dilantik dalam Badan itu.

Saya belum lagi membuat satu kumpulan statistik untuk menentukan sama ada penjualan arak itu menjejaskan penjualan todi, tetapi kita cuba mengurangkan minuman todi ini kerana akan menghabiskan wang ringgit mereka yang berpendapatan rendah.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri cuba confuse dan memutar-belitkan apa yang saya telah bertanya. Saya tidak di mana-mana pun berkata bahawa Islam membenarkan maksiat-maksiat ini. Apa yang saya bertanya mengapa pihak Kerajaan tidak mematuhi ajaran-ajaran Islam tetapi membenarkan maksiat seperti yang saya tunjukkan dalam soalan saya wujud dalam negara kita.

Kedua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada pihak Kerajaan masih mahu mengeluarkan lesen-lesen untuk perjudian dan akan melanjutkan juga perjudian yang sedang ada seperti Empat Ekor.

**Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi perlaksanaan Undang-undang Islam ini patut ditentukan oleh mereka yang faham tentang Undang-undang Islam. Memang benar perkara Undang-undang Islam ini diselenggarakan atau tidak merupakan satu cara untuk mendapat sokongan politik dan saya berharap nasihat saya itu dapat dipatuhi oleh Ahli Yang Berhormat.

### RUMAH-RUMAH HARGA MURAH

**20. Tuan V. David** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar akibat harga rumah-rumah yang sentiasa naik rakyat biasa menghadapi kesulitan untuk membeli rumah-rumah dan nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk hentikan peningkatan sentiasa harga rumah-rumah; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang kerajaan telah diambil untuk menggalakkan pemaju-pemaju perumahan membina rumah-rumah berharga rendah.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya memang sedar di atas akibat harga-harga rumah yang naik dari masa ke semasa, terutama sekali kemungkinan kesulitan rakyat yang berpendapatan rendah untuk membeli rumah-rumah tersebut. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum harga rumah adalah tertakluk kepada bekalan dan keperluan (supply and demand) sebagaimana diamalkan di bawah sistem ekonomi negara yang ada. Memandangkan perlunya lebih banyak lagi rumah-rumah dibina terutama sekali untuk penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah, Kerajaan telah berusaha dengan sedaya upaya untuk membina lebih banyak

lagi rumah-rumah awam kos rendah. Ini adalah jelas jika dilihat di dalam buku Kajian Rancangan Malaysia Ketiga yang saya percaya Ahli Yang Berhormat sudahpun membacanya.

- (b) Kementerian saya sentiasa menggalakkan pemaju-pemaju perumahan untuk membina rumah-rumah yang berharga rendah tatkala memberi lesen dan permit iklan. Di dalam kelulusan yang diberi itu galakan dan dorongan adalah diberi kepada pemaju-pemaju untuk membina rumah-rumah murah yang berharga kurang daripada \$20,000 seyunit. Selain daripada itu Kerajaan ada juga mengambil tindakan bersama-sama dengan pemaju perumahan untuk membina rumah-rumah sepertimana yang telah diumumkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan kajiannya—seperti rumah “cluster-link” di Cheras bersama dengan Syarikat Perumahan H.D.A. dan juga di antara Kerajaan Negeri dengan pemaju-pemaju seperti di kawasan Klang, Selangor. Sebagaimana juga di maklumkan Kerajaan sudah mengadakan peruntukan “end-financing” di bawah sekim yang dikelolakan oleh Malaysia Building Society Berhad untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah yang berharga kurang daripada \$20,000 seyunit dan keutamaannya diberi kepada rumah-rumah yang berharga lebih kurang \$12,000 seyunit untuk menampung keperluan rakyat jelata yang berpendapatan kurang daripada \$500 sebulan. Pemaju-pemaju perumahan telah mengambil kesempatan untuk menggunakan peruntukan “end-financing” dari Malaysia Building Society Berhad.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 21 hingga 64 adalah diberi di bawah ini).

### PELAJAR-PELAJAR BUKAN MELAYU DI UNIVERSITI

**21. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau akan memberi jaminan untuk memberi tempat yang lebih banyak

kepada pelajar-pelajar bukan Melayu di dalam Universiti-universiti sekarang ini, memberi erti bahawa bilangan anak-anak Melayu (Bumiputra) di dalam bidang pengajian tinggi sekarang telah benar-benar memuaskan. Dan adakah dengan jaminan ini bererti Dasar Ekonomi Baru yang telah diterima oleh semua pihak dan telah menjadi asas bagi pembahagian quota di bidang pengajian tinggi itu diabaikan.

**Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):** Jawapan kepada soalan yang hampir sama telahpun diberikan pada 19-3-1979 ketika menjawab soalan Yang Berhormat dari Petaling.

#### ANGGOTA POLIS—PAKAIAN SERAGAM

**22. Tuan Hashim bin Endut** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa pakaian seragam anggota-anggota Polis Di Raja Malaysia telah dianggap sebagai yang paling cantik dan menarik di rantau ini; dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa gaun pendek yang dipakai oleh polis wanita adalah menjolok mata walaupun kemas oleh kerana ianya tidak sejajar dengan pakaian wanita-wanita Islam, dan jika ia, sama ada Kerajaan akan mengarahkan mereka memakai seluar sama seperti polis lelaki dan sama ada pakaian seragam mereka ini akan diubahsuakan di masa hadapan.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Pakaian seragam anggota-anggota Polis Di Raja Malaysia sepertimana yang terdapat pada masa ini adalah difikirkan sesuai dan sejajar dengan tugas-tugas dan tanggungjawab yang mereka jalankan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, keputusan telah pun diambil untuk menggantikan pakaian seragam Polis Wanita dengan baju kemeja berlengan panjang dan seluar panjang sepertimana pakaian anggota-anggota Polis Wanita di dalam Pasukan Polis Hutan dan Pasukan Simpanan Persekutuan. Pada masa ini tindakan-tindakan sewajarnya di atas perkara berkenaan sedang dilaksanakan.

#### PENERBANGAN SUPERSONIC CONCORDE

**23. Tuan Leonard Linggi Jugah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada sebarang penyelidikan telah dilakukan untuk memeriksa kesan keatas alam sekitar Malaysia bersabit dengan penerbangan supersonik concorde menerusi ruang angkasa Malaysia, dan jika ya, apakah rumusan tersebut.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Sebelum Concorde diberi kebenaran merentasi ruang angkasa Malaysia bagi tempoh percubaan selama enam bulan, satu kajian awal mengenai kesan yang mungkin ditimbulkan oleh Concorde itu ke atas alam sekeliling Malaysia telah dibuat.

Berdasarkan kajian ini, Jabatan Penerbangan Awam telah membenarkan satu jalan penerbangan (flight path) untuk Concorde.

Kesan bunyi-bunyi sonik (sonic booms) khususnya ke atas ekosistem alam semulajadi termasuk perikanan hanya dapat ditentukan selepas satu jangkamasa yang panjang. Memandangkan ini, pihak Kerajaan bercadang untuk meneruskan usaha mengawas kesan-kesan alam sekeliling Malaysia.

#### PENERBITAN SOCIALIST INTERNATIONAL CONFERENCE ON DISARMAMENT

**24. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar penerbitan yang dikeluarkan oleh Gabungan Sosialis Antarabangsa bernama "Socialist International Conference on Disarmament, Helsinki, April 24-26 1978" yang mengandungi rancangan, senarai para peserta dan ucapan-ucapan utama yang dilafazkan di dalam persidangan tersebut telah diharamkan oleh beliau dan jika ya, nyatakan sama ada pengharaman ini dibuat kerana Kerajaan menentang usaha-usaha antarabangsa untuk menghentikan "disarmament" di seluruh dunia.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Buku ini tidak diharamkan. Walau bagaimanapun, oleh kerana ia mengandungi suatu ucapan yang dianggap prasangka (prejudicial), maka pencedarannya telah dilarang

di Malaysia di bawah seksyen 9 Akta Kawalan Penerbitan-penerbitan Yang Diimpot 1958 (Disemak) 1972.

### TAR DI JALANRAYA SANDAKAN/ BUKIT GARAM/LAHAD DATU

25. Tuan Abdul Ghani Misbah minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah Kerajaan hendak membubuh tar ke atas jalanraya Sandakan/Bukit Garam/Lahad Datu memandangkan perancangan dan pelaksanaan pembangunan besar tanah pertanian di sepanjang jalanraya tersebut.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon): Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan, adalah dimaklumkan bahawa jalanraya itu sedang dalam peringkat pembinaan dengan permukaan jalan batu (gravel). Tindakan untuk membubuh tar pada jalan itu dijangka akan dimulakan di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

### QUARTERS TAMBAHAN DI KLINIK PERGIGIAN

26. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada masa ini Klinik-klinik Pergigian di seluruh negara seperti yang terdapat di Pekan Padang Serai, Kedah tidak dilengkapi dengan rumah tempat (Quarters) untuk semua kakitangannya, pada masa ini hanya disediakan dua buah sahaja untuk doktor dan ketua jururawat. Tidakkah pihak Kementerian bercadang membina rumah "Quarters", tambahan, jika ya, bila hendak dilaksanakan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Klinik di Pekan Padang Serai, Negeri Kedah bukan satu Klinik Pergigian tetapi satu Pusat Kesihatan Besar yang mengandungi Klinik Pergigian, Pesakit Luar, Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak, dan Yunit Kesihatan Luarbandar. Pusat Kesihatan tersebut mempunyai 14 yunit quarters untuk kakitangan yang penting sekali. Bagi Bahagian Pergigian, kakitangan yang perlu diadakan di klinik selepas waktu kerja, iaitu Pegawai Pergigian dan Jururawat Pergigian, telahpun diperuntukkan quarters.

quarters untuk kakitangan di Pusat ini tiada berlainan daripada yang biasa diperuntukkan kepada tiap-tiap Pusat Kesihatan Besar negeri. Diakui pada ketika ini bahawa kakitangan-kakitangan pergigian yang lain tidak dibekalkan dengan rumah kediaman. Namun begitu atas kesedaran kekurangan inilah Kementerian Kesihatan akan merancang dan membekalkan tambahan rumah-rumah kediaman untuk semua kategori kakitangan pergigian yang bertugas di Pusat-pusat Kesihatan Besar termasuk yang ada di Pekan Padang Serai.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan telahpun mengambil satu keputusan supaya sehingga sejumlah 29 yunit quarters diperuntukkan kepada tiap-tiap Pusat Kesihatan Besar di mana ada kesulitan rumah. Tindakan bagi tambah quarters ini akan di ambil mengikut kedudukan bilangan kakitangan dan keutamaan kawasan Pusat-pusat itu.

### HOSPITAL DAERAH KEMAMAN

27. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa memandangkan pembangunan pesat yang akan berlaku di Kemaman tidak lama lagi, maka keadaan yang ada di Hospital Daerah Kemaman didapati tidak mencukupi menampung pesakit-pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan, dan jika ya, apakah terjadi kepada cadangan hendak memperbesar Hospital tersebut.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Adalah dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa mengikut rekod-rekod yang ada di Kementerian, angka-angka mengenai jumlah katil, peratus katil yang diduduki tiap-tiap hari, jumlah pesakit-pesakit luar pada tiap-tiap tahun, dan pada tiap-tiap hari di Hospital Kemaman daripada tahun 1975 hingga 1978 adalah seperti berikut:

	1975	1976	1977	1978
Jumlah Katil ..	114	108	100	100
Occupancy rate ..	42.11%	42.59%	49.00%	49.00%
Jumlah Pesakit Luar .. ..	47,070	48,558	44,796	44,025
Daily average of outpatients ..	173	178	164	162

Nisbah katil dengan tiap-tiap 1000 penduduk ialah:

1975	...	...	...	...	2.2
1980	...	...	...	...	1.71

Dengan angka-angka di atas nyatalah di Hospital Kemaman wad-wad di hospital ini hanya separuh sahaja diduduki daripada tahun 1975 hingga 1978. Jumlah pesakit luar yang dilihat hari-hari juga tidak begitu ramai. Buat masa sekarang adalah difikirkan kemudahan-kemudahan yang ada sekarang adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah membuat persetujuan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga untuk membeli tanah tambahan bagi meluaskan tapak Hospital Kemaman supaya apabila keadaan memerlukan kelak, penambahan kepada hospital ini boleh dijalankan.

#### BEKALAN ELEKTRIK KE KAMPUNG-KAMPUNG

**28. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjelaskan bilakah pihak KED akan membekalkan api letrik ke kampung-kampung di sekitar Pekan-pekan Lenggong, Sauk, Kati, Padang Rengas dan Lempur dalam kawasan Parlimen Padang Rengas, jika boleh nyatakan perbelanjaan yang diperuntukkan.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok):** Sukalah saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya belum lagi menerima permohonan dari pihak Kerajaan Negeri Perak untuk meluluskan projek-projek bekalan letrik bagi kampung-kampung di sekitar Pekan Lenggong, Pekan Sauk, Pekan Kati dan sebahagian dari kampung-kampung di sekitar Pekan Padang Rengas.

Pihak KED telahpun menyediakan kebel bawah tanah voltan tinggi antara Kampung Raban dan Lenggong. Bagi Kampung Raban dan Kampung Kuak bekalan pukal telah diberi pada 7hb Disember, 1978 dan bagi Lenggong pada 8hb Januari 1979.

Kebel voltan tinggi juga telah diberi sehingga ke Pekan Sauk dan kerja-kerja menyambung kebel-kebel tersebut sedang dijalankan sekarang. Bekalan pukal dijangka dapat dibekalkan ke Sauk pada bulan April, 1979 ini.

Pihak KED telahpun menyediakan anggaran bagi perbelanjaan projek bekalan letrik bagi kampung-kampung di sekitar pekan-pekan sebagai Yang Berhormat maksudkan seperti berikut:

- (i) Kampung-kampung di sekitar pekan Sauk dan Lenggong \$880,410.00.
- (ii) Kampung-kampung di sekitar Pekan Kati \$1,693,482.00.
- (iii) Kampung di sekitar Pekan Padang Rengas \$873,270.00.
- (iv) Anggaran belanja bagi memberi bekalan letrik ke Kampung Lempur adalah \$346,320.00.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan bagi bekalan letrik di Negeri Perak dalam Rancangan Malaysia Ketiga telah ditambah sebanyak \$10,000,000.00 lagi menjadikan peruntukan semua berjumlah \$27,300.00.

#### PASUKAN PETUGAS KHAS DI LAPANGAN TERBANG

**29. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kemajuan yang telah dibuat setakat ini oleh Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan bagi menyemak semula masalah-masalah keselamatan di semua lapangan terbang-lapangan terbang di negara ini, apakah perakuan-perakuannya dan sejauh mana perakuan-perakuannya telah dilaksanakan.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tiada Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan di Jabatan Penerbangan Awam seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, tetapi satu Bahagian Perkhidmatan Keselamatan Penerbangan Awam telah ditubuhkan di jabatan itu. Dengan tertubuhnya Bahagian tersebut, seramai 255 orang anggota Pembantu Keselamatan telah diambil dan dilatih dan mereka telahpun menjalankan tugas-tugas keselamatan di lapangan-lapangan terbang.

Di samping itu alat-alat x-ray dan walk-through metal detector juga digunakan di lapangan-lapangan terbang utama bagi memeriksa beg-beg dan penumpang-penumpang sebelum mereka menaiki kapal terbang.

## KEKURANGAN AIR

**30. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) memandangkan kekurangan air yang dialami di beberapa daerah dalam Negara kita, apakah langkah jangka pendek dan panjang yang telah/akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) apakah keperluan air di sektor pengunaan, perindustrian dan pertanian dalam Negara kita sekarang dan bagi 10 tahun akan datang.

**Dato' Lee San Choon:** Bagi menjawab soalan (a) saya suka menyatakan bahawa bekalan air adalah lebih dari mencukupi bagi memenuhi keperluan mengikut keadaan biasa. Kerajaan telah dan akan terus berusaha menambahkan bekalan air bagi memenuhi keperluan bekalan yang meningkat dari setahun ke setahun. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah memberikan peruntukan sebanyak \$350,350,400 untuk melaksanakan projek-projek utama bagi menambahkan bekalan air di seluruh negara. Di samping itu peruntukan sebanyak \$125 juta telah juga disediakan bagi projek-projek bekalan air luarbandar. Sebagai langkah jangka panjang, Kerajaan pada masa ini sedang menjalankan kajian mengenai sumber air negara (national water resources study) untuk mencari punca-punca air baru dan menentukan keperluan air negara. Dengan kajian ini Kerajaan akan dapat mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menambah bekalan air di beberapa tempat di negara ini.

Mengenai soalan (b), keperluan air bagi kegunaan di rumah (domestic) dan perusahan pada masa ini ialah lebih kurang 300 juta gelen sehari. Jumlah ini dijangka akan meningkat kepada 630 juta gelen sehari dalam masa 10 tahun yang akan datang. Soal keperluan air bagi sektor pertanian adalah di luar bidangkuasa Kementerian saya.

## LATIHAN MENGAJAR MASA CUTI SEKOLAH

**31. Tuan Chieng Tiong Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi peluang kepada guru-guru di

bawah kategori Scale D3 untuk mengikuti latihan mengajar sewaktu cuti sekolah di Sarawak; jika ya, bila jika tidak, mengapa.

**Dato' Musa bin Hitam:** Di Sarawak, kebanyakan guru-guru D3 adalah terdiri dari siswazah-siswazah Universiti-universiti Taiwan dan Nanyang. Mereka berada dalam Kategori D3 kerana mereka telah membuat pilihan memasuki Sekim Perkhidmatan Pelajaran Sarawak tahun 1973.

Di Sarawak, tidak ada rancangan untuk melatih guru-guru dalam kumpulan ini di Maktab-maktab Perguruan tempatan oleh sebab:

- (a) Tiga buah Maktab Perguruan yang terdapat di Sarawak sekarang ini belum lagi lengkap untuk melatih guru-guru siswazah.
- (b) Pada masa ini Jabatan Pelajaran sedang menjalankan latihan masa cuti bagi guru-guru sementara dalam Kategori C1, C2 dan B1 yang telah membuat pilihan masuk ke dalam Sekim Perkhidmatan Pelajaran Sarawak pada tahun 1973.

## WARTABERITA BAHASA INGGERIS/ MANDARIN DI TV

**32. Dr Wong Soon Kai** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada pihak Kerajaan dapat menyiarkan berita dalam bahasa Inggeris dan Mandarin di rangkaian ketiga talvisyen untuk penonton-penonton di Sarawak dan Sabah di samping Bahasa Malaysia, untuk menyampaikan warta berita dan penerangan Kerajaan kepada sebahagian besar rakyat yang masih lagi belum fasih dalam Bahasa Malaysia.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Hasrat sebagai dinyatakan dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu dijangka dapat dipenuhi apakala cadangan Kementerian saya bagi menyelaraskan siaran TV Malaysia ke seluruh negara dan juga menyelenggarakan semua rancangan-rancangan TV antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dilaksanakan. Cadangan Kementerian saya itu akan juga melibatkan antara lain, Rangkaian 3 TV Malaysia. Oleh sebab kemudahan-kemudahan yang ada di Rangkaian tersebut kini tidak sempurna untuk memenuhi matlamat menyelaraskan

siaran bagi seluruh negara akan menyeragamkan semua rancangan-rancangan TV maka penggunaan Rangkaian 3 itu, sebagaimana Rangkaian-rangkaian yang lain juga, akan dikaji dengan mengambil kira perkara-perkara mengenai peruntukan kewangan, alat-alat kelengkapan dan kakitangan terlatih yang perlu serta keputusan Jabatan Telekom mengenai alat perhubungan yang terlibat.

### PENCEMARAN DI SUNGAI-SUNGAI

**33. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan-tindakan tegas dan berkesan telah diambil oleh Kementeriannya untuk memperlindungi sungai-sungai dari dicemari, kerana menurut siasatan setakat ini sebanyak 42 buah sungai telah dicemari sangat siriusnya di Malaysia, 16 sungai sedang dicemari dan 7 sungai sedang menghadapi ancaman pencemaran, seperti berlakunya pencemaran baru-baru ini di Sungai Kuala Nerang (Kedah), Sungai Melaka (Melaka) Sungai Bekok (Johor), Sungai Rajang (Sarawak) dan lain-lain lagi.

**Tan Sri Ong Kee Hui:** Soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit pada 29hb November, 1978 dan jawapannya telah diberikan oleh Timbalan saya di dalam sidang itu.

Saya hanya ingin memaklumkan di sini bahawa sehingga kini semua peraturan-peraturan yang disebutkan dalam jawapan itu telah diwartakan dan yang terakhir sekali dikuatkuasakan adalah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan Dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 yang dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1979.

Untuk meninggikan keupayaan penguatkuasaan peraturan-peraturan ini beberapa pegawai teknikal tambahan telah diambil. Sehingga kini, 57 daripada 76 jawatan teknikal yang diluluskan telah diisi.

### NATIONAL SERVICE

**34. Tuan Chan Teck Chan** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan pergolakan politik di Indo-China dan Asia dan selepas terjatuhnya Kampuchea di tangan Vietnam, maka adakah Kerajaan Malaysia

akan mempertimbangkan untuk mengadakan perkhidmatan nasional (national service) untuk semua rakyat yang berumur di antara 18 tahun hingga 50 tahun supaya pertahanan Malaysia dapat diperkukuhkan sebagai tentera rakyat (rakyat yang menjadi pembela utama pertahanan negara Kita), jika tidak, apalah sebabnya, jika ya, bilakah akan dilaksanakan.

**Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):** Buat masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk mengadakan perkhidmatan negara oleh kerana kita masih berkemampuan serta berkebolehan untuk mempertahankan negara dalam sebarang keadaan darurat seperti yang telah terbukti di masa-masa yang lampau. Rakyat pada masa ini telah menyumbangkan tenaga mereka melalui pertubuhan-pertubuhan seperti Rukun Tetangga dan Rela yang membantu pasukan keselamatan menjaga keamanan dan ketenteraman.

### HOSPITAL BESAR DI SHAH ALAM

**35. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa Shah Alam, ibu negeri Selangor, yang telah dibuka dengan rasmi baru-baru ini dan banyak pejabat Kerajaan telah didirikan di sana, sama ada sebuah hospital besar boleh dibina di sana dan menjadikan Hospital Besar, Kelang sebagai hospital daerah.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kesihatan sedang giat membina sebuah Hospital Besar baru untuk menggantikan Hospital Daerah Kelang yang tidak mencukupi dan memuaskan. Kerja-kerja "test-piling" sedang berjalan atas tapak tanah untuk projek ini. Oleh hal yang demikian, tidak ada cadangan untuk membina sebuah hospital di Shah Alam setakat ini, kerana hospital baru di daerah Kelang akan memberikan perkhidmatan bukan sahaja kepada daerah Kelang, tetapi juga kepada daerah-daerah di sekelilingnya.

### GED GURU-GURU BESAR

**36. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah dasar Kerajaan sama ada, untuk mengekalkan atau tidak, seseorang Guru Besar kategori

C2 yang sedang bertugas di Sekolah Rendah Gred B yang sekolahnya itu dinaikkan ke Gred A, demikian juga Guru Besar kategori C2 yang sedang bertugas di Sekolah Rendah yang sekolahnya dinaikkan ke Gred B. Nyatakan bilakah Kerajaan menggredkan sekolah-sekolah itu dan bilakah pula pelaksanaan Kerajaan ke seluruh negara.

**Dato' Musa bin Hitam:** Perkara ini ada hubungannya dengan urusan menggredkan semula sekolah-sekolah. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat urusan tersebut masih bertaraf sulit. Kementerian saya akan mengumumkan perkara ini apabila tiba masanya.

### KEMPEN DAP DI SABAH

37. **Tuan Mark Koding** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil ke atas tektik-tektik yang tidak diinginkan yang digunakan oleh DAP dalam melancarkan kempennya di Sabah dari segi keselamatan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kerajaan sentiasa mengawasi segala kegiatan dan jika didapati percakapan atau perbuatannya menyalahi undang-undang negara atau boleh mengancam keadaan ketenteraman awam atau keselamatan negara maka tindakan sewajarnya di sisi undang-undang akan diambil.

### KEMATIAN CHAN SUI HOW DI HOSPITAL BESAR ALOR SETAR

38. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau telah mengkajiselidik sebab kematian seorang kanak-kanak, Chan Sui How, pada 23-7-78 di Hospital Besar di Alor Setar;
- (b) sama ada beliau telah membekalkan kepada ibubapa anak itu satu laporan lengkap dan teliti mengenai sebab kematian mereka;
- (c) sama ada beliau bersetuju bahawa kematian kanak-kanak itu adalah disebabkan sikap kelalaian hospital itu sebagaimana yang dituduh oleh ibubapa itu; dan
- (d) jika ya, adakah Kerajaan sedia membayar sebarang gantirugi kepada keluarga yang malang itu dan apakah

langkah-langkah akan beliau ambil untuk mencegah kejadian seperti ini dari berlaku pada masa akan datang.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Sebagai jawapan kepada soalan (a), saya telahpun mengkaji perkara ini dengan telitinya.

Berkaitan dengan soalan (b) pula, ibubapa kepada kanak-kanak yang berkenaan boleh mendapatkan laporan perubatan dari Penguasa Perubatan, Hospital Besar, Alor Setar dan saya baru sahaja menerima permohonan daripada beliau tentang perkara ini. Saya telah mengarahkan Hospital Besar Alor Setar supaya memberikan laporan tersebut kepada beliau.

Mengenai soalan (c), Kementerian saya tidak bersetuju langsung bahawa terdapat sebarang kecuai dalam pengurusan terhadap kanak-kanak ini di Hospital Besar, Alor Setar. Oleh hal yang demikian, pembayaran gantirugi kepada ibubapa kanak-kanak ini tidaklah timbul walaupun pihak Kementerian Kesihatan turut merasa dukacita di atas kematian ini.

### PAKAR BEDAH DI HOSPITAL DAERAH BUKIT MERTAJAM

39. **Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada masa sekarang tidak ada seorang pakar pembedahan ditempatkan di Hospital Daerah, Bukit Mertajam dan pada tiap-tiap hari ada tiga kes pembedahan kena dihantar ke Hospital Besar, Pulau Pinang dan sama ada beliau akan menghantar seorang pakar pembedahan ke Hospital Daerah, Bukit Mertajam. Jika tidak mengapa.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Saya sedar bahawa tidak ada pakar bedah di Hospital Daerah, Bukit Mertajam setakat ini. Seorang pakar bedah akan ditempatkan di hospital tersebut apabila didapati kelak.

### PEMBINAAN JALANRAYA DI SABAH

40. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi pembinaan jalanraya di Sabah semenjak tahun 1963;

- (b) berapa batang jalanraya dan jumlah batu yang telah disiapkan serta dibubuh tar di Sabah; dan
- (c) bilakah lebuhraya Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau dijangka akan disiapkan.

**Dato' Lee San Choon:** Bagi menjawab soalan (a) adalah dimaklumkan bahawa semenjak tahun 1963 jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi projek pembinaan jalan-jalanraya di Negeri Sabah ialah sebanyak \$560 juta.

Mengenai Jawapan soalan (b) jumlah panjang jalanraya yang telah dibubuh tar ialah 763 batu berbanding dengan sepanjang 243 batu dalam tahun 1962.

Berhubung dengan soalan (c) saya suka menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pembinaan lebuhraya Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau adalah dibahagikan kepada 4 peringkat seperti berikut:

- (i) Pembinaan Lebuhraya Kota Kinabalu ke Telupid;
- (ii) Pembinaan Lebuhraya dari Telupid ke Sandakan;
- (iii) Pembinaan Lebuhraya dari Sandakan ke Lahad Datu; dan
- (iv) Pembinaan Lebuhraya dari Lahad Datu ke Tawau.

Kerja-kerja pembinaan sedang di jalankan dan di jangka sebahagian daripada lebuhraya ini akan siap dalam tahun 1981.

### IKLAN DI TV MALAYSIA

41. **Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengatasi iklan-iklan di TV Malaysia yang berunsurkan berahi dan tidak mencerminkan identiti nasional.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Saya tidak berapa faham maksud perkataan "berahi" yang terkandung di dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun saya suka menerangkan bahawa Kementerian saya telah menubuhkan satu jawatankuasa mengandungi pakar-pakar yang bertanggungjawab bagi menentukan supaya iklan-iklan untuk siaran di TV Malaysia tidak melanggar batasan yang ditetapkan.

Sebelum diterima untuk siaran dan tayangan di TV Malaysia setiap iklan dan kandungannya adalah dipastikan oleh Kementerian saya bahawa ianya telah memenuhi kehendak Lembaga Penapis Filem serta sejajar dengan kod iklan yang telah dikuatkuasakan sejak 1962 dan telah dikemaskini dari masa ke semasa.

Kod iklan tersebut menggariskan norma dan nilai yang perlu dipatuhi oleh mana-mana pihak yang ingin menayangkan iklan mereka di TV Malaysia. Norma dan nilai itu menentukan supaya iklan-iklan yang tidak mencerminkan identiti Nasional dan yang berunsur berahi tidak digunakan oleh pihak R.T.M. Syarat juga dikenakan bahawa filem-filem iklan yang diperbuat di Malaysia sahaja boleh dipertimbangkan untuk maksud tayangan di TV Malaysia.

### RUMAH-RUMAH MURAH

42. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kekurangan rumah-rumah murah di negeri kita. Jika sedar, sama ada Kerajaan ingin mendirikan satu yunit perkembangan perumahan terutama membina rumah untuk dijual kepada orang ramai.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Michael Chen Wing Sum):** Saya sedar bahawa memang terdapat kekurangan rumah murah dinegeri kita. Atas kesedaran inilah maka Kerajaan telah menambahkan lagi peruntukan kepada sektor awam di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina lebih banyak rumah, terutama bagi rakyat yang berpendapatan rendah. Untuk program perumahan awam kos rendah sahaja yang dikembalikan oleh Kementerian saya peruntukan telah ditambah daripada \$480 juta kepada \$663.4 juta. Sasaran yunit yang akan dibina juga telah bertambah daripada 62,000 kepada 73,500 yunit.

Saya kurang faham apa yang dimaksudkan dengan "Yunit Perkembangan Perumahan" yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, saya menganggap "Yunit Perkembangan Perumahan" yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah sebuah agensi perlaksanaan yang ditugaskan khasnya untuk mengadakan rumah bagi rakyat berpendapatan rendah. Jika itu

yang dimaksudkan maka Kementerian saya tidak bercadang untuk menubuhkan apa-apa unit/agensi pada masa ini oleh kerana agensi-agensi pelaksana yang sedia ada di-negara kita pada masa ini telahpun mencukupi, baik diperingkat Persekutuan dan juga di negeri-negeri untuk melaksanakan pembinaan rumah-rumah. Kementerian saya telahpun mempunyai sebuah jabatan ialah Jabatan Perumahan Negara yang tugasnya bukan sahaja untuk menyelaras dan memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha mereka menjalankan projek perumahan awam kos rendah, malahan jabatan ini juga memberi perkhidmatan teknikal kepada negeri-negeri yang memerlukan. Bantuan teknikal yang diberi oleh Jabatan Perumahan Negara serta lain-lain perkhidmatan adalah diberi secara percuma kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Diperingkat negeri pula terdapat agensi-agensi seperti J.K.R. dan Perbadanan-perbadanan Ekonomi Kemajuan Negeri masing-masing yang mengendalikan pembinaan rumah-rumah.

### DISIPLIN DAN PERATURAN STAFF 1979

**43. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada dengan pengenalan disiplin dan peraturan-peraturan Staff 1979 akan menekan perkembangan cerdas pandai di Universiti-universiti. Jika benar, sama ada Kerajaan akan menghapuskan peraturan-peraturan ini.

**Dato' Musa bin Hitam:** Keputusan Kerajaan terhadap Peraturan yang diwartakan itu telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat. Menteri Pelajaran di Dewan yang mulia ini pada 20-3-1979 semasa menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling. Tidak ada apa-apa yang hendak ditambah setakat ini.

### PENGAMBILAN PELAJAR-PELAJAR DI UNIVERSITI

**44. Tuan Wong Hoong Keat** minta Menteri Pelajaran menyatakan anggaran bilangan pengambilan pelajar-pelajar di lima buah universiti di Malaysia pada tahun 1979 dan peratusnya bagi berbagai bangsa.

**Dato' Musa bin Hitam:** Sebagaimana yang pernah diperkatakan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, semasa menjawab soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan Kota Melaka, Kementerian saya sedang menyediakan angka-angka kemasukan pelajar-pelajar ke Universiti-universiti tempatan bagi sesi yang akan datang. Oleh yang demikian, setakat ini saya tidak dapat memberi maklumat seperti yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu.

### HARGA PELURU SENAPANG PATAH

**45. Tuan Sibat Miyut Anak Tagong** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau boleh menurunkan harga peluru dan membatalkan peraturan memerlukan lesen untuk membeli senapang patah kerana senjata ini adalah satu keperluan bagi petani-petani Bumiputra di kawasan luar bandar untuk mengawal ladang mereka dari binatang-binatang liar yang seringkali merosakan tanaman mereka.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan memerlukan lesen yang diperuntukan di bawah Akta Senjata 1960 untuk membeli dan memiliki senjatapi, adalah bertujuan mengawal, menghadkan, menetapkan penggunaan dan merekod pemilikan senjatapi di kalangan orang ramai bagi mencegah sebarang penyalahgunaan, dan pemilikan senjatapi secara haram yang boleh mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara. Oleh faktor-faktor yang dinyatakan dan memandangkan keadaan keselamatan negara serta ancaman ke atasnya yang didatangkan oleh pihak penganas kominis Kerajaan tidaklah dapat membatalkan peraturan tersebut. Bagaimanapun pihak Kerajaan adalah menyedari kesulitan petani-petani membayar lesen maka pada tahun 1977 kadar bayaran lesen senapang patah untuk tujuan menghapuskan musuh-musuh tanaman telah dikurangkan daripada \$10 kepada \$2 setahun. Mengenai menurunkan harga peluru, sukalah saya menjelaskan bahawa Kementerian ini mempunyai bidang kuasa mengeluarkan lesen, mengawal dan mengenakan syarat-syarat kepada penjual-penjual senjata dan peluru, bagaimanapun kuasa-kuasa itu tidak meliputi kawalan terhadap harga-harga peluru. Pada masa ini

harga peluru adalah ditentukan oleh penjual-penjual sendiri menurut harga pasaran. Item ini tidak termasuk dalam senarai harga barangan kawalan yang ditentukan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

### **PERTUBUHAN FREEMASON**

**46. Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-Kemudahan Awam menyatakan jumlah bayaran yang dikeluarkan kepada Pertubuhan Freemason sebagai pampasan untuk mengambilalih bangunan dan tanah pertubuhan tersebut yang berhampiran dengan Bangunan Sulaiman, Kuala Lumpur.

**Dato' Lee San Choon:** Bagi menjawab pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling, jumlah pampasan yang telah diberi bagi pengambilan tanah dan bangunan yang berhampiran dengan Bangunan Sulaiman, Kuala Lumpur ialah sebanyak \$1.7 juta.

### **BENIH KELAPA MAWA**

**47. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed** minta Menteri Pertanian menyatakan iaitu oleh kerana permohonan daripada penanam-penanam kelapa Seri Pengkalan Semerah berkehendakkan 30,000 benih kelapa MAWA dihampakan, adakah Kementerian yang berkenaan dapat mengurniakan buah permulaan sebanyak 10,000 batang sebelum minat petani-petani terkulai layu.

**Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):** Benih-benih kelapa "MAWA" hanya diberi dengan percuma kepada peserta Rancangan Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil Kelapa sahaja. Oleh itu permohonan penanam-penanam kelapa Seri Pengkalan Semerah untuk mendapatkan sebanyak 30,000 pokok anak kelapa MAWA tidak dapat dipertimbangkan kerana mereka bukan peserta rancangan tersebut, serta waktu.

Walau bagaimanapun, pihak pejabat Rancangan Pekebun-pekebun Kecil Kelapa telah mempelawa mereka mendaftar diri bagi melayakkan mereka menerima bantuan itu.

### **BILIK-BILIK DARJAH**

**48. Tuan Yang Choong Fu** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan bilik-bilik darjah yang dibina dan disiapkan dari

tahun 1976 sehingga 31hb Disember, 1978 bagi pendidikan sekolah-sekolah rendah. Berikan angka-angka pecahan mengikut bahasa pengantarnya.

**Dato' Musa bin Hitam:** Kementerian saya telah meluluskan pembinaan 10,947 bilik-bilik darjah untuk pelajaran rendah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Dari jumlah itu, sehingga Jun, 1978, data yang ada menunjukkan sejumlah 2,618 telah siap dibina.

Kementerian saya tidak dapat membekalkan perangkaan sehingga akhir tahun 1978 kerana data-data itu sekarang ini sedang dikemaskinikan. Angka-angka itu akan diberi di satu masa lain. Begitu juga pecahan angka-angka mengikut bahasa pengantar. Dalam usaha mengesan kadar perlaksanaannya Kementerian saya tidak mengasing-asingkan mengikut jenis sekolah.

### **PASAR TANJONG BUNGA**

**49. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada apa-apa peruntukan telah dibuat untuk pembinaan sebuah pasar yang baik di kawasan Tanjung Bunga, Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, jika ya, nyatakan amaun yang diperuntukkan, tapak pasar yang dicadangkan, bilakah kerja pembinaan pasar itu akan bermula dan dijangka siap.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Buat masa ini Kementerian saya tidak ada peruntukan untuk pembinaan sebuah pasar di kawasan Tanjung Bunga, Pulau Pinang. Masalah pembinaan sebuah pasar di kawasan Tanjung Bunga, Pulau Pinang, adalah dalam kajian sekarang dan apabila butir-butir yang diperlukan telah diperolehi maka cadangan pembinaan pasar itu akan dikemukakan kepada pihak yang berkuasa meluluskan projek-projek untuk pertimbangan. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya telahpun mengadakan peruntukan untuk pembinaan dua buah pasar di Pulau Pinang iaitu sebuah berharga \$1,040,000 di Glugor dan sebuah lagi berharga \$1,120,000 di Green Lane.

### **MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

**50. Tuan Lee Boon Peng** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah bilangan Maktab Rendah Sains MARA yang

sekarang terdapat di negara ini. Apakah bidang-bidang kajian yang dikendalikan oleh Maktab-maktab ini.

**Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman):** Bilangan Maktab-maktab Rendah Sains MARA yang terdapat di negara ini sekarang ialah sebanyak lima buah iaitu di Negeri Sembilan, Kelantan, Pahang, Kedah dan Trengganu.

Bidang-bidang kajian/pengajian yang dikendalikan oleh Maktab-maktab ini adalah sama dengan mata-mata pelajaran yang terdapat di Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan yang lain kecuali di Maktab-maktab ini penumpuan yang lebih diberikan kepada bidang sains. Bidang-bidang kajian tersebut adalah seperti berikut:

Bahasa Malaysia  
 Ilmu Hisab Moden  
 Sains Panduan  
 Kimia  
 Sejarah  
 Ugama  
 Kreativiti/senireka  
 Pendidikan Jasmani  
 Bahasa Inggeris  
 Ilmu Hisab Tambahan  
 Fizik  
 Kajianhayat  
 Ilmu Alam  
 Perdagangan  
 Muzik  
 Sivik

#### PEMAJU SWASTA—TINDAKAN HUKUMAN

**51. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan setakat ini berapakah pemaaju swasta telah diambil tindakan hukuman kerana mereka tidak mengikut perjanjiannya untuk menyerahkan rumahnya kepada pembeli-pembeli oleh kerana ada di antara mereka yang masih belum menerima rumahnya setelah lebih daripada 3 tahun; apakah tindakan hukuman telah diambil oleh Kementerian beliau terhadap kes-kes ini dan juga apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mencegah perkara ini daripada berlaku, supaya kepentingan orang ramai diperlindungi.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Soalan ini nampaknya timbul daripada salah faham tentang pertikaian-pertikaian antara pemaaju dan pembeli di atas obligasi kontrak dan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pemaaju Perumahan dan Kaedah-kaedahnya yang memerlukan tindakan undang-undang diambil oleh Kementerian saya. Kelewatan menyiapkan rumah adalah satu masalah "pecah kontrak" oleh pemaaju yang hanya boleh diselesaikan secara tindakan civil terhadap pemaaju yang harus diambil oleh pembeli-pembeli yang ingin menuntut gantrugi. Dengan demikian kemungkinan tindakan mahkamah diambil oleh Kementerian saya dalam perkara ini tidak berbangkit.

#### OPTIONAL RETIREMENT BAGI GURU BESAR

**52. Dr Tan Tiong Hong** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa tidak kurang daripada 50 orang guru besar ingin atau telah memohon untuk bersara "optionally" di atas sebab tindakan berkenaan pertukaran guru besar dan penolong kanan yang akan dilangsungkan oleh Kementerian dan apa kesannya kepada sekolah-sekolah yang terlibat.

**Dato' Musa bin Hitam:** Dari segi peraturan perkhidmatan pegawai-pegawai adalah berhak memohon bersara secara pilihan sendiri apabila telah memenuhi syarat-syaratnya. Dengan demikian tidaklah perlu Kementerian saya meminta pemohon-pemohon tersebut menyatakan sebab-sebab ingin bersara. Saya tidak dapat menentukan sejauh mana betulnya perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya benar ada Guru Besar-Guru Besar atau Penolong Kanan akan memohon bersara secara pilihan sendiri kerana tindakan pertukaran yang akan dilangsungkan kelak, Kementerian saya tidak boleh menahan mereka untuk menggunakan hak mereka.

Arahan bertukar ke atas pegawai adalah hak pentadbiran untuk menggunakannya bagi menjamin kelicinan jentera pentadbiran. Kementerian saya akan mengkaji dengan teliti terutama mengenai kesan-kesan yang akan timbul dari segi perkhidmatan pada keseluruhannya sebelum sesuatu arahan pertukaran dikeluarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut peraturan perkhidmatan, seseorang yang ingin bersara secara pilihan sendiri

hendaklah mengemukakan permohonan sekurang-kurangnya 3 bulan sebelum tarikh bersara yang dikehendaki. Dengan hal yang demikian dapatlah Kementerian mengisi kekosongan tersebut bila sampai masa guru-guru berkenaan meninggalkan jawatan.

### KEKURANGAN KELAS DI LUAR BANDAR

**53. Tuan Haji Mohd. Yusof bin Malim Kuning** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian menyedari atau tidak bahawa masih banyak sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah, terutama di luar bandar yang kekurangan kelas dan bangku-bangku darjah. Setengah-setengah sekolah, tidak dapat menampung murid-murid sehingga terpaksa kantin sekolah dijadikan kelas. Apakah langkah perlu dan segera yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi kesulitan-kesulitan tersebut.

**Dato' Musa bin Hitam:** Kementerian sedar bahawa ada kekurangan bilik-bilik darjah dan alat kelengkapan di sekolah-sekolah terutama sekali sekolah-sekolah di bandar. Ini adalah disebabkan kesukaran menentukan bilangan penduduk-penduduk yang berpindah dari bandar ke bandar dan dari luar bandar ke bandar dan juga disebabkan oleh ibu bapa kanak-kanak yang sangat memilih tentang sekolah-sekolah untuk menghantar anak-anak mereka. Sekiranya ibu bapa tidak sangat memilih sekolah kerana sekolah adalah sama sahaja di sisi Kementerian, maka keadaan seperti ini tidak akan berlaku. Walau bagaimanapun, keadaan kesulitan ini adalah terkawal kerana Kementerian saya sentiasa cuba menambah kemudahan-kemudahan ini dengan membina banyak lagi bilik-bilik darjah di mana diperlukan dan memberi kelengkapan sepenuhnya.

### MAS—KERUGIAN KERJA MENGIKUT PERATURAN

**54. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kerugian yang dialami oleh MAS sejak tindakan kerja mengikut peraturan oleh pekerja-pekerja MAS, dan apakah tindakan Kerajaan telah ambil bagi mengelakkan kerugian negara dan perkara ini tidak berlaku lagi.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Adalah sukar bagi MAS menentukan berapa banyakkah kerugian yang ditanggung olehnya akibat

pekerja-pekerjanya melancarkan tindakan perusahaan haram oleh kerana sehingga sekarang pun pihak MAS tidak dapat melancarkan perkhidmatannya dengan sepenuhnya. Syarikat MAS tidak dapat mengadakan perkhidmatannya ke London dan Australia oleh kerana pemulauan oleh International Transport Workers Federation di Australia dan United Kingdom.

Saya suka nyatakan bahawa MAS perlu membelanjakan sebanyak \$650,000 sehari sekiranya semua perkhidmatan digantungkan. Hasil pendapatannya pada sehari jika semua perkhidmatannya dijalankan ialah sebanyak \$1.3 juta. Ini bererti bahawa kerugian yang akan ditanggung olehnya akibat tindakan perusahaan haram itu ialah bergantung kepada perkhidmatan manakah yang dibatalkan pada hari-hari yang berkenaan itu. Ikhtiar sedang dijalankan untuk memulihkan semula semua perkhidmatan antarabangsanya termasuk ke Australia dan United Kingdom.

Mengenai tindakan yang diambil oleh Kerajaan saya fikir telahpun diterangkan semasa Dewan ini membahas usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan "Pertikaian MAS—AEU" pada 20-3-79.

### PEJABAT POS TANAH MERAH

**55. Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau bercadang hendak membaiki keadaan Pejabat Pos di bandar Tanah Merah, Kelantan yang mempunyai kekurangan kakitangan, kenderaan dan lain-lain kemudahan, walaupun pejabat Pos ini terpaksa menampung penduduk seramai kira-kira 80,000 orang bagi seluruh Jajahan Tanah Merah, Kelantan dan jika ya, bila dan kalau tidak, mengapa.

**Tuan Leo Moggie anak Irok:** Suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat Jabatan Pos pada ketika ini memang sedang membaiki Pejabat Pos di bandar Tanah Merah.

Pembaikan-pembaikan yang dibuat adalah seperti berikut:

- (a) Menambah keluasan ruang Pejabat Pos berkenaan sebanyak 730 kaki persegi.
- (b) Menambah satu lagi kaunter.

- (c) Menambah 36 buah peti-peti surat persendirian.
- (d) Membina tiga garage untuk menyimpan kenderaan-kenderaan pejabat.

95% dari kerja-kerja tersebut telahpun di siapkan. Pada masa ini Pejabat Pos Tanah Merah telah mengadakan perkhidmatan tiga buah Pejabat Pos bergerak ke kawasan-kawasan luar bandar disekeliling Tanah Merah.

Mengenai kakitangan pula, suka saya memaklumkan Pejabat Pos ini mempunyai seorang kerani kanan sebagai Ketua Pos, 6 orang kerani (3 daripadanya mengendalikan Pejabat Pos bergerak) dan 12 orang Posmen. Satu jawatan kerani telah diluluskan untuk tahun 1979 dan akan diisi tidak lama lagi.

Jabatan Pos berpendapat dengan jumlah kakitangan yang ada di Pejabat Pos Tanah Merah sekarang adalah memadai untuk mengendalikan perkhidmatan pos bagi penduduk-penduduk di situ. Walau bagaimanapun bilangan kakitangan akan di kaji dari masa ke semasa. Tambahan kakitangan akan diberi jika difikirkan perlu.

Berkenaan dengan kenderaan pula, pada masa sekarang Pejabat Tanah Merah mempunyai 3 buah van, 3 buah motosikal dan 5 buah basikal. Sebuah van telah di hantar ke Pejabat Pos ini pada 22hb Mac, 1979 bagi menggantikan sebuah van yang telah di kondemkan. Urusan-urusan bagi menggantikan basikal-basikal yang telah rosak juga sedang dijalankan. Sebuah motosikal baru akan diberi pada tahun 1980 nanti.

Dengan penggantian kenderaan-kenderaan seperti yang telah saya sebutkan tadi maka di harap perkhidmatan pos di Pejabat Pos berkenaan akan bertambah baik. Kementerian saya sentiasa mengkaji dari masa ke semasa keadaan dan bilangan kenderaan-kenderaan yang ada di satu-satu Pejabat Pos.

### **BILIK-BILIK DARJAH DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH**

**56. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa :

- (a) apakah langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan bilik-bilik darjah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah menengah di mana sebahagian pelajar-pelajar terpaksa

belajar di dewan-dewan atau tempat-tempat yang tidak sesuai, sila nyatakan berapakah sekolah yang menghadapi masalah kekurangan bilik ini; dan

- (b) berapakah orang calon-calon bebas yang lulus dalam pemeriksaan SRP telah dimasukkan ke sekolah-sekolah Menengah Kerajaan.

### **Dato' Musa bin Hitam:**

- (a) Kementerian saya memang sedar bahawa terdapat kekurangan bilik-bilik darjah di negara kita ini. Kementerian saya sedang berusaha untuk menambah lagi bilangan bilik-bilik darjah dan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini sebanyak 6,160 bilik darjah baru dan tambahan akan dibina bagi maksud menampung keperluan-keperluan bilik darjah tersebut. Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat mengenai bilangan sekolah-sekolah yang mengalami kekurangan bilik darjah ini, elok saya terangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bilangan sekolah-sekolah yang sedemikian rupa berubah dari tahun ke tahun. Ini adalah disebabkan pemindahan penduduk dari tempat ke setempat terutama dari kampung ke bandar adalah amat sukar hendak dianggarkan. Kebanyakan sekolah-sekolah yang mengalami kekurangan bilik-bilik darjah ini pula adalah di kawasan bandar. Walau bagaimanapun, keadaan ini adalah terkawal dan Kementerian saya sentiasa mengambil berat akan keadaan seperti ini dan sedang mengambil langkah-langkah untuk mempercepatkan pembinaan bilik-bilik darjah yang dirangka.

- (b) Bagi tahun 1978 seramai 9,361 calon persendirian telah lulus Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dengan mendapat pangkat "A". Mereka yang layak telah dimasukkan ke Sekolah Bantuan Penuh. Adalah dianggarkan bahawa seramai lebih kurang 4,000 orang daripada mereka ini akan ditempatkan di Sekolah Bantuan Penuh.

### **KEMATIAN PREBET PASUKAN KEEMPAT SQUADRON ENGINEERS**

**57. Tuan P. Patto** minta Menteri Pertahanan menyatakan keputusan siasatan yang dibuat bersabit dengan kematian seorang prebet dari

Pasukan Keempat Skuadron Engineers, Taiping akibat dipukul di dalam kem Sungai Udang awal tahun ini dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menentukan disiplin di kalangan anggota-anggota pasukan keselamatan kita.

**Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Jawapan kepada soalan ini telahpun diberikan pada 11hb Disember, 1978 di Persidangan Parlimen yang lepas. Saya tidak bercadang menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

### PILIHANRAYA MAJLIS-MAJLIS TEMPATAN

**58. Tuan Karpal Singh** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengadakan pilihanraya kepada majlis-majlis tempatan yang mana majlis-majlis tempatan yang terpilih telah berjalan dengan baiknya di negara ini dahulu dan juga ianya merupakan hak demokratik rakyat untuk memilih wakil-wakil mereka kepada majlis-majlis tempatan.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang hendak mengadakan pilihanraya Kerajaan Tempatan. Dengan penguatkuasaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 Ahli Majlis-Ahli Majlis Penguasa-penguasa Tempatan akan dilantik oleh Pihakberkuasa Negeri. Saya tidak bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat menyatakan bahawa penguasa-penguasa tempatan yang dipilih telah berjalan dengan baiknya di negara ini dahulu. Saya fikir Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum ada beberapa sebab kenapa pilihanraya Kerajaan Tempatan tidak diadakan. Di antaranya ialah salah tadbir dan perbuatan curang seperti yang dibuktikan oleh Suruhanjaya Penyiasatan yang dipengerusikan oleh Justice Lee Hun Hoe pada tahun 1965 berkenaan dengan salah pentadbiran Majlis Bandaran Seremban yang dilakukan oleh ahli majlis-ahli majlis yang dipilih dan begitu juga dengan Suruhanjaya Penyiasatan yang dipengerusikan oleh Dato' Justice Abdul Aziz bin Mohd. Zain pada tahun 1966 berkenaan dengan salah pentadbiran Majlis Bandaraya George Town yang juga dilakukan oleh ahli majlis-ahli majlis yang dipilih. Pada tahun 1966 juga, pentadbiran majlis Bandaran

Johor Bahru telah diambilalih oleh Pihakberkuasa Negeri disebabkan oleh tuduhan salah pentadbiran.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri dan mereka telah berbincang dengan panjang lebar dalam Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan sama ada patut atau tidak diadakan pilihanraya Kerajaan Tempatan. Keputusan yang dibuat oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ialah pada masa ini tidak perlu diadakan pilihanraya Kerajaan Tempatan kerana pada masa yang lampau pentadbiran penguasa tempatan oleh ahli majlis-ahli majlis yang dipilih oleh rakyat tidak begitu memuaskan. Walaupun demikian, bukanlah bererti bahawa demokrasi tidak diamalkan di peringkat Kerajaan Tempatan. Sistem Kerajaan kita dibanding dengan negara yang lain, adalah sistem Persekutuan di mana di peringkat Persekutuan dan di Peringkat negeri ada pilihanraya dan Ahli Majlis-Ahli Majlis Penguasa-penguasa Tempatan, sebenarnya dilantik oleh wakil-wakil di peringkat negeri yang dipilih oleh rakyat. Maka dari situ hak demokratik rakyat adalah masih kekal.

### PERKHIDMATAN KERETAPI TANAH MELAYU

**59. Tuan Shaari bin Jusoh** meminta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa perkhidmatan K.T.M. sekarang tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang. Jika sedar tidakkah Kerajaan bercadang akan mengkaji jangka panjang perkhidmatan keretapi supaya sesuai dengan keadaan dunia yang serba moden ini.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Adalah tidak tepat hendak dikatakan bahawa perkhidmatan K.T.M. sekarang tidak sesuai dengan keadaan sekarang sungguhpun perkhidmatan itu boleh diperbaiki lagi. Dengan tujuan tersebut Kerajaan telah melantik sebuah firma antarabangsa untuk membuat kajian dan laporannya sedang ditimbang oleh Kerajaan.

### MERACUNI FIKIRAN RAKYAT

**60. Tuan Ibrahim Muhamad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar adanya setengah-setengah

golongan yang masuk ke kampung-kampung untuk meracun fikiran rakyat supaya menentang Kerajaan sambil mengeluarkan fatwa-fatwa kafir mengkafir dan menuduh pemimpin-pemimpin Kerajaan setelah kalah di dalam pilihanraya dahulu dengan mengeluarkan issue-issue tertentu yang boleh merosakkan perpaduan dan kehidupan ekonomi rakyat; sekiranya beliau sedar apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil terhadap mereka-mereka ini termasuk:

- (a) adakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengasingkan mereka ini daripada masyarakat umum;
- (b) berapa ramai di antara mereka yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).
- (c) berapa ramai di antara mereka yang telah dibebaskan bersyarat dan tanpa syarat di seluruh negara, sejak undang-undang termasuk dikuatkuasakan; dan
- (d) berapa orang di antara mereka yang telah ditahan itu dari Negeri Kelantan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Perkara yang hampir sama telah saya jawab di atas soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang sama pada 21-3-1979. Oleh yang demikian tiada apa-apa lagi yang hendak saya tambah.

Orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ialah orang yang terlibat di dalam kegiatan yang mengancam keselamatan negara, perkhidmatan perlu dan kehidupan ekonomi negara.

### **MINYAK DIESEL BAGI KILANG PADI BUMIPUTRA**

**61. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar bahawa kilang-kilang padi yang kecil kepunyaan bumiputra di luar-luar bandar tidak boleh membeli minyak disel yang dijual di setesyen-setesyen minyak yang telah diberi subsidi oleh Kerajaan. Jika sedar apakah Kerajaan bercadang mengecualikan kilang-kilang padi kecil itu membeli minyak disel di setesyen-setesyen minyak, supaya tidak akan menyusahkan pemilik kilang padi kecil di luar bandar.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Saya sedar bahawa semua kilang-kilang padi

tidak dapat membeli minyak disel yang dijual di setesyen-setesyen minyak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, minyak disel yang dijual di setesyen-setesyen minyak yang diberi subsidi oleh Kerajaan adalah untuk pengguna-pengguna domestik sahaja. Sementara itu, minyak yang dijual untuk industri tidak diberi subsidi. Oleh kerana kilang padi tidak termasuk di dalam kategori pengguna-pengguna domestik, maka Kerajaan tidak dapat memberi apa-apa pengecualian seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sekiranya Kerajaan membenarkan kilang-kilang padi membeli minyak di setesyen-setesyen minyak, maka industri-industri kecil lain juga akan meminta supaya mereka juga diberi keistimewaan yang sama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat ialah satu daripada masalah yang menyebabkan kekurangan bekalan minyak disel bagi pengguna-pengguna domestik ialah kerana pengguna-pengguna industri membeli minyak disel daripada setesyen-setesyen minyak. Keadaan ini akan bertambah buruk sekiranya kilang-kilang padi ini dibenarkan membeli minyak disel daripada setesyen-setesyen minyak.

### **PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG ISLAM**

**62. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perbuatan berkhawat, zina, bersekedudukan, pelacuran, melarikan isteri dan anak dara orang sering berlaku di negara ini dan oleh kerana Islam adalah agama rasmi negeri ini, sama ada Kerajaan bercadang meminda undang-undang bagi memperketatkan lagi penguatkuasaan undang-undang Islam untuk mengurangkan perbuatan-perbuatan yang haram dan tidak diingini ini, jika tidak apakah tindakan lain yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Perdana Menteri:** Peruntukan-peruntukan bagi mencegah perbuatan-perbuatan khawat, zina dan bersekedudukan haram sudah sedia ada di dalam undang-undang pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri dan Wilyah Persekutuan yang dikuatkuasakan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa yang ditentukan oleh undang-undang tersebut. Peruntukan-peruntukan bagi mencegah perbuatan melarikan isteri dan anak dara orang sudah sedia ada di dalam Kanun Kesiksaan yang mana adalah dikuatkuasakan oleh pihak Polis. Peruntukan-peruntukan

bagi mencegah pelacuran sudah sedia ada dalam undang-undang pentadbiran Hukum Syarak, Kanun Kesiksaan dan juga Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, yang dikuatkuasakan oleh pihak Polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Berkenaan dengan undang-undang jenayah luar dari undang-undang pentadbiran hukum syarak, seperti Kanun Kesiksaan, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, dan lain-lain undang-undang jenayah, saya puashati bahawa pada keseluruhannya undang-undang ini adalah memadai dan penguatkuasaan oleh pihak polis dan lain-lain agensi Kerajaan adalah seketat-ketat yang mungkin. Umpamanya kesalahan melarikan perempuan boleh dikenakan penjara sepuluh tahun dan jika dilaporkan kepada pihak polis akan disiasat habis-habisan. Begitu juga kesalahan-kesalahan mengenai pelacuran; hukum yang diperuntukkan baginya adalah mencukupi dan langkah-langkah untuk mencegahnya sentiasa dijalankan dengan pesatnya. Saya sedar bahawa masih terdapat lagi kegiatan-kegiatan pelacuran di Negara kita, tetapi ini bukanlah kerana kelemahan undang-undang atau penguatkuasaannya, tetapi ialah kerana pada kebanyakannya kegiatan-kegiatan ini dilakukan dengan sukarela dan dalam keadaan sulit dan oleh yang demikian sukar hendak dikesan dan dibuktikan.

Berkenaan dengan undang-undang pentadbiran Hukum Syarak pula, pendapat-pendapat telah dikemukakan oleh pihak-pihak tertentu bahawa hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang terkandung di dalamnya adalah tidak cukup berat dan peruntukan-peruntukan mengenai penguatkuasaan dan penyasatannya adalah amat berkurangan. Pada masa ini sebuah jawatankuasa sedang mengkaji undang-undang pentadbiran Hukum Syarak bagi Wilayah Persekutuan dengan tujuan mengwujudkan sebuah undang-undang baru bagi Wilayah Persekutuan yang lebih sempurna dan berkesan. Di samping itu, langkah-langkah telah dimulakan untuk menggubal sebuah undang-undang model yang boleh dicontohi oleh Negeri-negeri jika mereka setuju, untuk mencapai penyamaan undang-undang pentadbiran Hukum Syarak antara Negeri-negeri. Saya percaya kelemahan dan kekurangan yang disebut tadi akan diambil perhatian oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang bertanggungjawab bagi menyediakan deraf-deraf undang-undang baru ini dan akan diperbaiki dengan sewajarnya.

## PERBELANJAAN MENTERI/ PERWAKILAN DI LUAR NEGERI

**63. Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah perbelanjaan Menteri-menteri dan perwakilan-perwakilan mereka semasa membuat lawatan rasmi ke luar negeri pada tahun 1978.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Perbelanjaan Menteri-menteri dan perwakilan-perwakilan mereka semasa mereka membuat lawatan rasmi ke luar negeri pada tahun 1978 adalah sebanyak \$688,997.

## KERETA RASMI Pengerusi KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (EPF)

**64. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada benar apabila Tan Sri Abdullah Ayob menjadi Pengerusi Kumpulan Wang Pekerja kerana kedudukan beliau sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan, pihak Kumpulan Wang Pekerja telah membeli sebuah kereta rasmi, iaitu sebuah kereta Mercedes 240D (No. Pendaftaran: BAY 96) dalam bulan April, 1978 dengan harga \$49,000;
- (b) sama ada benar apabila Tan Sri Abdullah Ayob meletak jawatannya sebagai Pengerusi Kumpulan Wang Pekerja tatkala dinaikkan pangkat Ketua Setiausaha Negara pada 1-1-1979, pihak Lembaga Kumpulan Wang Pekerja telah menjual kereta rasmi BAY 96 itu kepada Tan Sri Abdullah Ayob dengan harga \$10,000, jika ya, terangkan mengapa kereta tersebut dijual dengan harga yang terlalu rendah;
- (c) sama ada benar sebuah kereta Mercedes 250 (No. Pendaftaran BBC 250) telah dibeli sekarang oleh pihak Lembaga Kumpulan Wang Pekerja untuk Pengerusi baru Lembaga Kumpulan Wang tersebut; dan
- (d) sila terangkan mengapa kereta bernombor BAY 96 tidak dapat digunakan oleh Pengerusi baru itu kerana Pengerusi Kumpulan Wang Pekerja sudah pun disediakan dengan sebuah kereta rasmi atas sifatnya sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Berhubung dengan soal yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai penglupusan kereta Pengerusi K.W.S.P. itu, saya maklumkan bahawa kereta No. BAY 96 itu telah dijual kepada Y.B. Tan Sri Dato' Abdullah bin Ayub. Keputusan untuk menjual kereta itu telah dibuat dengan sebulat suara oleh Lembaga K.W.S.P. yang bersidang pada 18hb Januari, 1979. Lembaga telah mengambilkira akan perkhidmatan dan kepimpinan cemerlang yang diberikan oleh Y.B. Tan Sri Dato' Abdullah bin Ayub lebih dari 4 tahun tatkala menimbangankan perkara itu.

Suka juga saya memaklumkan bahawa keputusan itu dibuat sesudah Y.B. Tan Sri Dato' Abdullah bin Ayub melepaskan jawatannya dan tidak terlibat dalam apa cara sekalipun dengan keputusan Lembaga dalam perkara ini.

Menyentuh harga kereta itu dijual, ianya ditetapkan mengikut peraturan yang terdapat di dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan yang menentukan harga namaan tanpa cukai. Harga kereta tersebut yang telah dijual kepada Y.B. Tan Sri Dato' Abdullah Ayub ialah sebanyak \$16,905.

Lembaga K.W.S.P. juga telah memutuskan agar kereta ganti BBC 250 dibeli untuk Pengerusi baru. Keputusan ini juga dibuat mengikut dasar yang sedia ada.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta Untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG ACARA KEWANGAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Acara Kewangan 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

## USUL

### KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang terus dicapai dalam usaha melaksanakan penggal pertama Rancangan Malaysia Ketiga: bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan serta keamanan dan keselamatan negara; meluluskan dan menyetujui Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga yang dirangka untuk meliputi program-program dan langkah-langkah dasar, bertujuan mempergiatkan pertumbuhan ekonomi serta usaha-usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 13 tahun 1979. Bahawa dalam meluluskan Kajian Semula ini. Dewan ini menyeru rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (26hb Mac, 1979).

*Perbahasan disambung semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa yang telah diuntukkan kepada Yang Berhormat Menteri-menteri dengan persetujuan Yang Berhormat Menteri-menteri dengan persetujuan Yang Berhormat Menteri-menteri memberi sedikit sebahagian daripada masa itu untuk Ahli-ahli menyambung lagi perbahasannya pada hari ini dan Yang Berhormat Menteri-menteri akan mula menjawab pada pukul 5.00 petang ini. Dengan sebab itu, saya hendak tahu, Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap hari ini sila bangun. (Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat Bangun). Oleh sebab terlalu banyak yang hendak bercakap, saya akan benarkan hanya 10 minit tiap-tiap seorang supaya ramai mendapat bahagian bercakap.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda.

3.36 ptg.

**Tuan Mohamed Khir Johari (Kuala Muda):** Tuan Speaker, Rancangan Malaysia Ketiga telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai satu rancangan untuk perpaduan. Dalam konteks inilah saya ingin menarik perhatian Kerajaan kita untuk mengambil peluang dari tiap-tiap segi usaha kemajuan negara kita untuk menghasilkan perpaduan kebangsaan yang mana merupakan batu asas kepada kelahiran sebuah negara yang bersatu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membentangkan persoalan ini telah memberitahu kita iaitu dalam masa review sebanyak 195,634 yunit perumahan telahpun siap, manakala 118,310 yunit masih di dalam berbagai-bagai peringkat pembinaan. Dari jumlah yang telah siap, sebanyak 65,930 yunit telah dibina oleh pihak Kerajaan. Ini menunjukkan satu rekod yang memberangsangkan. Di sebalik mengadakan rumah-rumah, kemajuan perumahan juga boleh digunakan sebagai satu alat untuk perpaduan dan juga untuk mengubah structure ataupun restructure masyarakat kita.

Apa yang saya maksudkan di sini ialah patut dijadikan satu dasar atau polisi Kementerian Perumahan dan juga semua pemaju-pemaju perumahan dari pihak swasta dan juga dari Kerajaan untuk menitikberatkan pembahagian rumah dibuat supaya semua keturunan bangsa ada terdapat di dalam berbagai-bagai projek perumahan agar dapat membayangkan bahawa berbagai keturunan bangsa ada terdapat dalam masyarakat kita. Dengan cara ini mereka akan belajar hidup bersama secara harmoni dan akhirnya akan melahirkan perpaduan kebangsaan.

Kita tidak dapat mengulangi kesalahan yang telah dilakukan oleh Kerajaan colonial di mana untuk alasan-alasan keselamatan semasa dharurat dahulu mereka telah menempatkan semula orang-orang Cina yang di dalam tempat yang dipanggilkan "Kampung Baru" (New Village). Oleh sebab kampung-kampung baru ini diduduki oleh satu keturunan bangsa sahaja mereka hidup dan membesar di dalam environment yang tersendiri dan ini merupakan pembangunan yang tidak sihat demi untuk melahirkan satu penyatuan kebangsaan. Andainya Kerajaan ingin mengadakan pusat-pusat pembangunan yang baru (new growth areas) ianya mestilah

mempastikan iaitu pusat-pusat itu mengandungi semua keturunan bangsa dalam masyarakat kita.

Pemaju-pemaju perumahan swasta mestilah difahamkan bahawa selain daripada mencari keuntungan, mereka juga mempunyai tugas untuk memainkan dalam pembangunan negara kita. Saya akui bahawa proses ini terdapat beberapa kesulitan tetapi demi untuk kebaikan dan keutuhan negara kita dari segi jangka panjang segala usaha ini akan membawa hasil yang baik.

Bersabit dengan perkara Perpaduan Kebangsaan, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai persoalan polisi atas belia-belia kita di mana masa depan kita bergantung. Saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan kita untuk melahirkan satu dasar yang "co-ordinated dan comprehensive" ke atas belia-belia. Buat masa sekarang terdapat banyak Persatuan Belia yang dianggotai oleh satu keturunan bangsa sahaja. Contoh yang paling baik ialah Persatuan Belia 4B. Saya rasa persatuan-persatuan seumpama ini adalah satu alat yang baik untuk mempereratkan belia-belia kita dari berbagai keturunan bangsa untuk satu tujuan utama.

Penukaran pendapat dan pekerjaan yang dilakukan bersama untuk projek-projek baikpun projek pertanian dan sebagainya akan mewujudkan perasaan muhibbah dan kasih sayang antara satu dengan lain. Persatuan-persatuan yang mengandungi hanya satu keturunan bangsa untuk tujuan apa sekali pun tidak harus digalakkan, sebab mereka selalunya akan menjauhkan diri dari orang lain.

Kita telah lama merdeka. Jikalau kita teralah menyemai benih sekarang, kita akan dapati yang masing-masing akan mengikut jalannya sendiri dan ini tidak akan membawa kepada perpaduan kebangsaan yang diwartakan sebagai cita-cita Rancangan Malaysia Ketiga kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Damansara.

3.42 ptg.

**Tuan V. David (Damansara):** Tuan Yang di-Pertua, saya berpeluang menikmati keindahan gambaran Kajian Separuh Penggal bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Keindahan ungkapan dan kata-kata yang terdapat di

dalamnya menimbulkan pengharapan yang tinggi di dalam pemikiran rakyat jelata negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, keraguan di hati kita kian meninggi dan berbisik sama ada ketiga-tiga rancangan Malaysia itu telah memainkan peranannya dalam memberikan sumbangan ke arah penyusunan semula masyarakat dan merapatkan jurang di antara yang berada dengan mereka yang tidak berada seperti yang diinginkan oleh Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, data-data dan angka-angka yang diperbesarkan telah meningkatkan pengharapan rakyat jelata akan tetapi sama ada perkara ini akan menjadi kenyataan adalah sesuatu yang boleh dipertikai dan dipersoalkan. Dari penelitian Kajian Separuh Penggal, fakta-faktanya jelas menunjukkan kedudukan yang sebenar. Pelaksanaan dari objektif Kerajaan yang di-laung-laungkan masih tinggal sebagai angangan dari kenyataan.

*Muka surat 33 dari Kajian Separuh Penggal.*

“Ia menyatakan bahawa keadaan sosial bagi pekerja-pekerja ladang telah juga ditingkatkan majukan melalui perbekalan keperluan-perluan asasi. Kemudahan-kemudahan perumahan, bekalan air, elektrik dan perlindungan perubatan telah dibekalkan oleh pihak Pengurusan ladang dalam masa tempoh itu sebagai menyahut langkah-langkah polisi yang dinyatakan di dalam Rancangan itu.”

Tuan Yang di-Pertua, keadaan di dalam ladang-ladang masih sama seperti yang terdapat di zaman penjajah. Kedudukan keadaan kesihatan, kebersihan dan perumahan telah tidak berubah meski pun kita hidup di zaman yang baru. Satu contoh yang jelas ialah Pulau Carey, di mana pekerja-pekerja ladang tidak mempunyai air minuman walaupun kemerdekaan telah dicapai bertahun-tahun lamanya.

Langkah-langkah penyekatan gerak geri bagi para pekerja ladang di dalam dan di luar ladang-ladang menimbulkan suatu gambaran bahawa mereka seolah-olah masih hidup di dalam ikatan perhambaan penjajah. Sedang pengurus-pengurus Inggeris menikmati segala kemudahan seperti kolam renang dengan saluran air paip, pekerja-pekerja ladang yang tidak bernasib baik tidak pula dibekalkan walaupun dengan air minum yang bersih dan hanya bergantung rahmat yang

turun melalui air hujan. Adakah ini yang dikatakan penyusunan masyarakat di dalam era yang moden?

Tuan Yang di-Pertua, penyakit penagihan dadah merupakan masalah yang kian menjadi buruk di dalam negara ini. Kaum belia lebih-lebih lagi mereka yang sedang menganggur telah terheret dan terjerumus ke dalam amalan ketagih dadah yang bertambah meluas. Berjuta-juta ringgit telah dan sedang dibelanjakan dalam usaha yang disebutkan sebagai kawalan efektif dari merebaknya penyalahgunaan dadah. Akan tetapi ini terus tinggal dalam cetakan sebagai dasar Kerajaan yang diisytiharkan dan masih belum menemui jalan ke arah pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kalangan yang tertentu terdapat pihak-pihak berkuasa yang terlibat dan membantu merebakkan dadah. Meskipun pihak-pihak berkuasa yang mengawal menyedari sepenuhnya tentang pengedaran dadah dan kawasan-kawasan yang terlibat, mereka tidak bersedia untuk bertindak serta merta untuk kepentingan negara. Ramai anak-anak dari golongan masyarakat yang terhormat dan keluarga yang berada menjadi penagih dadah dan mereka dapat melarikan diri dari ikatan perbekalan undang-undang melalui pengaruh kedudukan dan wang. Apakah yang dilakukan oleh pihak polis dalam hal ini? Pihak polis boleh menyatakan yang mereka sedia melakukan penangkapan akan tetapi tiada pula terdapat pusat-pusat pemulihan bagi menampung para penagih dadah untuk dipulihkan secara berperingkat-peringkat. Berjuta-juta ringgit yang dibelanjakan oleh berbagai pertubuhan telah disalah gunakan kerana tiada terdapat langkah-langkah yang pasti, positif dan segera yang konstruktif untuk menentang dadah dan memulihkan para penagih.

Tuan Yang di-Pertua, kini rasa kebimbangan di kalangan penduduk negeri ini kian bertambah memandangkan cara dadah merebak luas di dalam masyarakat dan di waktu yang sama tidak dapat mencari jalan yang tertentu untuk menyekatnya. Ada pendapat yang menyatakan bahawa dadah diseludup melalui perbatasan di sekitar Padang Besar iaitu sebuah kawasan sempadan yang membahagikan negara Thailand dan Malaysia. Bukankah itu menunjukkan bahawa kawasan perbatasan kita tidak dikawal dengan rapi oleh pegawai-pegawai yang jujur dan tidak kerap? Pengedar dadah

hendaklah dikenakan hukuman berat seperti hukuman bunuh dan penghukuman yang sama hendaklah juga dikenakan ke atas pihak-pihak berkuasa yang bersubahat dan turut terlibat membantu menyeludup dan mengedarkan bahan pembunuh yang merbahaya dan mengancam nyawa manusia ini.

Tuan Yang di-Pertua, para pegawai sama ada mereka polis atau yang lainnya, jika mereka dapat dikesan dan dibuktikan sebagai melibatkan diri dengan dadah, sama ada secara bersubahat dan membantu atau dengan apa juga cara lain, hendaklah diambil tindakan serius tanpa rasa ragu atau bimbang. DAP mencadangkan agar pusat-pusat pemulihan mestilah disediakan dengan program yang lengkap lagi bersegera. Ini adalah cara yang wajar untuk memerangi bahaya dadah yang kian merebak.

Tuan Yang di-Pertua, di muka surat 27, ada menyatakan "dalam tempoh 1976-78 berbagai program dan projek telah meningkatkan kedudukan ekonomi dan kebajikan sosial penduduk yang miskin dan lain-lain kumpulan yang berpendapatan rendah."

Semenjak merdeka mereka yang miskin terus hidup dengan keadaan kemiskinan mereka. Perhatian khusus harus ditumpukan kepada golongan miskin di kawasan luar bandar. Saya akan mensionaikan beberapa buah kampung di sekitar pusat bandar Kuala Lumpur yang masih kekurangan keperluan asasi seperti air minuman, keperluan penjagaan kesihatan seperti tandas, bekalan elektrik, tong-tong sampah dan jalan-jalan yang baik. Dalam senarai ini dengan mudahnya saya memasukkan Kampong Paya, Kg. Haji Abdullah Hukuk, Kg. Leboh, Kg. Pantai, Kg. Pantai Halt, Kg. Kerinci, Kg. Pasir Segambut, Kg. Tengah, Kg. Masjid, Kg. Sirih dan banyak lagi kawasan yang mundur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup, Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

3.55 ptg.

**Tuan Au How Cheong (Teluk Anson):** Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya ingin mengucapkan tahniah setinggi-tinggi kepada Kerajaan yang telah mencapai kejayaan di dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Ini adalah menggembirakan bahawa lebih banyak orang khususnya bumiputra telah menikmati hasil usaha Kerajaan dalam pelak-

sanaan Rancangan Malaysia Ketiga, orang-orang bumiputra telah mencapai kejayaan di dalam bidang pendapatan isi rumah, hak milik dan penguasaan sektor syarikat dan pekerjaan dalam sektor kedua dan ketiga. Kejayaan-kejayaan ini dapat dilihat daripada perangkaan-perangkaan yang ditetapkan dalam buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Jadual 3-1 di muka surat 46 menunjukkan pendapatan purata bulanan bagi orang Melayu telah bertambah daripada \$172 pada tahun 1970 kepada \$246 pada tahun 1976. Boleh dilihat dalam Jadual 3-5 hak milik dan penguasaan sektor syarikat bagi bumiputra perseorangan dan kepentingan bumiputra telah dinaikkan daripada \$279.6 juta atau 3.3% pada tahun 1971 kepada \$2,156.2 juta atau 10.3% pada tahun 1978. Saya mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Kerajaan atas kejayaan-kejayaan itu. Kejayaan-kejayaan itu adalah dijangkakan atau is expected seperti yang diramalkan dalam paragraph 127 buku Rancangan Malaysia Ketiga. Memandangkan pencapaian ini, saya merayu kepada Kerajaan supaya melipatgandakan usaha-usaha untuk menolong rakyat Malaysia yang lain dalam kesulitan mereka. Masalah-masalah yang sangat acute sekali bagi rakyat keturunan Cina dan India ialah kekurangan tanah, hak milik yang tidak kekal dan penyertaan yang kurang dalam sektor pertanian moden.

Jadual 4-2 muka surat 63 menunjukkan terdapat 36.1% atau lebih daripada 2.5 juta rakyat yang bukan bumiputra yang menduduki dalam kawasan-kawasan luar bandar. Paragraph 88 buku Kajian Separuh Penggal menyatakan kekurangan tanah hak milik yang tidak kekal dan keadaan kebun kecil keluasanya bagi satu keluarga. Masalah tersebut masih lagi terdapat di kalangan penduduk kampung-kampung baru. Kerajaan akan melipatgandakan usahanya untuk mengatasi masalah itu dalam tempoh 1979 dan 1980. Oleh yang demikian, adalah dihairankan bagi buku Kajian menyatakan dalam paragraph 122 bahawa adalah tidak menasabah untuk mengharap rakyat Malaysia yang lain terutamanya dalam bidang ekonomi yang daya pengeluarannya tinggi menukar kepada keadaan yang berpendapatan rendah di sektor pertanian. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji semula keadaan itu dan akan memberi peluang-peluang yang cukup kepada rakyat Malaysia yang lain dalam bidang pertanian moden ini.

Dalam segi pertanian ini, saya ingin menyatakan Parti Gerakan menyokong dengan sepenuhnya inisiatif Yang Berhormat Menteri Pertanian untuk menggalakkan nelayan:

- (a) mengusahakan aqua-culture secara besar-besaran;
- (b) menangkap ikan di laut dalam dengan bot-bot besar.

Parti kami berharaplah Yang Berhormat Menteri berkenaan juga dapat menyusun semula Jabatan Pertanian supaya pegawai-pegawai khususnya pegawai-pegawai tinggi bekerja dengan lebih cergas untuk mencapai tujuan dan dasar yang telah ditentukan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Kajian Separuh Penggal, real private (excluding oil) investment tidak mencapai target 9.9% setahun pada tahun 1976 dan tahun 1978, kadar yang dicapai ialah cuma 7.1%. Walau bagaimanapun masa depan bagi pelaburan swasta adalah tidak gelap. Sebenarnya kedudukan buruk telah berlaku pada tahun 1976 sahaja dengan one-stop agency yang telah ditubuhkan di MIDA dan dengan pimpinan Yang Berhormat Menteri Perdagangan saya percaya kadar pelaburan swasta boleh dinaikkan lebih tinggi lagi pada tahun akan datang.

Parti Gerakan menggesa Yang Berhormat Menteri berkenaan juga dapat menyusun suasana bagi pelaburan swasta di Malaysia dengan:

- (a) layanan birokratis yang cekap dan bersih;
- (b) keputusan-keputusan yang flexible dan praktikal.

Sektor swasta, Tuan Yang di-Pertua, meminta supaya suatu Lembaga Rayuan (Appeal Board) dan Majlis Penasihat (Advisory Council) ditubuhkan dan saya berharap permintaan ini dapat ditimbang. Kepada pelabur-pelabur yang mengikuti dasar-dasar Kerajaan atau mematuhi syarat-syarat Kerajaan, mereka patut diberi segala pertolongan, penggalakan mahupun insentif yang lain dalam usaha perdagangan mereka.

Buat sementara ini pelabur-pelabur masih menghadapi berbagai halangan untuk mendapat kelulusan bagi memulakan perniagaan mereka. Saya mengetahui sebuah syarikat kilang kelapa sawit yang telah menunggu selama dua tahun untuk mendirikan kilangnya dan syarikat itu masih tidak berjaya lagi.

Terdapat 8 atau 9 agensi Kerajaan yang mengkaji permohonannya iaitu LLN, JKR, DID, Pejabat Tanah, Perancang Bandar, Valuation Department, Majlis Daerah dan lain-lain.

Syarikat itu tidak mengetahui manakah failnya sekarang (it is running in circle). Tuan Yang di-Pertua, simpanan kebangsaan kasar telahpun naik daripada 20.9% kepada 25.8% pada tahun 1978. Jika simpanan dalam negeri ini boleh dimobilisekan untuk pelaburan swasta mungkin negara kita tidak perlu untuk mendapat lebih banyak pelaburan swasta dari luar negeri. Ada bukti menunjukkan apabila negara-negara asing menghadapi kemelesetan mereka terpaksa mengurangkan operasi perdagangannya. Kilang-kilang kepunyaan negara asing yang didirikan di luar negeri ditutup dahulu dan pekerjaan-pekerja kita akan mengalami pengangguran.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kejadian-kejadian seperti itu telah berlaku di Kanada kerana terdapat banyak pelaburan Amerika di Kanada. Apabila syarikat Amerika menghadapi recession kilang-kilang Kanada itu ditutup dahulu. Jika simpanan dalam negeri yang begitu besar itu dapat digunakan dengan sepenuhnya, kita mungkin tidak perlu bergantung atas pelaburan luar negeri secara besar-besaran. Kita hanya perlu berusaha untuk memperolehi kemahiran, pengetahuan teknologi dan pengurusan untuk mewujudkan satu sektor perdagangan dan perindustrian yang moden.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pertumbuhan dan pembangunan di negeri Perak. Jadual 5-3 di muka surat 84 menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan bagi Perak ialah hanya 4.9%. Adalah didukacitakan peruntukan yang dipinda di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, negeri Perak hanya mendapat \$2,476 juta atau 38.2% tambahannya. Ini adalah satu peratusan tambahan yang kecil sekali sungguhpun negeri Perak ialah sebuah negeri terbesar sekali dari segi bilangan penduduk dengan 1,927,000 orang. Dengan kata-kata lain, pendapatan per kapita ialah \$1,285 atau \$1,285 bagi tiap-tiap seorang untuk pembangunan berbanding dengan \$4,124 bagi negeri Pahang, \$3,397 bagi Sabah dan seterusnya. Sebaliknya mengenai peruntukan yang telah diluluskan itu hanya satu bahagian yang kecil sahaja dapat digunakan.

Jadual 12-3 menunjukkan hanya 26.9 batu atau 30% daripada 83.1 batu jalan luar bandar yang dirancangkan itu dapat disiapkan. Bagi bekalan air luar bandar pula Perak hanya mendapat 47% pencapaian berbanding dengan 88% bagi Johor, 95% bagi Melaka dan seterusnya. Semua ini mencerminkan bahawa pentadbiran Perak adalah kurang memuaskan. Saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya mengkaji masalah Perak dan memberi pertolongan kewangan yang lebih banyak serta kakitangan teknikal yang mencukupi kepada negeri Perak. Perak bukanlah sebuah negeri yang maju sekali. Jika kita masih berlengah di belakang ada kemungkinan bahawa Perak akan menjadi sebuah negeri yang mundur sekali di Malaysia.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.05 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Yang di-Pertua, mula-mula sekali saya suka merakamkan perasaan syukur saya kehadiran Allah s.w.t. kerana dari tempoh tahun 1976-1978 yakni dalam jangka Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua, kemajuan-kemajuan ekonomi negara ini telah berkembang dan kenaikan percapita income telah pun ketara. Kadar pengangguran telah turun daripada 7% pada tahun 1975 kepada 6.2% pada tahun 1978. Di samping itu pula, kadar kemiskinan telah menurun daripada 44% pada tahun 1975 sampai kepada 37% dalam tahun 1978 di samping peratus rakyat mendapat kemudahan-kemudahan seperti air bersih, api elektrik dan lain-lain telah banyak meningkat di dalam tempoh 3 tahun yang berkenaan.

Lantaran masa adalah terhad, Tuan Yang di-Pertua, maka saya akan cuba menyentuh satu perkara yang penting sahaja iaitu mengenai pelajaran. Tuan Yang di-Pertua, saya suka merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan kerana buat pertama kalinya pada tahun ini dengan berani dan jayanya melalui Jadual 14—3A, muka surat 222 naskah Bahasa Malaysia, buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga telah menyatakan keadaan penuntut-penuntut di pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri bagi tahun 1978. Berkaitan dengan ini perenggan 549, muka surat 216, naskah

Bahasa Malaysia, adalah jelas memberi perangkaan penuntut Malaysia pada tahun 1978 yang berkursus di seberang laut mengikut pecahan-pecahan kaum yang tidak payah saya sebutkan lagi di sini.

Tuan Yang di-Pertua, maka jelas sekali bahawa apa yang selama ini dilaung-laungkan bahawa penuntut-penuntut bumiputra jauh mengatasi penuntut-penuntut bukan bumiputra itu maka pada tahun ini jelas perkara ini adalah tidak benar, kerana kenyataan menunjukkan bahawa di Amerika penuntut-penuntut di dalam dan di luar negeri hanya kira-kira 44.8% sahaja yang terdiri daripada penuntut-penuntut kaum bumiputra. Angka-angka ini dapat dicapai keseluruhannya yakni 44.8% bagi tahun 1978 pada saat-saat di mana peringkat universiti-universiti tempatan jumlah bumiputra meningkat 63.9%. Apakah agaknya peratus kedudukan bumiputra kalau dicampurkan kedua-dua dalam dan luar negeri di tahun-tahun sebelum ini. Misalnya bagi tahun 1972 sahaja, kedudukan bumiputra di Universiti Malaya ialah 47.5% dan bukan bumiputra pada masa itu 52.25%. Manakala kalau kita mengambil contoh daripada kira-kira 6,000 penuntut-penuntut Malaysia di Australia dan New Zealand pada tahun yang berkenaan hanya kedatangan 500 orang sahaja yang terdiri daripada kaum bumiputra. Dan apakah agaknya peratus kaum bumiputra keseluruhannya pada tahun-tahun sebelum wujudnya Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971. Angka-angka yang telah diberikan oleh sahabat saya dari Matang dua tiga hari lepas menunjukkan perangkaan-perangkaan kaum bumiputra di Universiti Malaya mulai tahun 1959 sampai pada tahun 1970 jelas menunjukkan bahawa kalau diambil kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, everagennya dalam tahun-tahun 1959 Universiti Malaya sampai pada tahun 1970 hanyalah 23.34% pada setahun ialah terdiri daripada kaum bumiputra. Ini kalau pada masa itu, bahkan kalau MARA pula boleh mengeluarkan angka penuntut-penuntut luar negeri bagi satu masa seperti masa yang saya sebutkan itu, mungkin ini boleh menggemparkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling sewaktu membahaskan usul ini pada 23hb Mac, 1979 yang lepas di samping juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, suka sangat menyebutkan mengenai peratus kaum bumiputra yang lebih tinggi di peringkat universiti-universiti dalam negeri

tetapi sayangnya dalam masalah angka-angka penuntut-penuntut di luar negeri beliau hanya menyentuh dari segi soal, "untuk dapat menjimatkan pertukaran wang dari segi pertukaran wang asing sahaja." Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tidak sesiapa pun menafikan bahawa tempat-tempat Universiti Malaya hendaklah ditambahkannya sama ada untuk kaum bumiputra atau bukan bumiputra sesuai dengan keadaan dan kedudukan 4 buah universiti kita pada masa ini yang masih lagi dalam keadaan berkembang. Dan pihak Kerajaan telahpun melalui perenggan 563 muka surat 219 menyatakan hasrat ini dan juga telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran di Dewan yang mulia ini pada 12hb Disember mengenai kedudukan pengambilan penuntut-penuntut didalam universiti-universiti tempatan pada tahun ini. Ini merupakan satu hasrat murni pihak Kerajaan yang sepatutnya diterima dengan baik oleh semua pihak terutama sekali pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini saya suka menarik perhatian Kerajaan supaya mengambil banyak perhitungan sebelum sesuatu dasar atau kuota yang tertentu itu ditetapkan bagi pengambilan pelajar-pelajar ke universiti tempatan pada tahun ini, jangan hanya dilihat dari segi jumlah besar pengambilan sahaja malah hendaklah diperincikan dari fakulti-fakulti dan kursus-kursus universiti berkenaan. Walaupun angka pada tahun 1978, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan jumlah penuntut-penuntut bumiputra keseluruhannya yakni bagi universiti-universiti tempatan mengatasi penuntut-penuntut bukan bumiputra. Tetapi kalau kita perincikan mengikut fakulti-fakulti maka sesuatu perkara yang ketara sekali ialah bahawa kedudukan bumiputra di fakulti-fakulti yang berkenaan ini adalah lebih jauh ketinggalan daripada kaum bukan bumiputra. Umpamanya, pada sesi tahun 1978/79—

Di Fakulti Kejuruteraan	...	18.9%
Di Fakulti Perubatan	...	36.5%
Di Fakulti Sains	...	35.9%

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya eloklah kalau kita meninjau ke belakang sedikit di dalam masalah ini dengan tujuan bahawa saya mencadangkan supaya Kerajaan menambahkan lagi peratus dan bilangan golongan bumiputra di bidang-bidang di mana bumiputra berkurangan, umpamanya, di bidang kejuruteraan, sains perubatan dan

sebagainya. Saya berpendapat demikian, kalau saya lihat di tahun-tahun kebelakangan misalnya dari tahun-tahun 1959 mulai dari Universiti Malaya di Kuala Lumpur wujud sehingga pada tahun 1970 kita dapati bahawa analisa keseluruhannya (average) tahunan bumiputra di Fakulti Sains Universiti Malaya hanya 7.77%. Manakala di Fakulti Kejuruteraan pula dalam tempoh dan average yang sama ialah 1.55% diambil kira tahunan daripada tahun 1959-1970.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, satu minit lagi.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Seminit lagi. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita teruskan pula ke tahun 1971 - 1978 sehingga hari ini peratus golongan bumiputra hanya 11.2% sahaja. Ini di Fakulti Kejuruteraan manakala di Fakulti Perubatan pula ialah sebanyak 30.4% dan di dalam masalah ini sebahagian daripada angka-angka yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang berwajib ini kadang-kadang saya perlu pertikaikan kerana kadang-kadang penuntut-penuntut pra sains diambil kira sebagai penuntut sains. Ini tidak betul, penuntut-penuntut pra kejuruteraan diambil kira sebagai penuntut engineering dan begitu juga dalam bahagian-bahagian yang lain. Jadi ertinya, Tuan Yang di-Pertua, kalau ditolak penuntut pra ini maka bererti kedudukan bumiputra adalah rendah sekali. Kesimpulannya, saya sebenarnya tidak ingin hendak membangkit dengan soal-soal yang lapuk dan larut ini kerana kita semua sudah maklum, tetapi saya hendak menampakkkan kepada mereka yang tidak ingin melihat, yang tidak mampu melihat, yang tidak mahu melihat bahawa Kerajaan adalah berjuang mengambil masa dan tenaga untuk menyamakan dan untuk menaikkan taraf golongan yang rendah dan golongan yang rendah ini kalau tidak dinaikkan pada saat-saat dan waktu yang tertentu akan menjadi satu ombak dan ombak ini insya Allah akan dirasai oleh setiap golongan manusia di negara ini sama ada golongan yang berada apatah lagi golongan yang tidak berada.

4.15 ptg.

**Tuan Thomas Salang Siden (Julau):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini menyokong usul Kajian Semula Separuh Penggal

Rancangan Malaysia Ketiga yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Selasa yang lalu.

Dalam konteks ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan kerana telah begitu bermurah hati menambahkan beberapa peruntukan yang perlu ke arah menjadikan Rancangan Malaysia Ketiga satu kejayaan yang konkrit selaras dengan semangat Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru dan selaras dengan hasrat Kerajaan hendak membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia. Saya juga merasa terharu bahawa berasaskan kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan yang beliau serta Jumaah Menterinya akan bersedia membantu negeri-negeri yang kurang maju seperti Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang ingin hendak disentuh ialah keperluan jalanraya di Sarawak, yakni jalanraya besar dan Federal roads. Kami memohon daripada pihak Kementerian berkenaan supaya memperuntuk lebih wang ke arah membangunkan jalanraya di Sarawak. Begitu juga halnya dengan tenaga kerja pihak Kementerian berkenaan adalah diminta bekerjasama dengan Jabatan Kerjaraya Sarawak agar dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya Jabatan Kerjaraya mempunyai cukup orang. Saya menegaskan membina jalanraya-jalanraya sebagai amat perlu kerana sekiranya jalanraya tidak ujud, maka pembangunan sektor-sektor lain di kawasan-kawasan luar bandar seperti Julau tidak akan berjalan lancar supaya rumah-rumah panjang dan lain-lain tempat dihubungi dengannya. Sealiran dengan ini saya memohon supaya dipercepatkan pembinaan jalanraya di Julau seperti berikut:

- (a) Kuala Julau to Kuala Entabai Road;
- (b) Pakan Ulu Julau Road, dan Engkamup Kamalih Road.

Tuan Yang di-Pertua, kepada pihak Kementerian Kesihatan saya juga memohon supaya bekalan air di rumah-rumah panjang dan kampung di luar bandar akan diadakan secepat mungkin. Ini akan membolehkan penghuni-penghuni kampung menikmati kemudahan-kemudahan sosial dan menjamin kesihatan masing-masing. Menikmati sedikit daripada apa yang pernah dinikmati oleh mereka di bandar. Di samping itu bekalan air yang bersih akan menjauhkan mereka dari serangan penyakit cholera dan diarrhoea.

Saya juga memohon supaya Kementerian berkenaan memperuntukkan lebih banyak wang untuk membina klinik-klinik dan hospital-hospital luar bandar khususnya tempat-tempat yang jauh dari bandar yang ada hospital.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat menyokong saya bersama-sama mengucapkan terima kasih setinggi-tingginya kepada Kementerian Pelajaran atas peruntukan besar yang diberikan untuk School Feeding Scheme. Program ini sangatlah berguna dan mustahak kepada anak-anak miskin luar bandar, sementara di tahun-tahun lepas seorang murid hanya mendapat \$10 sebulan tetapi sekarang jumlahnya sudah meningkat \$35.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon juga di saat ini supaya proses membaiki bangunan-bangunan sekolah di Sarawak dipercepatkan iaitu sekolah-sekolah rendah dan menengah. Pada pendapat saya proses pembesaran bangunan-bangunan tersebut juga perlu dipercepatkan untuk menjamin cukupnya tempat bagi anak-anak kita yang kian bertambah. Kebanyakan bangunan-bangunan sekolah di luar bandar di Sarawak termasuk Julau sudah begitu tua dan tidak boleh digunakan dan dari itu perlulah diganti dengan bangunan-bangunan baru.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat dari Raub.

4.21 ptg.

**Tuan Tan Koon Swan (Raub):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul menerima Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan ke atas kejayaan-kejayaan dan perkembangan yang dapat dicapai oleh ekonomi Malaysia seperti dibuktikan oleh keputusan-keputusan yang terkandung dalam Kajian Separuh Penggal. Kemajuan pesat yang dicapai semasa ekonomi dunia mengalami pertumbuhan yang kurang menggalakan menunjukkan kebijaksanaan dan pragmatism Kerajaan dalam hal-hal ekonomi.

Saya percaya bahawa kemajuan ekonomi Malaysia yang luar biasa dan prospek-prospek untuk menampung perkembangan itu menunjukkan dengan terangnya satu perkara iaitu kita mempunyai daya upaya untuk menjadi sebuah negara yang kokoh. Walaupun negara kita masih muda lagi, kita mempunyai kekuatan pelenting (resilience) sebagai daya upaya dan infrastruktur ekonomi yang kuat, untuk menuju ke hadapan, untuk menemui cabaran-cabaran, untuk mengatasi kemerosotan dan keadaan-keadaan yang tidak tentu untuk membina satu negara Malaysia yang kokoh.

Rancangan Malaysia Ketiga adalah satu program ekonomi dan dengan demikian Kajian Separuh Penggal sepatutnya hanya mengkaji kemajuan dari segi ekonomi. Dari segi ini tidak ada keraguan bahawa ekonomi kita telah mencapai kemajuan dan kejayaan. Dari segi itu juga gambaran keadaan sekarang adalah cerah dan masa akan datang pun mengandungi banyak harapan. Atas alasan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menumpukan perhatian kita ke atas aspek-aspek ekonomi atau quantitative Kajian Separuh Penggal.

Tuan Yang di-Pertua, bolehlah diakui bahawa Rancangan Malaysia Ketiga semampama semua rancangan-rancangan pembangunan yang lain adalah suatu program ekonomi tetapi ia juga mempunyai satu objektif sosial. Objektif itu adalah objektif yang utama. Ianya adalah lebih penting daripada jumlah kejayaan-kejayaan ekonomi dan quantitative. Objektif itu adalah perpaduan negara.

Memandangkannya saya membaca dengan kesal bahawa Kajian Separuh Penggal tidak membuat apa-apa rujukan kepada kemajuan yang dibuat dalam mencapai objektif ini. Meskipun keputusan quantitative adalah cemerlang, tiada apa-apa tafsiran yang mendalam dibuat ke atas kemajuan qualitative. Berapa jauhkah kita mencapai perpaduan negara? Adakah apa-apa kebaikan yang jelas kelihatan dibuat dalam perhubungan antara rakyat dari berbilang bangsa?

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa amat sukar untuk menerima satu criteria yang sesuai dengan mana kita dapat mengukur kemajuan kita dari aspek qualitative. Walau bagaimanapun saya ingin menegaskan bahawa kecemerlangan kemajuan ekonomi sahaja tidak boleh dan tidak akan dapat memberikan kepada rakyat kepuasan

emosi yang sangat-sangat diperlu dalam mencapai perpaduan negara. Oleh yang demikian saya berasa bahawa analisa qualitative perlulah diperkenalkan pada masa yang akan datang sebagai satu dimension yang baru untuk mengkaji usaha-usaha pembangunan kita.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya perhatikan kejadian yang mungkin boleh melemahkan beransur-ansur semangat kita untuk memperjuangkan perpaduan negara. Saya perhatikan bahawa ucapan-ucapan umum dari kedua-dua pihak Kerajaan dan Pembangkang dalam bulan-bulan yang kebelakangan mengandungi tuduhan-tuduhan dan tuduhan-tuduhan bertentangan. Di satu pihak terdapat tuduhan-tuduhan mengenai sabotaj ekonomi dan pelaksanaan dasar-dasar yang tidak berhati-hati. Di sebelah pihak ucapan-ucapan ini hanya menambahkan perasaan-perasaan ketakutan dan kecurigaan antara rakyat di berbilang bangsa. Emosi naik tinggi dan rakyat kita sedang bertindak dan memikir dalam caranya yang bertentangan dengan objektif yang diingini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bahawa kita berhutang kepada negara dan rakyat satu kewajipan untuk memulihkan dan menguatkan perjanjian untuk mencapai perpaduan negara dan saya ingin merayu kepada semua pihak supaya mengadakan sikap lebih sederhana dan kesabaran. Membina sebuah negara yang aman, selamat dan bersatupadu adalah satu tugas yang sukar. Ia memerlukan usaha-usaha bersama, ia memerlukan kebijaksanaan, kesabaran dan toleransi, ia memerlukan fahaman realiti-realiti politik dan masalah-masalah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, antara baris-baris laporan di atas ekonomi Kajian Separuh Penggal menunjukkan beberapa keadaan yang saya fikir tidak selaras dengan falsafah perpaduan negara. Ianya berhubung dengan pengambilan penuntut-penuntut di institusi-institusi pelajaran tinggi, rancangan-rancangan tanah dan pemulihan kampung-kampung baru. Dari segi sosial, Tuan Yang di-Pertua, perhimpunan penuntut-penuntut dari satu golongan bangsa dari semua institusi pelajaran tinggi anjuran Kerajaan tidak akan memutuskan persoalan yang dapat membantu penciptaan perpaduan negara.

Keadaan ini tidak memberikan peluang untuk integrasi dan saling mempengaruhi antara penuntut-penuntut dari golongan bangsa berbeza. Penuntut-penuntut tidak

akan diperkenalkan kepada latar belakang sosial dan kebudayaan golongan bangsa lain. Juga keadaan ini tidak memberikan peluang untuk mengadakan perhubungan, untuk mengadakan tali persaudaraan yang sangat-sangat perlu untuk mengatasi dan memahami masalah-masalah negara apabila mereka memegang jawatan-jawatan yang menghendaki mereka membuat keputusan kepada masalah-masalah seperti ini selepas mereka lulus dari institusi-institusi ini.

Dengan demikian, saya ingin mengulangi rayuan yang telah dikemukakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu satu kajian hendaklah dijalankan untuk membetulkan anomali yang serius supaya mencerminkan komposisi berbilang bangsa masyarakat kita. Kerajaan kita mendapat ilham daripada rakyat, keberanian kita untuk menjalankan apa yang patut dijalankan telah dikenali. Biarlah kita menunjukkan keikhlasan kita mengenai perkara ini. Keadaan sama juga didapati di dalam rancangan-rancangan tanah Kajian Separuh Penggal menunjukkan penyertaan oleh rakyat bukan bumiputra dalam rancangan-rancangan tanah yang dijalankan oleh FELDA, RISDA dan FELCRA adalah kurang dari 5%.

Tuan Yang di-Pertua, egeni-egeni ini telah menjalankan tugasnya iaitu menghapuskan kemiskinan dengan cemerlang.

Ketiga, saya mengucapkan tahniah kepada mereka ke aras kejayaan yang cemerlang itu. Saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya peruntukan yang lebih bererti diberi untuk penyertaan oleh kaum lain. Kita telah mengenali bahawa kemiskinan tidak memilih mana-mana kaum. Kita telah mengisytiharkan bahawa dasar kita untuk menghapuskan kemiskinan akan dilaksanakan tanpa mengira bangsa. Biarlah keputusan-keputusan yang dicapai mencerminkan dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan di kampung-kampung baru adalah sedih. Di negeri ini ada 465 buah kampung-kampung baru. Jumlah penduduk-penduduk di kampung baru ini kira-kira setengah juta. Peruntukan yang diberi kepada semua kampung baru ini . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah sampai. Saya beri setengah minit lagi bagi menggulung ucapan.

**Tuan Tan Koon Swan:** Dalam perbelanjaan hanya \$5 juta atau kira-kira \$10,000 tiap-tiap kampung untuk memperbaiki kebajikan kampung-kampung itu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini tidak realistik dan tidak cukup untuk membayar perbelanjaan menjaga parit-parit biarlah memperbaiki kebajikan. Oleh yang demikian, saya perhatikan dengan sesal bahawa perkara ini hanya disebut di dalam Kajian Separuh Penggal dan tidak ada apa-apa yang positif atau konstruktif telah dicadangkan untuk meningkatkan taraf hidup di kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini supaya merujuk kepada tuduhan-tuduhan yang dibuat baru-baru ini mengenai sabotaj ekonomi. Saya fikir tidak ada rakyat Malaysia yang menyokong perbuatan sabotaj sama ada ekonomi ataupun lain-lainnya. Sekiranya terdapat apa-apa bukti perbuatan sabotaj itu sama ada oleh orang asing ataupun rakyat Malaysia, sepatutnya diperlihatkan dan tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil. Kita tidak patut berulang-ulang sindiran itu dan terus mengelirukan rakyat kita oleh kerana ianya tidak selaras dengan perpaduan negara.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Pontian.

4.34 ptg.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir (Pontian):** Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga pada hari Isnin minggu lalu, ada segolongan rakyat di dalam negeri ini yang sedang menumpukan perhatian mereka yang serius ke Dewan Rakyat ini.

Mereka menumpukan perhatian mereka bukannya untuk mendengar akan kejayaan-kejayaan yang dicapai, tetapi mereka semuanya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mendedahkan kegagalan-kegagalan dari rancangan-rancangan tersebut. Mereka berharap Perdana Menteri akan memberitahu Dewan ini tentang tidak tercapainya pertambahan ekonomi negara. Tidak wujudnya pekerjaan-pekerjaan baharu, orang-orang yang tidak berada terus tidak mendapat apa-apa faedah dari rancangan menghapuskan kemiskinan. Pembangunan

sosio-ekonomi kita terganggu, imej negara di luar terjejas, krisis perpaduan MAS terus berlaku dan pelaburan daripada negara asing tersekat.

Rupanya apa yang mereka harapkan telah tidak terjadi. Doa mereka telah tidak dimakbulkan oleh Allah s.w.t. Mereka adalah orang-orang yang menentang Barisan Nasional. Di antara mereka ialah dari ahli-ahli yang baru berucap tadi, mereka ialah DAP dan terbuktilah bahawa apa yang mereka mahukan ialah melihat dari ucapan Ketua Pembangkang yang kebetulan pula mewakili kawasan Petaling; ucapan tersebut memperlihatkan putar belit orang-orang yang berputus asas dan menggunakan keistimewaan Parlimen dan kemahiran guamannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang jelas cuba memutar belitkan ucapan Ahli dari Pasir Putih yang telah menyatakan siapa sahaja termasuk anggota Parlimen DAP yang tidak berpuas hati dengan demokrasi di negeri ini supaya meninggalkan negeri ini. Ucapan ini sebenarnya adalah tepat, kerana apalah gunanya kita mempunyai orang-orang yang hendak menghancurkan demokrasi menerusi kemewahan yang didapati dari demokrasi. Apalah gunanya orang-orang yang bercakap dan mahukan demokrasi di dalam negeri ini tetapi di dalam parti mereka, sendiri tidak ada demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Seremban yang juga Pengerusi DAP misalnya pernah dalam debat belanjawan yang lalu telah menyentuh tentang hak-hak asasi yang menurutnya sedang dinafikan di negara ini. Saya teringat akan satu penegasan yang dibuat oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi dari Amerika Justice Oliver Wendle Holmes yang menegaskan:

*(Dengan izin)* "Freedom is not absolute. The right to swing my first ends where the other man's nose begins, but the proper balance is a democracy between the right of one individual and the right of society as a whole can never be resolved to everyone's satisfaction".

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Seremban itu juga telah menyebut tentang pembongkaran yang dibuat oleh Alexander Solzhentisyn, seorang pemenang hadiah Nobel international di dalam bukunya yang membongkar tektik-tektik pihak K.G.B. Walaupun beliau telah menyebut nama

rujukannya, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Seremban itu telah membaca buku yang mencapai international fame pada tahun 1962 dan 1963, yang terjemahan Inggerisnya— "One day in the life of Ivan Denisovich". Buku ini telah menceritakan kesah kemah buruh paksa di zaman Stalin. Setelah beliau membaca buku tersebut, saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat itu sama ada beliau benar-benar hendak mensifatkan keadaan yang berlaku di Malaysia seperti yang terdapat di dalam buku yang ditulis oleh Alexander Solzhentisyn ini. Ahli DAP yang ikut mendakwa kononnya sebagai orang-orang yang patriotik di dalam negara ini mestilah merasa malu dengan cara-cara yang terkutuk ini. Mereka nampaknya lebih ghairah memperhincakan negara ini dan membawa contoh-contoh yang hina seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencabar Pengerusi DAP dan organisasinya supaya menyiarkan bahan-bahan cerita yang tersebut supaya dapat diukur oleh rakyat bagi membuktikan tuduhan-tuduhannya. Adalah dhafif dan hina orang-orang seperti pemimpin DAP ini masih lagi mahu bernaung di bawah langit Malaysia dan terus menikmati semua kemewahan-kemewahannya dari demokrasi yang kita sediakan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Petaling telah berperiperi bercakap tentang perpaduan negara. Sikap berpura-pura dan hepukrasinya jelas sekali terhadap niat jahatnya untuk memusingkan ucapan Ahli dari Pasir Putih itu, lantas mengkapitalaikan isu perpaduan negara yang menurutnya sedang tercabar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menggunakan bahasa yang mudah difahami tanpa membuat penekanan yang tidak jujur seperti Ahli dari Petaling itu. Ahli dari Petaling bertanya apakah Ahli dari Pasir Putih berfikir terdapat dua kelas warganegara di dalam negara ini.

Di sini saya ingin bertanya kepada beliau, siapakah yang memulakan dan mempermainkan issue ini iaitu issue kelas pertama dan kelas kedua (first class citizen dan second class citizen). Siapakah yang telah menyuapkan dan memberi feeding kepada orang-orang di luar negeri tentang definasi first class dan second class citizen ini.

Dalam pilihanraya tahun 1964 semasa DAP masih lagi menggunakan PAP, issue ini telah dimulakan secara sewenang-wenangnyanya.

Dan telah digunakan secara gelojoh dan dalam pilihanraya tahun 1969, saudara Goh Hock Guan yang pada masa itu menjadi Setiausaha Agong DAP dan Ahli dari Petaling menjadi Setiausaha Organisasinya telah memainkan lagi issue ini. Akibatnya ialah trajidi 13 Mei yang menumpahkan darah rakyat Malaysia yang tidak berdosa dalam satu-satunya sejarah hitam di tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, tidak adanya kejujuran akademik, tidak adanya kejujuran intelek, malah pemesongan fact ini terbayang jelas bila Ahli dari Petaling cuba membuat tafsiran bahawa Ahli dari Pasir Putih menyuruh Ahli-ahli DAP keluar meninggalkan Malaysia kerana mereka dari satu keturunan sahaja. Saya ulangkan lagi dari satu keturunan sahaja. Saya ulangkan lagi dari satu keturunan sahaja. Di dalam hujah yang panjang dan lebar ini . . . . .

**Dr Chen Man Hin:** (*Bangun*)

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat nanti sekejap!

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Saya tidak memberi jalan sama sekali, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr Chen Man Hin:** Untuk penjelasan.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Saya tidak memberi jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Di dalam hujah yang panjang lebar Ahli dari Seremban, jelaslah bahawa dia sendiri nampaknya mengakui bahawa partinya adalah parti Cina 100%.

Kemudian dia cuba hendak menyuap dan meracuni fikiran rakyat bahawa Barisan Nasional hendak menyuruh rakyat keturunan lain meninggalkan negeri ini kerana semata-mata akibat dari asal-usul mereka, kerana ugama mereka dan kerana bahasa mereka dan kerana kebudayaan mereka. Inilah satu pemesongan fact yang berlaku yang dibuat tafsiran dari ucapan Ahli dari Pasir Putih.

Sebagai anggota dalam Dewan yang mulia ini, suka saya menegaskan di sini dengan bahasa yang mudah juga kepada anggota-anggota DAP apalah gunanya orang-orang yang seperti Pengerusi DAP yang mensifatkan negara ini seperti dalam kemah buruh

paksa dalam zaman Stalin, masih lagi mahu menghirup udara dan kemewahan demokrasi yang terdapat di Malaysia.

Saya suka memberitahu beliau bahawa saya dengan tegas menyatakan dan mempunyai pandangan orang-orang yang seperti Pengerusi DAP ini sama ada dia itu seorang Melayu atau Cina, sama ada dia itu seorang bumiputra atau bukan bumiputra, sama ada beliau itu seorang golongan professional atau bukan professional, saya suka meminta mereka supaya mencari negeri lain yang menurut mereka yang lebih selesa, lebih demokratik dari Malaysia untuk menjadi tempat mereka dan keluarga mereka mencari nafkah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan ini saya suka juga menyentuh tentang peranan I.T.F. untuk menghancurkan negara ini terutama yang ditunjukkan dalam sengketa di antara A.E.U. dan MAS. Dalam hubungan ini, saya suka hendak menarik perhatian Dewan ini akan kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh seorang bekas anggota Parlimen kawasan Bungsar yang juga salah seorang pengasas terpenting DAP di Malaysia pada masa itu iaitu Encik Devan Nair. Dalam ucapan sulungnya sebagai anggota Parlimen di Parlimen Republik Singapura telah mensifatkan apa yang didakwa.

(*Dengan izin*) International labour solidarity is one of the biggest on going humbuggeries dalam dunia moden ini.

Tuan Yang di-Pertua, dia telah menunjukkan kecamannya istimewa kepada perwatakan protectionism International Transport Workers Federation yang beribupejabat di London. Encik Devan Nair telah membongkar akan langkah-langkah protectionism yang dijalankan oleh I.T.F. yang telah membahayakan beribu-ribu pegawai-pegawai dan kelasi-kelasi Singapura. Dia telah meminta Singapore Air Transport Workers Union dan lain-lain Kesatuan Sekerja yang bergabung kepada I.T.F. untuk memberitahu I.T.F. pada masa-masa yang sesuai mengapa Kesatuan-kesatuan Sekerja di Singapura tidak harus menarik diri dari badan antarabangsa tersebut. Demikianlah keadaan Encik Devan Nair yang satu masa menjadi pemimpin DAP yang telah menunjukkan sense of belongingnya kepada negaranya dan telah menunjukkan patriotismnya kepada negaranya Republik Singapura. Tetapi bagaimana

dengan Ahli-ahli DAP seperti pemimpin Trade Union dari Damansara yang juga menjadi Setiausaha Agong M.T.U.C? Beliau telah berkali-kali berhijrah dari Parti Buruh, dari Parti GERAKAN, dari Parti PEKEMAS dan kemudiannya memasuki DAP. M.T.U.C dan beberapa kesatuan lain nampaknya sedang membiarkan diri mereka diperalatkan oleh I.T.F. terutama dalam sengketa A.E.U. dan MAS.

Kesatuan Sekerja di Britain termasuk I.T.F. nampaknya telahpun melumpuhkan ekonomi Britain hingga menjadi "sick man in Europe". Dan saya ingin bertanya M.T.U.C. dan DAP serta lain-lain Kesatuan Sekerja apakah mereka juga berniat untuk melakukan ini untuk menjadikan negara ini yang sedang membangun sebagai sebuah negara yang akan. . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa cuma  $\frac{1}{2}$  minit lagi.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, mogok ini juga telah menjejaskan perusahaan penerbangan di Canada yang menghadapi kerugian yang teruk berjuta ringgit setiap tahun.

Ahli dari Tuaran telah menyebutkan semalam tentang jangkaan keuntungan yang boleh dicapai oleh MAS pada masa ini kalau tidak tindakan perusahaan itu iaitu sebanyak \$75 juta.

Saya berterima kasih kepada Kerajaan kerana tidak membiarkan kejadian ini berlaku tanpa tindakan segera. Orang-orang seperti wakil dari Damansara yang telah berhijrah dari Parti Buruh, GERAKAN, PEKEMAS dan kemudian DAP adalah bukti jelas bahawa ahli itu boleh melakukan apa sahaja, memakai apa sahaja baju, memakai apa juga bahasa untuk mencapai niatnya dan melakukan tindakan yang tidak bertanggungjawab dengan berselindung sebagai pemimpin kaum buruh untuk memlembahkan dan menjejaskan kestabilan dan kemajuan negara ini.

Saya menyeru ahli-ahli Kesatuan Sekerja di negara ini supaya jangan terperangkap oleh kelakuan dan tingkah-laku orang-orang seperti ini kerana mereka lebih berseronok dan gembira melihat negeri ini menghadapi kehancuran dan mudah pula mereka berhijrah ke tempat lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Kerajaan kita adalah tidak mampu membiarkan negara ini hancur kerana kita hanya mempunyai satu negara sahaja, tetapi kita sudah tentu mampu untuk bertindak terhadap anasir-anasir yang anti-nasional ini. Saya berharap Kerajaan tidak akan bersikap belas ikhsan kepada penjenayah-penjenayah negara.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, pengasas DAP yang menjadi pemimpin M.T.U.C. Singapura telah menyeru tindakan terhadap I.T.F. kerana ia lebih cintakan negaranya di Singapura, tetapi Setiausaha Agong M.T.U.C. yang baru sahaja masuk DAP membiarkan dirinya diperalatkan oleh I.T.F. Apakah beliau juga cintakan negaranya Malaysia ini? Saya ingin bertanya kepadanya kemanakah beliau hendak pergi?

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

4.46 ptg.

**Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu):** Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat menarik dalam Laporan ini ialah ada tanda-tanda yang menunjukkan dengan jelas bahawa Malaysia kita sekarang ini sedang bergerak secara pasti untuk meninggalkan suatu lapangan tradisional kita iaitu lapangan pertanian menuju ke arah sebuah negara perusahaan.

Menurut kajian ini, Tuan Yang di-Pertua, pergantungan kita kepada sektor pertanian akan berkurangan daripada 27.7% dalam tahun 1975 kepada 23.2% dalam tahun 1980, sedangkan sumbangan sektor perusahaan bertambah daripada 25% kepada 30% dalam masa yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan perkara ini ialah oleh kerana sektor perusahaan dan pengeluaran ini sama juga halnya dengan sektor perkhidmatan (service) adalah sektor yang kita kata highly unionised dan kerana itu perkembangannya pada masa akan datang bergantung rapat dengan adanya suasana harmoni perhubungan antara majikan dengan pekerja.

Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bernasib baik oleh kerana para pekerja kita boleh dikatakan sanggup mendisiplinkan diri dan tidak banyak bertindak liar seperti yang berlaku dengan luasnya di negara-negara lain terutama di negara-negara maju. Di negara-negara maju tindakan-tindakan perusahaan yang tidak putus-putus adalah antara sebab-sebabnya maka berlaku inflasi yang tinggi kadarnya, bertambahnya kadar pengangguran serta berkurangnya kuasa pembelian dan dengan turunnya pengeluaran negara dan naiknya inflation. Dalam keadaan demikian barang-barang pengeluaran daripada negara-negara sederhana dan negara yang sedang membangun telah berjaya menerobos pasaran dunia dengan senang. Penerobosan (penetration) ekonomi ini sudah pastilah merupakan suatu ancaman kepada ekonomi negara-negara maju itu lalu timbullah apa yang disebutkan berkali-kali dalam Dewan ini yang baru disebut sebentar tadi oleh Yang Berhormat wakil daripada Pontian iaitu dasar protectionism yang kita semua sudah faham dan tahu maksudnya. Kita sedang menentang hebat dasar ini bersama-sama negara lain yang sedang maju, akan tetapi barangkali kerana dasar ini tidak begitu berkesan ada tanda-tanda yang menunjukkan sekarang bahawa negara-negara maju sedang mengadakan apa yang kita panggil satu conspiracy antara mereka dengan pihak Kesatuan-kesatuan Sekerja Antarabangsa yang berpangkalan di negara mereka untuk menentang kemaraan kita dalam bidang industri.

Ada tanda-tanda juga yang menunjukkan bahawa target mereka di kawasan rantau di sebelah sini ialah apa yang mereka panggil "Gang of Four", iaitu terdiri daripada Korea, Taiwan, Hongkong dan Singapura. Oleh kerana Malaysia kita sedang mara dengan pesat menuju ke arah bidang perusahaan ini maka ada tanda-tanda yang menunjukkan mereka juga sedang menghalakan "big gun" mereka itu kepada kita, seperti yang terbukti dengan jelasnya baru-baru ini. Kita tahu tujuan mereka yang sebenarnya ialah untuk membantutkan kemajuan kita dalam bidang perusahaan supaya dapatlah mereka mengekalkan monopoli mereka bagi survival mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut semuanya ini supaya pihak ahli-ahli kesatuan sekerja kita dapat berfikir dengan jelasnya

dan dapat menimbangkan keadaan yang berlaku dan yang akan berlaku dengan lebih rational oleh kerana kalau kita hanya sanggup dipermain-mainkan dan mengikut telunjuk pihak ahli-ahli kesatuan sekerja international ini maka yang akan sengsara dan akan cacat ialah kita sendiri. Tindakan-tindakan liar dalam bidang perusahaan ialah satu cara yang paling tepat dan cepat untuk meruntuhkan ekonomi negara yang telah kita bina sejak 13 tahun yang lalu, iaitu sejak kita lancarkan Rancangan Malaysia Yang Pertama.

Lord Robbins, iaitu Menteri Buruh Kerajaan British dalam tahun 1974 pernah menisbatkan mogok sebagai satu perbuatan self-destruction. Tentulah kita semua maklum bahawa tidak ada orang yang lebih faham dan arif tentang bahaya dan kesan mogok kepada masyarakat dan ekonomi sesebuah negara itu selain daripada orang-orang British sendiri oleh kerana di Britain seperti yang kita ketahui mogok ini bukanlah satu perkara baru, mogok telah berlaku di Britain sejak tahun 1926, iaitu apa yang dipanggilkan "General Strike" dan sejak itu di Britain hampir tidak ada seorang pun pekerja yang tidak pernah mogok. Banyak Kerajaan telah jatuh akibat tindakan-tindakan perusahaan ini, Labour naik, Conservative turun; Conservative turun, Labour naik tetapi mogok berjalan terus juga sampailah kepada awal tahun ini kita telah mendengar 1.5 juta pekerja telah mogok.

Tuan Yang di-Pertua, mogok yang telah berlaku di Britain itu meliputi seluruh sektor perusahaan daripada lombong arang batu sehinggalah kepada membuat kereta, daripada membuat roti sampailah kepada orang yang menggali kubur. Jadi di Britain ini mogok bukan sahaja telah menyusahkan orang-orang yang hidup tetapi juga telah menyusahkan orang-orang yang mati. Sekarang tentulah kita tidak hairan kalau kita melihat di Britain, Britain cuma mampu berkembang pada paras kadar 2% sahaja setahun dan tidak juga siapapun hairan kalau nilai pound turun daripada \$8 pada satu ketika kepada \$4.50 pada masa ini. Juga tidak siapapun hairan kalau inflasinya terus tinggi pada paras 8%.

Tuan Yang di-Pertua, kita dalam Dewan ini patutlah menganjurkan kepada persatuan-persatuan sekerja kita supaya belajar daripada Britain iaitu bukan belajar macam mana hendak jadi macam mereka tetapi belajar macam mana kita sampai jangan jadi macam

mereka, dan sementara kita minta mereka belajar daripada Britain kita sendiri patutlah juga memikirkan bagaimana kita boleh membendung kegiatan-kegiatan kesatuan international ini.

Saya menganjurkan supaya pihak Kerajaan berpakat mengadakan dialog, bertukar-tukar nota dengan negara-negara seperti Singapura, Hongkong, Korea, Taiwan dan lain-lain negara yang berminat, baik di dalam dan di luar ASEAN untuk menghadapi atau mencari jalan bagaimana kita boleh mengadakan formula untuk menentang apa yang kita panggil "imperialists" bentuk baru ini dan menyusun satu cara counter-measures secara collective dan integrated.

Tuan Yang di-Pertua, saya seratus peratus bersetuju dengan sikap tegas Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam menghadapi orang-orang seperti ini dan kita tidak akan beralah kepada conspirators antarabangsa ini kerana kita adalah sebuah negara yang berdaulat dan saya percaya inilah juga sikap negara-negara lain yang sedang menghadapi masalah yang serupa dengan kita.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Oleh kerana masa yang dihadkan tak lama lagi cukup, maka saya beri peluang yang akhir sekali kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

4.57 ptg.

**Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama menyokong penuh usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dibentangkan pada 19hb Mac, 1979 dan di sini saya ingin menyentuh satu dua perkara yang saya anggap penting dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Saya menyokong penuh atas ucapan Ahli Yang Berhormat dari Julau dan Ahli Yang Berhormat dari Simunjan yang bercakap panjang lebar dengan kebanyakan ucapan beliau itu juga berkaitan dengan pembangunan di kawasan luar bandar dan oleh yang demikian saya pendekkan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan Kertas Perintah No. 13 Tahun 1979 Bab III, Dasar Ekonomi Baru ialah menyusun semula masyarakat Malaysia untuk melahirkan penyertaan dan juga perkongsian penuh antara kaum dalam usaha-usaha pembangunan Dasar

Ekonomi Baru dan juga Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri memang sentiasa menyeronokkan rakyat Malaysia dari segenap lapisan rakyat di negeri ini untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan syarat Rukunegara dan bersatu-padu untuk mewujudkan negara supaya berprogresif dan kokoh. Akan tetapi, bila saya mendengar hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling dalam Dewan yang mulia ini, maka saya berasa kesal oleh kerana kebanyakan hujah-hujah yang dicadangkan oleh Ketua Pembangkang itu dan wakil DAP yang lain tidak memuaskan hati kami sebagai yang mewakili rakyat yang datang dari kawasan luar bandar Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pilihanraya kecil di Kuching Timur, Sarawak diadakan, saya berpendapat mungkin ada 3 atau 4 kali rombongan daripada Parti DAP melawat ke Sarawak dan rombongan itu juga melawat ke Bahagian Keempat, Miri-Subis, Bahagian Ketiga dan Sarikei. Semasa rombongan itu tinggal di Sarawak mungkin banyak bertemu dengan orang ramai dan kebanyakan cadangan itu, iaitu kempen itu berkaitan dengan pelajaran, iaitu untuk modal Parti DAP dalam pilihanraya yang akan datang di Sarawak. Parti DAP bertanya di dalam surat-khabar apakah pendirian Parti SNAP dan Parti PBB berkaitan dengan soal pelajaran, khasnya soal Universiti Merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab dengan pendek dalam Dewan yang mulia ini. Bagi kami kaum bumiputra di Sarawak, khasnya bumiputra kaum Iban, majoriti yang terlebih besar di Sarawak, soal Merdeka Universiti itu tidak diterima oleh kaum bumiputra di Sarawak oleh kerana ada contohnya kami dapati di Singapura dahulu. Ada sebuah Nanyang Universiti ditubuhkan akan tetapi pada hari ini Nanyang Universiti sudah diambil oleh Kerajaan Singapura dan selama Nanyang Universiti itu ditubuhkan tidak ada seorang anak kaum bumiputra dari Sarawak dapat memasuki ke universiti tersebut oleh kerana ongkos tambang dan ongkos memasuki ke universiti terlampau besar. Begitu juga jika Parti DAP sendiri dapat melahirkan sebuah Universiti Merdeka atau universiti yang lain di Semenanjung Malaysia mungkin kami kaum bumiputra dari Sarawak tidak mampu membayar ongkos memasuki universiti tersebut melainkan kami fikir.

**Tuan P. Patto:** (*Bangun*)

**Tuan Edwin anak Tangkun:** Saya tidak memberi peluang kepada Parti DAP.

**Tuan P. Patto:** Bolehkah Ahli Yang Berhormat itu buktikan bahawa tidak ada orang bumiputra daripada Sarawak menyertai dalam Universiti Nanyang?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Duduk! (*Kepada Tuan P. Patto*)

**Tuan Edwin anak Tangkun:** Melainkan pada fikiran kami Kerajaan Pusat sahaja yang dapat menambahkan universiti di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu apa yang amat perlu kepada kami rakyat di seluruh Sarawak pada hari ini ialah kami merayu kepada Kerajaan Pusat supaya mempercepat dengan mendirikan sebuah universiti di Sarawak. Ini ialah kesukaran kami. Jika Kerajaan Pusat dapat mempercepat mendirikan sebuah universiti di Sarawak maka ongkos tambang dan ongkos masuk ke universiti lebih murah daripada sekarang yang kami menghantar anak-anak kami dari Sarawak ke universiti di Semenanjung. Ini ialah pendirian kami dari Parti SNAP dan Parti Bumi-putra Bersatu Sarawak (PBB).

Tuan Yang di-Pertua, cadangan dari parti DAP memanglah melirukan di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain. Selain dari itu tuduhan dari DAP yang mengatakan bahawa bantuan yang lebih banyak diberi untuk bangsa Melayu dan kurang membantu bangsa Cina di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. .

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ketua Parti Pembangkang dan ahli yang lain belum lagi melawat ke kawasan luar bandar di Sarawak dan dia tidak faham apa kesusahan seluruh lapisan rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita siasat dengan telitinya siapa yang amat belum mencapai terus tujuan usaha-usaha yang dilaksanakan selama 15 tahun yang lalu memang didapati di kawasan luar bandar. Seperti di Sarawak beratus-ratus batu jalan-raya akan diperlukan, bekalan air, api elektrik, kelinik, sekolah-sekolah dan rumah guru-guru di luar bandar diperlukan, pemajuan pembukaan tanah untuk meninggi-

kan taraf hidup rakyat yang masih mundur, mempercepatkan pembangunan perumahan untuk rakyat yang berpendapatan rendah di kawasan-kawasan luar bandar, ini adalah amat perlu untuk memastikan program-program di kawasan yang kurang maju.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan sektor pertanian, walaupun kadar kemiskinan telah berkurangan dari 63% dalam tahun 1975 kepada 55% dalam tahun 1978, ini dijangkakan 8% sahaja kekurangan dan 26% kepada 22% di kawasan bandar ini sudah menentukan Kerajaan Pusat sudah membasmi kemiskinan di seluruh negara di Semenanjung, akan tetapi bagi kami bumiputra di Sarawak langkah-langkah untuk mengurangkan jurang pendapatan antara kaum terutama sekali tingkat yang berpendapatan rendah tidak memuaskan. Kadar kemiskinan di luar bandar khasnya kaum bumiputra yang kebanyakannya petani-petani di luar bandar di Sarawak dijangkakan berkurangan sedikit sahaja. Mungkin kalau tidak salah saya lebih 1% sahaja berkurangan tahun 1975 kepada tahun 1978.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini menunjukkan agih untuk bantuan pertanian di kawasan luar bandar di Sarawak masih pesat dan tertinggal di dalam bidang Dasar Ekonomi Baru belum lagi tercapai. Namun demikian latihan penggunaan semula pekerjaan dalam bidang pertanian patutlah dipercepatkan di kawasan luar bandar untuk memudahkan pertanian dan menghantarkan banyak lagi kaum bumiputra mengambil pelajaran dan melawat ke kawasan yang sudah maju.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya dapat menyediakan peruntukan wang yang lebih banyak lagi dan memberi pertimbangan kepada petani-petani yang ingin meminjam wang dari Bank Pertanian di Sarawak dan dengan menimbangkan untuk mengurangkan bunga (interest) wang itu. Itu juga perlu kepada petani-petani di Sarawak.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengurangkan bunga wang itu maka melanjutkan bayaran balik kepada bank-bank

patutlah dipertimbangkan supaya membolehkan kaum bumiputra menjalankan tugas-tugas yang amat penting ini ialah untuk memodenkan pertanian dan meningkatkan kemahiran mereka supaya mereka dapat berpeluang sama ada di sektor pertanian atau di sektor perdagangan di mana penyertaan kaum bumiputra sangat kurang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kami dari Sarawak mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana Kerajaan Pusat sudah meluluskan peruntukan tambahan wang \$10 juta untuk membesarkan jalan luar bandar dan \$10 juta juga untuk membantu Kerajaan Negeri untuk menambahkan kos rumah murah di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya berpendapat Kerajaan Suruhanjaya Perumahan di negeri Sarawak sudah mengadakan satu contoh rumah panjang (modern long house). Satu di Bahagian Ketujuh, Sarawak 24 yunit, sebuah di Sungai Kabang, 32 yunit, Serian Bahagian Pertama dan Ketiga, di Bahagian Kedua di kawasan Sekim Marindum Sekera, Lubok Antu Sarawak. Kalau tidak salah saya 42 yunit. Ini satu langkah yang pertama Kerajaan Suruhanjaya Perumahan di Sarawak untuk membantu rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar di rancangan ini yang dirancang oleh Suruhanjaya Perumahan. Ini satu langkah yang baru untuk menentukan rakyat dan ini juga memastikan segala kemudahan yang tidak seimbang dengan kawasan yang maju dengan kawasan yang belum maju sudah dimulakan dan dijalankan di Sarawak dengan seberapa cepat.

Satu lagi melanjutkan bayaran balik tempoh dari 20 tahun juga sudah diadakan kepada 25 tahun. Kerajaan Pusat dengan murah hati dan juga memberi bunga wang itu sebanyak 5% dibayar balik kepada Jabatan Suruhanjaya Perumahan dalam setahun. Walau bagaimanapun saya berpendapat masih banyak lagi rayuan-rayuan dari orang ramai di luar bandar memohon supaya Suruhanjaya itu dapat menambahkan projek-projek rumah panjang yang moden di seluruh bahagian Sarawak. Oleh hal yang demikian, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri yang bertanggungjawab untuk menyasat dan membesarkan rancangan rumah harga murah di mana yang perlu di Sarawak dan menambah peruntukan wang untuk membangun moden rumah panjang (Long House) di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya di sini merayu kepada Kerajaan supaya Kerajaan Pusat dapat memberi arahan-arahan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya semua rancangan yang sudah disusun ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Saya sekali lagi menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa untuk menjalankan perbahasan telahpun tamat dan sekarang mengikut susunan giliran menyampaikan jawapan daripada Kementerian-kementerian, maka bahagian yang pertama saya jemput Kementerian Kebajikan Am untuk memberi jawapan.

5.08 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab hanya dua perkara yang dibangkitkan oleh dua Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan usul atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga di dalam Dewan selama seminggu ini.

Satu perkara ialah dibangkitkan oleh wakil dari Tumpat yang menyebut supaya Kerajaan memberi bantuan uniform kepada kanak-kanak sekolah yang miskin di luar bandar.

Saya ingin menyebutkan bahawa di bawah Perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan seramai 7,447 orang kanak-kanak sekolah telah dibantu pada tahun 1978. Pada tahun 1979, iaitu tahun ini, seramai 10,730 orang kanak-kanak dianggarkan akan menerima bantuan itu. Bantuan yang dikeluarkan kepada mereka termasuklah juga bantuan pakaian sekolah dan di samping itu Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing ada juga mempunyai peruntukan masing-masing untuk membantu kanak-kanak yang bersekolah.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah menyoal mengenai Pemulihan Penagih Dadah satu daripada kegiatan di Kementerian Kebajikan Am. Ingin saya memaklumkan bahawa Yang Berhormat dari Damansara telah berkata bahawa pemulihan di Pusat-pusat Pemulihan Dadah tidak begitu berjalan dengan lancarnya. Jadi, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa

untuk menyanggarkan Pusat Pemulihan Dadah di negara kita ini satu masalah yang baru kepada negara kita yang telah melibatkan tindakan tergempar terhadap masalah ini sekarang telah di adakan pusat-pusat yang dahulunya sebagai pusat ditempatkan orang-orang tua dan pesakit melarat dibinakan sebagai Pusat Pemulihan Dadah dan sekarang ini pusat yang diadakan sebagai Pusat Pemulihan Dadah ialah, satu di Kuala Kubu Bahru yang dapat menampung 220 orang penagih, satu di Tampoi, Johor Bharu dapat menampung 100 orang penagih, satu di Bukit Mertajam yang dapat menampung 100 orang penagih dan di Besut dapat menampung seramai 190 orang penagih. Semuanya ini dapat menampung 570 orang penagih pada tiap kali. Jadi dalam pusat ini seseorang penagih adalah dihadkan tinggal di sini sepanjang 6 bulan dan selepas itu boleh dikeluarkan kalau didapati sudahpun baik sedikit dan dilanjutkan dengan perkhidmatan seliaan.

Ingin saya menyebut di sini bahawa untuk mengadakan rumah ataupun pusat pemulihan dadah ini bukan hanya memerlukan tindakan ataupun pandangan dari segi kewangan bahkan ini mengambil masa kerana dari segi pembelian tanah, dari segi mendirikan bangunan yang sesuai dan pembinaannya semua mengambil masa yang agak panjang. Sungguhpun demikian adalah di dalam rancangan sekarang bahawa dua pusat lain akan didirikan iaitu satu di Muar, Johor dan satu di Kedah yang akan menampung satu-satunya seramai 300 orang penghuni. Apabila semua siap kelak dapatlah kita menambah penghuni-penghuni di tempat pusat itu, tetapi sungguhpun apabila semuanya siap dan penghuni-penghuni akan bertambah di situ ini bukanlah menunjukkan kita terus dapat menghapuskan penagih dadah dan masalah selanjutnya. Bahkan kita mengharapkan tindakan ini akan dapat memulihkan suasana dan penagihan dikalangan rakyat Malaysia.

Itu sahaja yang dapat saya beri jawapan di atas apa yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat keduanya tadi dan saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

5.14 ptg.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat Wakil Rakyat yang telah menyuarakan berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Perkara pertama yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mengenai kegiatan Nasrul Haq. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu bahawa setakat ini belum ada lagi seorang mufti yang telah mengeluarkan fatwa bahawa Nasrul Haq itu bersalahan dengan akidah orang Islam. Apa yang ada ialah pendapat atau pandangan yang samar-samar yang tidak boleh dipegang kenyataannya. Sebaliknya, ada dua orang mufti yang telahpun mengeluarkan fatwanya dengan tegas iaitu Datuk Mufti Negeri Kelantan dan Majlis Ugamanya dan Datuk Mufti Negeri Johor yang telahpun mengeluarkan fatwa bahawa Nasrul Haq itu tidak bersalahan dari segi akidah orang-orang Islam. Yang demikian itu maka tidaklah timbul soal Kerajaan harus bertindak dan sebagainya kerana perkara pendapat dan juga fatwa ini masih lagi ada setengah pihak yang meragukan tetapi pendapat dari dua orang Mufti ini telah jelas membuktikan bahawa Nasrul Haq ini tidak menyalahi akidah orang Islam.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu khususnya bahawa Nasrul Haq ini diwujudkan ialah untuk membimbing belia-belia dan khususnya masyarakat umumnya menjadi manusia-manusia yang baik. Dengan tujuan dan harapan inilah maka Nasrul Haq ini saya telah anjurkan dan telah mendapat galakan dan sambutan yang sangat baik dan memang telah menunjukkan dengan jelasnya sebahagian besar belia-belia dan boleh dikatakan yang memasuki Nasrul Haq ini telah menjadi orang-orang baik-baik belaka. Kalau dahulu mereka jahat, berjudi, minum arak, mencuri dan sebagainya, bila mereka mengambil amalan ini dengan sendiri mereka telah meninggalkan semua perkara-perkara yang maksiat. Saya berharap soal ini janganlah dijadikan issue politik baik di mana-mana juga kerana perkara yang demikian tidak boleh ditimbulkan, soal-soal yang berhubung atau berkaitan dengan politik. Ini harapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu ialah sukacita saya merujuk kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kulim iaitu perkara penghijrahan belia-belia di luar bandar ke dalam bandar. Perkara imigrasi belia-belia luar bandar ke dalam bandar seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah satu perkara amalan biasa pada masa ini oleh kerana di bandar-bandar mereka boleh mendapat pekerjaan yang boleh memberi pendapatan kepada mereka. Dengan sebab itu mereka datang ke bandar-bandar. Tambahan pula di bandar-bandar ada terdapat pekerjaan-pekerjaan yang mereka boleh dapati seperti di kilang-kilang perusahaan, buruh-buruh binaan atau seumpamanya. Memandangkan kepada tujuan imigrasi mereka ini dengan sebab disebutkan tadi maka tidaklah dapat kita berbuat apa-apa terhadap mereka. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidaklah bertujuan menyekat kedatangan mereka ke bandar-bandar kerana kedatangan mereka boleh memberi munafaat kepada mereka sendiri malah Kementerian ini memang tidak sanggup dan tidak mempunyai daya-upaya menyekat mereka itu turun ke bandar. Memang menjadi dasar Kementerian ini dan juga untuk memberikan pendapatan kepada belia-belia yang tidak mempunyai pendapatan dan pekerjaan yang tetap. Kalau di bandar mereka boleh dapat hidup dan mendapat pekerjaan yang tetap, maka ini satu perkara yang baik dan patut kita alu-alukan dan sebab itulah Kerajaan telah mendirikan dan menggalakkan penubuhan kilang-kilang dengan banyak dengan tujuan untuk memberikan pekerjaan kepada belia-belia yang menganggur seumpamanya ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak semua belia-belia luar bandar datang ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan, malah masih ramai lagi yang tinggal di luar bandar yang tidak mempunyai cukup kemampuan untuk mendapat pekerjaan di bandar-bandar. Dengan itu mereka tinggal di kampung-kampung mereka sendiri. Di sini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah memainkan peranan bagi menolong memberi pendapatan kepada mereka. Seperti yang diketahui projek-projek belia peladang telah dilancarkan kira-kira 8 tahun yang lalu bagi menolong memberi belia-belia luar bandar, dengan adanya projek belia peladang bukan sahaja dapat memberikan pekerjaan dan pendapatan kepada belia-belia ini tetapi juga boleh menolong sektor pertanian di luar

bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat belia-belia yang terlibat dengan projek belia peladang sehingga akhir tahun 1978 adalah seramai 11,295 orang.

Selain daripada projek belia peladang, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga telah melancarkan rancangan belia berniaga. Rancangan ini juga telah mendapat dan memberi pertolongan kepada belia-belia kita untuk menjalankan perniagaan dan mereka boleh hidup di atas kakinya sendiri.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah juga menyentuh soal sukan di tanahair kita ini yang dianggap sebagai suatu olahraga yang memberi munafaat yang besar kepada belia-belia khususnya dan juga orang-orang yang berminat. Memang tak dapat kita nafikan bahawa olahraga atau sukan ini satu permainan yang mesti digalakkan kepada belia-belia khususnya terutama sekali sebagai suatu riadah kepada orang-orang tua juga untuk menyihatkan badan. Jadi sukan bukan sahaja bertujuan untuk mendapatkan kejohanan ataupun kejuaraan dalam satu-satu pasukan tetapi juga yang penting, sukan ini adalah untuk rakyat atau untuk semua manusia. Di mana-mana negeri yang telah maju seperti Jepun dan Jerman seumpama yang saya telah lihat riadah ini adalah satu amalan bukan semata-mata untuk menjadi juara tetapi juga untuk kesihatan badan rakyat.

Kementerian ini sedang berusaha untuk mendapatkan bantuan dan peruntukan wang yang lebih daripada Perbendaharaan untuk menjalankan projek-projek riadah ini, insya Allah akan dapat dijalankan sedikit masa lagi.

Berhubung dengan pembinaan padang permainan dan juga lain-lain, Kementerian ini akan memajukan satu tambahan peruntukan wang sedikit masa lagi dalam Dewan ini juga bagi membina padang-padang permainan, kolam renang dan sebagainya, seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, memang telah ada dalam ingatan Kementerian ini malah sudah pun menjalankan rancangan-rancangan yang seharusnya akan dapat dilaksanakan berperingkat-peringkat mulai tahun ini dan sehingga berakhir Rancangan Malaysia Ketiga.

Berhubung dengan kemerosotan untuk menjadi juara sukan bagi negara kita ini terutama sekali dengan kekalahan Pasukan Thomas Cup kita yang bermain di padang

sendiri baru-baru ini telah menunjukkan kegelisahan setengah pihak terutama sekali peminat-peminat sukan di tanahair kita. Jadi ini tidak dapat kita nafikan sebab Pasukan India itu lebih kuat daripada kita. Ini tak dapatlah saya hendak perkatakan bahawa pasukan kita agak merosot mutu permainannya.

Sebenarnya mutu permainan pasukan kita tidak merosot. Kemenangan kita menjadi juara badminton sedunia 10-15 tahun yang lalu disebabkan pemain-pemain kita itu menunjukkan satu permainan yang agak baik tetapi mutunya lebih kurang dengan keadaan sekarang tetapi dia boleh mengalahkan pasukan-pasukan daripada negeri-negeri lain disebabkan pasukan negara-negara lain itu masih lagi dalam latihan dalam permainan badminton, dengan sebab itu mudah sahaja dikalahkan. Tetapi di tahun-tahun terakhir-akhir terutama sekali 10 tahun yang akhir pasukan-pasukan negeri lain terutama sekali Indonesia, Jepun, Thailand dan India di Asia ini telahpun meningkatkan mutu permainan mereka. Jadi mutu permainan mereka itu telah meningkat begitu tinggi dan mutu permainan kita walaupun meningkat tetapi tidak begitu tinggi, yang demikian pasukan kita telah kalah.

Usaha-usaha Kementerian ini untuk menjalankan latihan memang telah sedia dan diaturnya setiap tahun, Kem Bakat umpamanya diadakan setahun dua kali waktu cuti sekolah dan sekarang ini kita telah bekerjasama dengan negara-negara ASEAN supaya Kem Bakat ini dapat juga diadakan peserta-pesertanya daripada pasukan negara-negara ASEAN. Dan menurut rancangan atau program Kementerian ini dalam bidang latihan kita telahpun memberikan tiga peringkat latihan, peringkat kanak-kanak sekolah, peringkat pelajar-pelajar yang berumur 15 dan 21 tahun dan peringkat yang tertinggi atau pasukan negara. Dalam hal yang demikian ini, Kementerian saya sudah pun berunding dengan Kementerian Pelajaran untuk menyelaraskan latihan-latihan ini supaya bakat anak-anak sekolah kita dapat ditingkatkan daripada mereka di bangku sekolah lagi.

Pada masa yang sudah satu sebab kelemahan kita ialah waktu anak-anak kita di sekolah bakat mereka baik terutama sekali dalam lumba lari (athletics), pasukan bola sepak dan juga lain-lain pasukan atau permainan, tetapi bila mereka meningkat dalam tingkatan V atau VI atau VI atas mereka

telah berpindah ke sekolah-sekolah yang berasrama penuh maka di situ kadang-kadang tidak ada kemudahan-kemudahan sukan yang diberikan. Dengan yang demikian, bakat mereka itu hilang begitu sahaja. Jadi untuk masa hadapan ini Kementerian telahpun berunding dengan Kementerian Pelajaran supaya kemudahan-kemudahan sukan diadakan lebih banyak di sekolah-sekolah yang berasrama penuh. Dengan harapan itu kita berharap dalam beberapa tahun akan datang ini mutu pasukan sukan kita akan lebih tinggi lagi daripada yang ada sekarang ini dan dalam pada itu saya tidaklah berani menjamin bahawa pasukan kita akan menjadi juara dalam semua peringkat disebabkan kalau dalam pertandingan SEA Games misalnya kita bertanding dalam negeri-negeri di Asia Tenggara, juga peluang kita sempit di masa yang sudah ini walaupun bermain di tempat sendiri. Dalam Asean Games di Bangkok baharu-baharu ini nyata kita terlalu merosot lebih-lebih lagi kalau bertanding di Commonwealth Games dan juga Olympic. Kita hendak berlawan dengan orang-orang Amerika yang 6 kaki 5 inci tingginya, bertanding berlari memang tidak tahan kita. Begitu juga dalam permainan yang lain-lain seperti basket ball, ping pong kita ketinggalan walaupun mutu permainan kita agak tinggi di Asia Tenggara ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya dan saya mengucapkan berbilang terima kasih atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu, mudahan-mudahan dalam apa bidang pun pasukan sukan kita akan bertambah maju dan dengan harapan itulah saya mengucapkan sekali lagi terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekaya jemput Timbalan Menteri Undang-undang untuk menjawab.

5.24 ptg.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan terhadap Kementerian saya.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Semerah, Damansara dan lain-lain telah menyentuh supaya dipinda undang-undang untuk mengadakan system percabangan yang lebih berkesan dan memberatkan lagi hukuman atas

kes-kes jenayah yang melibatkan dadah, rogol, penipuan dan mencabul kehormatan. Dikatakan beberapa kes telah dibuang kes dalam Mahkamah (acquitted dan discharged) walaupun kes-kes itu merupai jenayah yang serius.

Saya suka menyatakan di sini iaitu undang-undang yang ada sekarang sudahpun memperuntukkan sistem perbicaraan yang berkesan dan memperuntukkan hukuman-hukuman yang mencukupi bagi kesalahan atas kes-kes yang tersebut itu. Hukuman-hukuman yang tercatat dalam Undang-undang sekarang ialah:

- (a) Mengenai dadah boleh dijatuhkan hukuman mati ataupun jika tidak dijatuhkan hukuman mati boleh dipenjarakan-seumur hidup bersekali dengan sebatan dengan rotan, tidak kurang dari enam kali sebat. Ini adalah hukuman maksimum.
- (b) Mengenai rogol hukuman maksimum ialah sehingga dua puluh tahun penjara dan didenda atau disebat dengan rotan.
- (c) Bagi penipuan hukuman maksimum ialah tujuh tahun penjara dan boleh juga didenda sebagai tambahan kepada penjara.
- (d) Bagi kes mencabul kehormatan, hukuman maksimum ialah dua tahun penjara atau denda atau disebat dengan rotan atau kombinasi daripada dua hukuman itu.

Sama ada hendak dikenakan hukuman maksimum atau tidak itu terpujanglah kepada budi bicara mahkamah yang membicarakan kes-kes berkenaan. Bagaimanapun, sekiranya didapati hukuman terhadap kes-kes itu terlalu ringan, maka Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan memasukkan appeal atau rayuan ke mahkamah atasan untuk menambahkan lagi hukuman itu. Begitu jua dimajukan appeal atau rayuan ulangbicara jika kes-kes dibuang begitu sahaja (acquitted and discharged) pada hal ada keterangan-keterangan yang difikir mencukupi. Tetapi jika tidak cukup keterangan mahkamah terpaksa juga membuang kes itu.

Saya suka memberi jaminan di sini bahawa demi bagi menjaga keselamatan negara, kesejahteraan rakyat dan kedaulatan undang-undang, Kementerian saya sentiasa mem-

pastikan iaitu mereka yang terang salah kerana melanggar undang-undang dibawa ke muka keadilan serta dihukum setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh mereka itu.

Patut jua saya menambah Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji undang-undang negara dari berbagai aspek, dan menggubal undang-undang baharu atau meminda yang ada, sesuai dengan kehendak suasana dan keadaan. Ini dilakukan bagi menjamin keselamatan dan keamanan dalam negara kita serta keharmonian kaum dan kesejahteraan rakyat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya jemput pula Timbalan Menteri Penerangan.

5.27 ptg.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi penjelasan mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan di dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

Ahli Yang Berhormat itu telah mencadangkan supaya Jabatan Penerangan mencetak buku mengandungi ucapan-ucapan yang dibuku oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen untuk disebarkan kepada rakyat. Cadangan Ahli Yang Berhormat itu sungguhpun satu cadangan yang menarik dan berguna, tetapi perlu diteliti dari beberapa segi kerana ianya mempunyai implikasi terhadap beberapa perkara.

Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum pihak Parlimen ada menerbitkan buku yang mengandungi laporan atas urusan-urusan Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam penerbitan yang diberi nama "Penyata Rasmi Parlimen". Penyata tersebut adalah menjadi asas rujukan mengenai persidangan-persidangan dan mesyuarat-mesyuarat Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan dari aspek undang-undang ia adalah penerbitan rasmi Kerajaan yang tunggal mengenai bidang tersebut. Buku-buku tersebut dapat diperolehi oleh rakyat daripada Jabatan Cetak Kerajaan dengan bayaran yang ditetapkan.

Pada hemat saya cadangan Ahli Yang Berhormat itu bertujuan supaya buku dikeluarkan dengan kandungan yang sama dan diedarkan kepada rakyat dengan percuma seperti kebanyakan penerbitan Jabatan

Penerangan untuk pengetahuan umum. Jika demikian maksudnya maka beberapa faktor perlu dipertimbangkan dan ini termasuk:

- (i) nilai rakyat terhadap perbezaan di antara Penyata Rasmi Parlimen dengan buku terbitan yang dicadangkan itu, umpamanya dari segi tafsiran Undang-undang dan tentang harga bagi kedua-kedua penerbitan tersebut;
- (ii) oleh sebab kandungan sesuatu penerbitan rasmi terhadap urusan Parlimen menjadi tanggungjawab dan tugas-tugas Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat yang juga menjadi Setiausaha Parlimen bagi maksud belanjawan maka sebelum penerbitan Penyata Rasmi Parlimen oleh pejabat tersebut diterbitkan dan didedarkan buku seperti yang dicadangkan harus dikeluarkan lebih awal yang bermakna bahawa penerbitan buku sebagai yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan ketara lewatnya dari tarikh persidangan Dewan-dewan Parlimen yang dilaporkan dalam buku tersebut;
- (iii) untuk bacaan dan pengetahuan rakyat agar mengetahui akan dasar-dasar dan pendirian Kerajaan mengenai sesuatu issue semasa, Jabatan Penerangan ada mengeluarkan terbitan dengan percuma yang mengandungi ucapan-ucapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lain-lain pemimpin negara yang dibuat oleh mereka dalam mana-mana sidang Parlimen mengenai sesuatu perkara itu.

Jikalau pendekatan ini hendak diperluaskan kepada semua ucapan-ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen maka langkah tersebut akan memerlukan perbelanjaan dan kakitangan yang lebih di samping berlakunya timbal-tindih (duplication) dengan tanggungjawab dan tugas-tugas Jabatan Setiausaha Parlimen yang menerbitkan Penyata Rasmi Parlimen.

Mengenai perkara berkaitan dengan TV Stringers, ada beberapa sebab atau masalah perkhidmatan yang dihadapi dalam perkara memberi jawatan tetap kepada TV Stringers khususnya mereka yang berkhidmat di negeri-negeri selain daripada Selangor. Ini adalah bermaksud:

- (a) sebahagian daripada Stringers ini tidak mahu diserapkan ke jawatan tetap kerana mereka mempunyai pekerjaan atau perniagaan masing-masing dan lebih suka bekerja secara sambilan;
- (b) ada sebahagian daripada mereka yang sanggup memohon jawatan-jawatan tetap tetapi mereka tidak sesuai dari segi perjawatan oleh kerana mereka tidak mempunyai kelulusan akademik minima yang diperlukan walaupun mereka ini mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam cinematography;
- (c) dari segi mengujudkan jawatan-jawatan tetap di negeri-negeri bagi jawatan Juru Camera tetap permohonan Kementerian ini belum diluluskan kerana di kebanyakan negeri tugas-tugas harian adalah tidak tetap dan mencukupi bagi seseorang yang berjawatan tetap itu bekerja sepenuh masa dalam kawasan-kawasan tersebut. Oleh itu pada peringkat ini adalah lebih menjimatkan jika tugas-tugas tersebut dilakukan oleh Juru Camera sambilan atau Stringers.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengesyorkan supaya Jabatan Penyiaran menambahkan rencana-rencana untuk tayangan oleh TV mengenai kemajuan pembangunan negara secara lakunan drama dan lain-lain bagi menarik minat penuntut-penuntut. Syor Ahli Yang Berhormat itu adalah disanjung tinggi. Walau bagaimanapun saya suka menyatakan bahawa pendekatan secara halus seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah di antara pendekatan-pendekatan yang telah diamalkan oleh pihak Jabatan Penyiaran sebagaimana yang dapat kita saksikan di dalam rancangan-rancangan penerbitan RTM seperti drama, rancangan agama dan setengah-setengah rancangan hiburan.

Umpamanya di dalam persembahan Dengar Rakyat, Boria digunakan sebagai pendekatan yang dikatakan itu. Demikian juga rancangan-rancangan yang melibatkan jenaka dan rancangan agama seperti Sinar Islam juga ada pendekatan itu. Walau bagaimanapun pihak RTM akan menambahkan rencana-rencana bagi kegunaan TV Malaysia yang mengandungi message dan cara pendekatan sebagai yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

5.35 ptg.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran terhadap Kementerian Kesihatan semasa perbahasan atas usul mengenai kajian separuh penggal, Rancangan Malaysia Ketiga.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Tumpat mengenai pembinaan sebuah Hospital Daerah Tumpat, sukacita saya memaklumkan bahawa tapak tanah bagi hospital tersebut telahpun diperolehi dan pelan tata-aturannya (layout site plan) telah dipersetujui oleh Kementerian Kesihatan. Sementara itu, kertas-kertas tawaran sedang disediakan dan tawaran untuk membina hospital ini akan dipanggil tidak lama lagi. Peruntukan bagi pembinaan tersebut dalam tahun 1979 telahpun disediakan dan saya harap bahawa kerja-kerja pembinaan akan bermula dalam tahun ini juga jika tidak ada sebarang halangan.

Berkenaan dengan permintaan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka supaya Kementerian ini membuat kajian yang mendalam mengenai "acupuncture" saya ingin memaklumkan bahawa saya telahpun membuat satu kenyataan yang umum dalam bulan Februari tahun ini, bahawa Kementerian Kesihatan akan menghantarkan 2 orang pakar perubatan Kerajaan ke Negeri China pada bulan September tahun ini bagi tempoh selama 3 bulan bagi mengkaji kemungkinan "acupuncture" digunakan di hospital-hospital di negara kita. Tambahan pula seorang pakar perubatan Kerajaan akan menghadiri satu persidangan selama 2 minggu pada bulan Jun tahun ini di Negeri China atas tajuk "accupuncture". Kehadiran di persidangan ini adalah atas jemputan Negeri China melalui Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Dengan ini ternyata bahawa Kementerian Kesihatan telahpun mengambil langkah-langkah yang tertentu dalam bidang ini sebelum Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membawa perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Tuanar berkenaan dengan kekurangan doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan di negeri Sabah, sukacita saya memaklumkan

bahawa perjawatan Pegawai Perubatan di negeri Sabah ialah 73 yang mana pada masa sekarang 50 telah diisi. Ini bermaksud jumlah pengisian jawatan-jawatan doktor ialah 68%.

Berkenaan dengan jawatan pakar-pakar perubatan pula, jawatan Doktor Pakar Mata Kanan dan jawatan Doktor Pakar Bedah Kanan telah diisi. Sementara itu satu jawatan Doktor Pakar Bius daripada 4 jawatan Doktor Pakar Bedah, satu daripada 3 jawatan Ahli Kaji Penyakit Otak dan satu daripada 3 jawatan Doktor Pakar Perbidanan dan Sakitpuan telah diisi. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan menghantar doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan untuk ditempatkan di negeri Sabah apabila Kementerian dapat melantik pegawai-pegawai ini.

Berkaitan dengan perkhidmatan Doktor Udara di Sabah, suka saya memberitahu bahawa ada dua pasukan Doktor Udara di Sabah yakni satu pasukan yang dikendalikan oleh Yayasan Negeri Sabah dan satu pasukan lagi dikendalikan oleh Jabatan Perubatan Sabah. Dua pasukan Doktor Udara ini dapat memberi perkhidmatan kepada sebanyak 110 kampung tiap-tiap bulan. Jabatan Perubatan Sabah bercadang menambah satu pasukan Doktor Udara yang akan dapat memberi perkhidmatan kepada 60 buah kampung lagi.

Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyambut baik projek-projek dan program-program kesihatan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan. Rancangan Malaysia Ketiga adalah bertujuan untuk memperluaskan lagi kemudahan-kemudahan bagi menambah peluang menikmati perkhidmatan ini, terutamanya di kawasan luar bandar.

Oleh hal yang demikian, bagi tempoh tahun 1979 hingga tahun 1980, sektor kesihatan telah diberi tambahan peruntukan kira-kira 40% dari peruntukan asal yang berjumlah \$377.15 juta. Tambahan yang besar ini mencerminkan keutamaan yang diberi oleh Kerajaan ke atas usaha-usaha membaiki perkhidmatan kesihatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

5.42 *ptg.*

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada banyak perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang membahaskan usul ini berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Hanya satu dua perkara sahaja yang mana tidaklah perlu saya memberi apa-apa jawapan. Hanya Kementerian ini akan mengambil ingatan di atas perkara-perkara yang telah disentuh itu dan mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam.

5.43 *ptg.*

**Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas teguran-teguran serta syor-syor yang telah dikemukakan.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah menyentuh beberapa perkara berhubung dengan dasar. Katanya UDA patut meluaskan aktiviti ke kawasan luar bandar. Usaha-usaha UDA adalah tertumpu kepada pembaharuan dan pembangunan bandar (urban renewal and urbanisation), dan juga membangun tanah-tanah kepunyaan bumi-putra yang strategic di dalam kawasan bandar untuk memberi nilai yang tinggi. Semua ini adalah selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat.

Berkenaan dengan penubuhan Pejabat Wilayah, UDA akan dari semasa ke semasa menubuhkan Pejabat Wilayahnya, jika perlu. Pada masa ini UDA telahpun mempunyai Pejabat Wilayahnya iaitu di Pulau Pinang untuk kawasan utara, di Muar untuk kawasan selatan dan di Kuala Trengganu untuk kawasan Pantai Timur.

Mengenai syor supaya Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri menubuhkan Tabung Pelaburan Bumiputra, ini terpulanglah kepada keupayaan dan bergantung kepada kegiatan-kegiatan Perbadanan-perbadanan itu sendiri. Di peringkat nasional, walau bagaimanapun, Kerajaan telahpun menubuhkan Perbadanan Pelaburan Nasional

yang mana usaha-usaha ini adalah menyeluruh. Yang penting ialah untuk menentukan supaya Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri cekap dalam usaha-usahanya dan anak-anak syarikatnya viable agar Perbadanan-perbadanan dapat menyerahmilikan syarikat-syarikat yang kukuh kepada bumi-putra.

Untuk menjawab syor Yang Berhormat dari Petaling, saya suka menegaskan iaitu adalah tidak perlu untuk menubuhkan sebuah Suruhanjaya untuk mengawasi Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, MARA dan UDA bagi mencegah berlakunya skandal kerana Kementerian saya sendiri mampu dan sentiasa mengawasi agensi-agensinya tersebut agar mereka berjalan menurut garis-garis panduan yang ditetapkan selaras dengan kehendak-kehendak dan hasrat rakyat yang diperjuangkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Saya menyangkal sama sekali di atas tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Petaling berhubung dengan kegagalan Kerajaan mengurangkan kadar kemiskinan. Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, pada keseluruhannya kadar kemiskinan telah berkurangan dari kira-kira 50% dalam tahun 1970 kepada 37% dalam tahun 1978. Dalam sektor pertanian di mana terdapat ramai golongan miskin, kadar kemiskinan telah berkurangan.

Berbagai program sosio-ekonomi dan program pembasmian kemiskinan termasuk projek-projek seperti kemajuan tanah, penanaman semula dan pemulihan kebun, parit dan taliair serta kemudahan awam telah menambahkan pendapatan golongan miskin. Kenaikan harga padi adalah satu lagi usaha Kerajaan untuk mengurangkan kemiskinan.

Soal penyelewengan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berhubung dengan pembinaan rumah-rumah kos rendah tidak timbul sama sekali. Semua usaha-usaha sedang diawasi seperti yang dinyatakan tadi dan keutamaan sedang dan akan diberi untuk membina rumah-rumah kos rendah di samping mendirikan rumah-rumah yang lain sejajar dengan kehendak negara keseluruhannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

5.46 ptg.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih di atas teguran dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Pelajaran. Tidaklah pula saya bercadang untuk mengulas perkara tersebut satu persatu dengan terperinci dan cukuplah dengan seberapa ringkas yang boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah mengesyorkan supaya Kementerian Pelajaran memberi bantuan kepada murid-murid miskin di luar bandar dalam bentuk pakaian, kasut dan sebagainya supaya kanak-kanak itu selalu kelihatan kemas dan bersih dan dapat menolong mereka menumpukan lebih perhatian kepada pelajaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya memang mengambil perhatian berat terhadap semua masalah yang dihadapi oleh murid-murid miskin terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar. Berbagai-bagai rancangan bantuan kepada murid-murid miskin telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian saya. Antaranya ialah Bantuan Buku Teks melalui Sekim Pinjaman Buku Teks dan Bantuan Makanan dan Minuman. Di samping pemberian biasiswa dan dermasiswa kepada murid-murid miskin di sekolah menengah telah juga ditambah dengan banyaknya.

Walaupun Kementerian saya tidak memberi bantuan barang-barang yang berbentuk pakaian, kasut dan sebagainya secara terus, Kementerian Pelajaran telah memberi kerjasama kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri melalui guru-guru panduan ataupun guru besar sekolah dengan menghubungi Pegawai Perkhidmatan Sosial (Sekolah) di Jabatan tersebut bagi mendapatkan bantuan pakaian, kasut dan juga cermin mata bagi murid-murid yang benar-benar memerlukannya.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh mengenai disiplin penuntut di institusi-institusi pelajaran tinggi dan juga memberi cadangan supaya guru besar diberi kursus cara menjaga disiplin di sekolah-sekolah. Sebenarnya tidaklah berapa tepat kalau dikatakan disiplin di sekolah-sekolah dan di institusi-institusi pelajaran tinggi di negara ini kurang memuaskan. Berani saya menegaskan di sini bahawa disiplin di

sekolah-sekolah dan juga di institusi-institusi pelajaran tinggi adalah terkawal dan tidaklah seburuk yang diheboh-hebohkan dan belum lagi sampai ke peringkat yang membimbangkan kita. Nilai kita terhadap disiplin anak-anak dan para pelajar janganlah diukur dengan disiplin ketika kita bersekolah dahulu. Seharusnya ukuran kita hendaklah sesuai dengan perubahan-perubahan yang berlaku di dalam masyarakat khususnya di dalam generasi muda.

Di pusat-pusat pengajian tinggi, Kerajaan telah memberikan garis panduan iaitu garis panduan disiplin untuk pelajar-pelajar melalui Akta Universiti dan Kolej. Untuk menjamin perjalanan disiplin yang baik di sekolah, Kementerian telah memberi penerangan dan arahan disiplin melalui surat-surat pekeliling dari semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah menarik perhatian Kementerian saya pada masalah kemerosotan peratusan penuntut-penuntut Melayu, bumiputra di universiti-universiti dalam tahun 1978 berbanding dengan tahun 1975 dan juga mengesyorkan supaya Kementerian saya jangan bertolak ansur, peluang mesti diperbanyakkan untuk penuntut-penuntut Melayu iaitu bumiputra masuk Universiti. Adalah tidak benar peratusan penuntut-penuntut bumiputra di Universiti dalam tahun 1978 merosot berbanding dengan tahun 1975.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu telah tersalah mentaksirkan Jadual 14-3A dalam buku Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam jadual tersebut perangkaan untuk tahun 1975 tidak mengambil kira bilangan penuntut Melayu dalam institusi-institusi persembirian, tempatan dan seberang laut. Oleh yang demikian, perangkaan tersebut tidaklah boleh dibuat perbandingan dengan perangkaan pada tahun 1978 yang mengambil kira kedua-dua data tersebut.

Semasa menjawab soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan Kota Melaka pada 19hb Mac, 1979 yang lalu, Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menegaskan bahawa matlamat pengambilan pelajar-pelajar baru ke universiti-universiti hendaklah mencerminkan masyarakat berbilang kaum dan saya sekali lagi memberi jaminan bahawa Kementerian Pelajaran tidak akan berganjak dari mencapai matlamat ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menarik perhatian Kementerian saya kepada keadaan peruntukan yang kononnya dikatakan tidak adil di antara sekolah-sekolah rendah mengikut bahasa penghantar dengan menyebut jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada satu soalan yang dibuat di dalam bulan Disember, 1978 yang lalu.

Ahli Yang Berhormat itu juga mengesyorkan supaya Kementerian Pelajaran bertindak untuk membetulkan keadaan yang kononnya tidak adil ini. Sebenarnya kedudukan peruntukan pelajaran rendah mengikut bahasa penghantar tidak sama, bukan kerana soalan tidak adil tetapi tidak sama kerana tujuan Kerajaan adalah untuk menggalakkan kemasukan murid-murid dari semua keturunan di sekolah-sekolah kebangsaan selaras dengan matlamat akhir untuk mencapai perpaduan negara.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran di dalam Dewan yang mulia ini pada 19hb Mac, 1979 bahawa Universiti Teknologi, Universiti Pertanian dan Universiti Kebangsaan tidak tertakluk kepada kuota kemasukan 55% bumiputra dan 45% bukan bumiputra. Sekali lagi saya tegaskan di sini bahawa pengecualian yang diberi kepada Universiti Kebangsaan, Universiti Teknologi dan Universiti Pertanian adalah untuk mempercepatkan proses penambahan pengeluaran bumiputra di dalam berbagai profesyen lebih-lebih lagi di bidang profesyen di mana kekurangan bumiputra jelas berlaku.

Oleh yang demikian, pengecualian ini akan terus dikekalkan sehingga tercapai keadaan di mana penyertaan kaum bumiputra di dalam bidang-bidang tersebut adalah memuaskan dan boleh dianggap sebagai mencerminkan kejayaan Dasar Ekonomi Baru.

Ahli Yang Berhormat dari Gerik telah menyentuh mengenai pembinaan sekolah-sekolah di kawasan terpencil setengah sampai 15 batu jauh dari tempat tinggal murid-murid. Beliau juga telah mengemukakan satu contoh di Kampung Pahit di Gerik di mana kanak-kanak telah terpaksa keluar daripada rumah ke sekolah pada pukul 4.30 pagi. Memanglah menjadi hasrat Kementerian saya untuk memberikan peluang pelajaran yang sempurna kepada semua kanak-kanak terutama sekali di luar bandar. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian saya telah

membanyakkan sekolah berasrama penuh. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telahpun dan sedang membina 7 buah lagi sekolah menengah sains berasrama penuh dengan jumlah belanja hampir \$20 juta. Di daerah Shah Alam, Selangor; Hutan Melintang dan Taiping, Perak; Muar, Johor; Raub, Pahang; Dungun, Trengganu; dan Macang, Kelantan.

Di atas cadangan beliau supaya sekolah-sekolah kecil tidak digalakkan pembinaannya, perkara ini memanglah diamalkan oleh Kementerian saya. Daripada pengalaman-pengalaman yang lepas Kementerian saya mendapati bahawa banyak keburukan dan masalah yang timbul oleh kerana sekolah-sekolah kecil tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan telah mencadangkan supaya kurikulum sekolah disesuaikan dengan kehendak negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat kita bahawa pendidikan hendaklah diselaraskan dengan kehendak negara. Matlamat pembangunan pendidikan yang utama ialah untuk mencapai penyatuan dan perpaduan negara serta memenuhi keperluan tenaga manusia. Ini jelas dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang terang-terang menyarankan bahawa matlamat yang ingin dicapai di dalam bidang pelajaran dan latihan dapat disimpulkan dalam enam matlamat seperti berikut:

- (1) memupuk perhubungan dan persefahaman yang berkesan di kalangan pendidik di Malaysia.
- (2) membentuk rasa penghargaan terhadap tradisi kebudayaan dan nilai masyarakat di Malaysia.
- (3) membolehkan setiap individu mempunyai peluang yang sama dalam memberi sumbangan secara berkesan kepada negara.
- (4) untuk membentuk sifat sahsiah yang seimbang bagi setiap individu dengan menyediakan pertambahan yang maksima dari segi nilai moral dan kualiti intelektual, rohani dan jasmani untuk hidup yang lebih baik.
- (5) untuk memupuk kemahiran yang sesuai untuk memenuhi perkembangan sains dan teknologi di dalam masyarakat yang sedang menghadapi perubahan yang pesat.
- (6) untuk menanam semangat antarabangsa.

Pada kesimpulannya perkembangan kurikulum melalui sukatan pelajaran dan kegiatan-kegiatan di bilik darjah adalah dibentuk untuk menanam sifat berdisiplin dan perasaan bertanggungjawab pada masyarakat serta identiti kebangsaan dan perpaduan di kalangan semua rakyat Malaysia. Sistem pelajaran di negeri Sabah dan Sarawak juga adalah dalam proses untuk disatukan dengan pelajaran kebangsaan yang sedang dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas menyentuh mengenai kegagalan bumiputra dalam aliran sains disebabkan oleh pemilihan yang tidak tepat melalui komputer. Kita tidak seharusnya menganggap pemilihan melalui komputer sebagai sebab kegagalan murid-murid bumiputra tersebut. Sepatutnya kita perlu meninjau lebih jauh fakta-fakta kegagalan itu seperti latarbelakang keluarga, alam sekitar pelajaran dan pembelajaran, peranan dan dorongan ibubapa dan masyarakat murid-murid tadi. Satu perkara Ahli Yang Berhormat perlu tahu ialah bahawa Kementerian saya telah memberi kelonggaran kepada pelajar-pelajar bumiputra untuk mengikuti jurusan sains di Tingkatan IV dan VI dan juga kelas-kelas matrikulasi dan sains asasi di universiti sains tempatan di samping kemudahan-kemudahan biasiswa untuk belajar di luar negeri di dalam jurusan sains. Dari bukti-bukti yang didapati nyatalah bahawa langkah-langkah ini telah berjaya menambah bilangan pelajar-pelajar bumiputra di jurusan sains di sekolah-sekolah menengah atas, menengah tinggi dan juga universiti-universiti tempatan dan luar negeri.

Ahli Yang Berhormat itu juga mencadangkan supaya skim makanan tambahan diberi kepada semua murid di sekolah, bukan dipilih daripada sekolah-sekolah yang muridnya kurang daripada 200 orang sahaja. Beliau juga menyatakan yang peruntukan 20 sen diberi kepada seorang murid tidak mencukupi dan ini harus ditambah kepada 30 sen seorang. Bagi maklumat Ahli Yang Berhormat, rancangan skim makanan tambahan telah dijangkakan berperingkat-peringkat dan telah sampai kepada 53 daerah dari jumlah 76 daerah di Semenanjung Malaysia. Adalah dijangka pada tahun 1982 semua 23 daerah yang baki itu dapat menikmati skim tersebut. Sebenarnya, kadar bantuan 25 sen seorang murid adalah kadar yang difikirkan sesuai dan Kementerian ini tidak bercadang untuk menaikkan kadar tersebut waktu ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyentuh mengenai komposisi kaum penuntut-penuntut pelajaran vokesyenal dan teknik. Beliau menyatakan komposisi ini hanya menitikberatkan pengambilan penuntut-penuntut keturunan Melayu sahaja. Suka saya tegaskan di sini bahawa di dalam urusan pengambilan dan penempatan penuntut-penuntut di sekolah-sekolah menengah teknik dan sekolah-sekolah menengah vokesyenal oleh Kementerian ini adalah sentiasa bersikap adil dan saksama. Komposisi kaum yang terdapat di sekolah-sekolah yang tersebut itu adalah semata-mata akibat daripada sambutan yang berbeza terhadap sekolah-sekolah itu khususnya jurusan-jurusan ataupun kursus-kursus yang diberi. Penempatan penuntut-penuntut di sekolah itu semata-mata berdasarkan kepada permohonan penuntut itu sendiri, minat dan kecenderongan mereka diberi perhatian. Perkara ini adalah lebih penting lagi memandangkan bahawa pendidikan vokesyenal itu dianggap sebagai terminal. Sebagai buktinya suka saya perturunkan peratusan permohonan penuntut-penuntut Melayu berbanding dengan penuntut-penuntut bukan Melayu untuk 9 buah Sekolah-sekolah Menengah Teknik dan bilangan penuntut-penuntut Melayu serta bukan Melayu yang ditawarkan tempat belajar. Permohonan penuntut-penuntut Melayu 81.1%, penuntut bukan Melayu 18.9%. Bilangan penuntut Melayu yang ditawarkan tempat belajar 42.5%, bilangan penuntut bukan Melayu yang ditawarkan tempat belajar 49.2%.

Bagi Sekolah Menengah Vokesyenal bilangan permohonan penuntut-penuntut Melayu ialah 83.1%, bilangan permohonan penuntut-penuntut bukan Melayu 16.9%. Bilangan penuntut Melayu yang ditawarkan tempat belajar 62.8%, bilangan penuntut yang bukan Melayu yang ditawarkan tempat belajar 63.3%. Ini tidak menunjukkan bahawa Kerajaan tidak adil mengenai Dasar pengambilan penuntut-penuntut tetapi kerana keengganan penuntut-penuntut bukan bumiputra untuk mengisi tempat-tempat yang disediakan oleh Kerajaan berdasarkan pada peratusan yang diberikan di atas.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh tentang ucapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran di Dewan yang mulia ini mengenai komposisi kaum penuntut-penuntut di ketiga-tiga buah universiti tempatan. Seperti yang telah diterangkan dalam

jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling pengecualian yang diberikan kepada Universiti Teknologi, Universiti Pertanian dan Universiti Malaya adalah semata-mata untuk mempercepatkan proses penambahan pengeluaran bumiputra di dalam berbagai profesion. Tindakan bagi menambahkan pengambilan pelajar-pelajar bukan bumiputra bagi ketiga-tiga universiti ini memang akan dilaksanakan melalui sesi 1979/1980 ini. Kedudukan sebenarnya hanya ketara apabila proses kemasukan sesi 1979/1980 selesai kelak di mana akan terdapat bukan sahaja pertambahan bilangan pelajar bukan bumiputra pada keseluruhannya, tetapi juga secara beransur-ansur di tiga buah universiti itu. Dan Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan bahawa ramai pelajar-pelajar bukan bumiputra yang tidak mampu keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka. Ini tidak boleh dinafikan, tetapi sebaliknya adalah mustahil untuk memberi pelajaran tinggi kepada semua yang layak yang saya anggap suatu keadaan yang ideal dan tidak sebuah negara pun di dunia ini yang dapat mencapainya. Adalah tidak wajar bagi Ahli Yang Berhormat menyaran secara insinuating bahawa Kerajaan telah hilang credibility akibat dari kenyataan Yang Berhormat Dato Musa bin Hitam di dalam Dewan yang mulia ini baru-baru ini.

Sukalah saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa credibility Kerajaan tidak akan terjejas melainkan kalau Ahli Yang Berhormat itu sendiri suka membuat insinuating statement ataupun remark dan tidak mahu mempertahankan credibility Kerajaan Barisan Nasional. Adalah menjadi hak Ahli Yang Berhormat untuk bercakap mengenai ketidakadilan bila hanya melibat pengambilan bumiputra di universiti-universiti sama tidak adilnya kalau ditinjau pengambilan penuntut-penuntut bumiputra di Kolej Tunku Abdul Rahman, di Universiti Malaya dan lain-lain pusat pengajian tinggi di luar negeri. Jika Ahli Yang Berhormat bercakap mengenai ketidakadilan dalam konteks rakyat keseluruhannya Yang Berhormat sepatutnya melihat keseluruhan proses pengambilan ke universiti-universiti sama ada di dalam ataupun di luar negeri dari prospektif yang lebih luas. Yang Berhormat juga patut melihat bukan hanya pengambilan pelajar-pelajar tetapi juga bilangan graduan-graduan dari berbagai universiti sejak merdeka.

Sebagai contoh dalam Fakulti Perubatan dan Kejuruteraan umpamanya, bilangan bumiputra yang lulus berbanding dengan yang bukan bumiputra adalah seperti berikut:

<i>Sesi 1978/1979</i>	<i>Perubatan</i>	
Bumiputra	...	32 orang
Bukan bumiputra	...	87 orang

<i>Sesi 1978/1979</i>	<i>Kejuruteraan</i>	
Bumiputra	...	7 orang
Bukan bumiputra	...	202 orang

Dapatkan ini dianggap ketidakadilan kepada bukan bumiputra kerana peluang-peluang yang diperolehi oleh bumiputra adalah kerana kesedaran bumiputra itu sendiri dari luar bandar yang telah lama tertinggal dalam segala bidang berbanding dengan kaum bukan bumiputra untuk mendapat pelajaran tinggi yang sempurna dan memuaskan.

Kementerian Pelajaran bukan sahaja akan melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan mengikut manifesto Kerajaan Barisan Nasional tetapi juga akan memperlihatkan keadilan kepada seluruh rakyat negara ini dalam proses perlaksanaannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dungun, Semerah, Ulu Langat, Kuala Kangsar, Alor Star, Silam dan Ulu Muda juga telah menyentuh beberapa perkara am mengenai pelajaran termasuklah bangunan-bangunan sekolah, keputusan-keputusan peperiksaan dan kurikulum pelajaran. Memanglah dari masa ke semasa Kementerian saya berusaha untuk memperbaiki mengganti bangunan-bangunan lama dan meninggikan lagi mutu pencapaian murid-murid di dalam peperiksaan supaya sesuai dengan matlamat dan hasrat negara yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh satu persatu, sukalah saya memberi jaminan bahawa teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian, dan jika perlu tindakan seterusnya akan diambil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

## 6.16 ptg.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Michael Chen Wing Sum):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di atas pandangan-pandangan, syor-syor dan teguran-teguran terhadap Kementerian saya dalam membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga sejak beberapa hari yang lepas.

Pandangan, syor-syor dan teguran-teguran itu akan diambil perhatian sewajarnya. Selanjutnya saya akan menerangkan beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh telah mengesyorkan supaya Revolving Fund untuk pinjaman perumahan dinaikkan dari \$5 juta setahun kepada \$10 juta setahun. Adalah difahamkan maklumat peruntukan \$5 juta tahunan bagi kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah tidak betul. Sebenarnya, Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah telah diluluskan peruntukan pertamanya sebanyak \$10 juta, tidak tertakluk atau terikat kepada tempoh yang tertentu. Peruntukan ini boleh ditambah dari masa ke semasa mengikut kemajuan dan perkembangannya.

Sebenarnya, syor Yang Berhormat dari Grik supaya Kerajaan mengadakan rancangan untuk membantu rakyat di kawasan tanah hakmilik sendiri telah ada di Kementerian ini. Peruntukan tersebut merupakan peruntukan dari Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah bagi membantu warganegara Malaysia dari golongan berpendapatan rendah mendirikan rumah dengan memohon pinjaman dari skim-skim yang direncanakan. Skim-skim tersebut untuk makluman Yang Berhormat adalah:

**Sekim A—**Untuk mereka yang tinggal dan mempunyai tanah di sekitar sesuatu estate perindustrian atau tinggal dan mempunyai tanah berhampiran dengan kawasan punca-punca pendapatan.

**Sekim B—**Ialah rancangan perumahan bagi penduduk-penduduk Kampung Baru yang ada tanah.

**Sekim C—**Ialah rancangan perumahan untuk pekerja-pekerja ladang dan lombong yang berhampiran dengan tempat mereka bekerja.

**Sekim D—**Ialah rancangan perumahan bagi memindahkan setinggan-setinggan dan lain-lain yang terlibat dalam projek-projek pembangunan Kerajaan Persekutuan.

Ahli Yang Berhormat ada memberikan cadangan, untuk menahan kenaikan harga rumah swasta, supaya Kerajaan memberikan tanah di bandar dan pinggir bandar kepada Syarikat Pemaju Perumahan Bumiputra dengan bayaran premium yang rendah. Pada pendapat saya masalah harga-harga rumah yang mahal daripada pihak swasta disebabkan beberapa faktor yang berpengaruh harga-harga jualan. Cadangan bahawa Kerajaan memberi tanah dengan bayaran-bayaran premium yang rendah pada pandangan saya bukan berupa satu penyelesaian kepada masalah ini tetapi bolehlah dianggap sebagai "Contributory" faktor. Perkara-perkara mengenai standard infrastructure dan juga pertimbangan-pertimbangan mengenai pelan tata atur juga mempengaruhi kenaikan harga. Saya rasa arahan-arahan melalui undang-undang adalah lebih berkesan misalnya Kerajaan menetapkan harga-harga rumah itu sendiri serta menentukan jumlah yunit dan sebagainya. Sebagai sokongan kepada ini, bagi rumah-rumah yang telah ditetapkan harga dan jumlahnya pihak Kerajaan bolehlah melonggarkan syarat-syarat yang sama ada dari segi "Infrastructure Standard" dan juga pelan-pelan bangunan pada keadaan biasanya dikenakan untuk membolehkan pihak-pihak pemaju tersebut membina dengan kos yang lebih rendah. Pendek kata, pendekatan pada pembinaan rumah-rumah kos rendah hendaklah secara total. Mengenai melanjutkan tempoh "fault liability" selama 6 bulan ini, sebenarnya pihak Kementerian saya sedang menimbangkannya supaya tempoh masa ini dipanjangkan sehingga 12 bulan dan sedang dalam kajian.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada membangkitkan bahawa rumah-rumah yang dibina oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka semuanya berharga tinggi dan ini adalah di luar kemampuan rakyat yang berpendapatan rendah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka sememangnya membina rumah-rumah kos

rendah dan juga rumah-rumah jenis lain. Harga rumah-rumah bergantung kepada kos awalan rumah-rumah itu. Di Melaka kos ini sangat tinggi kerana kekurangan tanah dan harga pengambilan balik tanah yang terlalu tinggi. Tetapi Kerajaan telah berjanji untuk mengurangkan harga rumah-rumah ini dengan mengadakan subsidi-subsidi yang berpatutan. Kerajaan berpendapat harga rumah-rumah ini masih lagi dalam kemampuan golongan berpendapatan rendah untuk memilikinya. Selain dari itu satu firma Perunding sedang menjalankan kajian bagi mencari jalan untuk mengadakan perumahan yang lebih murah bagi rakyat, antaranya termasuk bagi mengadakan skim tapak dan kemudahan.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Grik supaya lebih banyak projek perumahan diadakan di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan-kawasan keselamatan, perkara ini memang mendapat perhatian Kerajaan. Penentuan-penentuan tapak-tapak projek perumahan adalah dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang lebih mengetahui tentang keperluan keselamatan masing-masing. Kementerian saya sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam hal ini.

Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kepong supaya mengadakan pendaftaran Perumahan Negara, buat masa ini difikirkan pendaftaran seumpama itu tidak diperlukan. Sebagai satu negara yang mengamalkan konsep ekonomi bebas pemilik-pemilik rumah adalah bebas untuk menjualkan rumah-rumah mereka pada bila-bila masa sahaja. Kiranya pendaftaran ini dijalankan maka ianya akan memerlukan perbelanjaan yang besar. Walau bagaimanapun, mengenai rumah awam kos rendah Kerajaan Negeri boleh mengenakan syarat supaya rumah-rumah itu tidak boleh dijual dalam tempoh yang ditentukan untuk mengelakkan rumah-rumah itu berpindah milik kepada golongan berpendapatan tinggi.

Menyentuh cadangan Ahli Yang Berhormat dari Grik bagi memajukan Kampung-kampung Tradisi, dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai Kajian semula masalah sosio-ekonomi di Kampung-kampung Baru, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan telah menjalankan satu kajian keseluruhan mengenai masalah sosio-ekonomi Kampung-kampung Baru dan Kampung Tradisional yang berdekatan.

Laporan kajian ini masih diteliti oleh Kerajaan. Juga satu kajian Klasifikasi Kampung-kampung Baru dengan kampung-kampung di dalam penguasa tempatan akan dijalankan oleh Bahagian Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Kementerian saya pada tahun ini. Tujuan kajian ini adalah untuk memperingkatkan kampung-kampung kepada tiga kemajuan iaitu A, B dan C. Maklumat-maklumat yang dikumpulkan itu adalah dari segi maklumat asas, kemajuan fizikal, ekonomi, sosial dan penyertaan masyarakat tempatan yang akan disimpan dan dianalisa dengan Komputer. Dengan maklumat ini Kerajaan berharap dapat melicinkan bagi jentera pelaksanaannya supaya rakyat dapat menafaat dari projek yang dijalankan.

Dari segi keperluan rumah-rumah, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk memperbanyakkan lagi pembinaan rumah-rumah awam kos rendah dan lain-lain jenis rumah harga murah. Walau bagaimanapun, rancangan-rancangan yang diatur perlulah diselaraskan dengan keupayaan melaksanakan projek-projek itu. Seperti yang telah dimaklumkan dalam Dewan ini satu kajian mengenai mengadakan Sekim Tapak dan Kemudahan sedang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya berikan ulasan-ulasan terhadap komen-komen dan teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya harap ulasan-ulasan ini akan memuaskan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput wakil Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat—tidak hadir.

Sementara menantikan wakil dari Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, saya jemput wakil Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

6.21 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dan perhatian ke atas urusan-urusan Kementerian saya.

Sebagai menjawab pertanyaan-pertanyaan dan teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, saya suka memberi penjelasan-penjelasan seperti berikut.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah menyeru Kementerian saya untuk memberikan perhatian terhadap keadaan jalan-jalan luar bandar terutama di Pantai Timur dengan memberi peruntukan yang lebih untuk membaiki jalan-jalan di kawasan-kawasan itu yang telah rosak.

Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Kementerian saya dalam jawapannya kepada Ahli Yang Berhormat yang lain di Dewan ini pada hari ini, Kerajaan adalah sedar tentang keadaan jalan-jalan di luar bandar yang sentiasa perlu diperbaiki. Untuk memperbaiki keadaan ini Kerajaan telahpun melancarkan rancangan mempercepatkan rancangan pembinaan jalan-jalan luar bandar secara besar-besaran.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan akan membina 1,790 batu jalan luar bandar dan akan memperbaiki taraf jalan-jalan tanah sepanjang 803 batu. Daripada 803 batu jalan yang hendak dinaikkan taraf daripada permukaan laterite kepada permukaan berminyak tar 56 batu telah siap dibina dan bakinya akan dilaksanakan melalui lapan kontrak besar yang telah dikeluarkan dalam tahun 1978. Semua kerja-kerja kontrak akan siap sebelum akhir tahun 1980. Oleh itu, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat diharap bersabar menunggu pelaksanaan projek-projek untuk memperbaiki jalan-jalan di luar bandar ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam dan Mantin telah membangkitkan perkara yang sering diperbincangkan sekarang iaitu mengenai bekalan air dan mereka telah menggesa supaya JKR memperbaiki bekalan air bagi menolong petani-petani yang sering menghadapi masalah, lebih-lebih lagi di musim kemarau. Adalah dimaklumkan Kerajaan pada masa ini sedang menjalankan kajian mengenai sumber air negara untuk mencari punca-punca air baru bagi keperluan negara. Dengan kajian ini Kerajaan akan dapat mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menambah bekalan air bagi yang diperlukan.

Dalam pada itu soal keperluan air bagi petani-petani adalah di luar bidang kuasa

Kementerian saya tetapi saya percaya Kementerian berkenaan adalah mengambil perhatian berkenaan hal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah juga membangkitkan perkara pembahagian daerah-daerah JKR di negeri Kedah. Saya akan menegaskan di sini bahawa pembahagian daerah-daerah JKR adalah dibuat oleh Kerajaan Negeri tetapi saya berpendapat pembahagian daerah-daerah seperti sekarang ini tidak akan menjejaskan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, Sarawak pun telah membangkitkan kekurangan jalanraya di luar bandar Sarawak. Mengenai perkara ini sukacita saya mengatakan bahawa peruntukan tambahan sedang diberi di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga untuk maksud ini dan saya percaya lebih banyak jalanraya luar bandar di Sarawak akan dapat dibina tidak berapa lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah jawapan-jawapan saya kepada teguran-teguran yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian saya dan teguran-teguran ini akan diambil perhatian oleh Kementerian saya dalam melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada 4 minit lagi, kalau ucapan itu panjang, boleh sambung esok. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

6.26 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa masalah mengenai Kementerian Pengangkutan semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Izinkan saya menerangkan dan menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ada membangkitkan mengenai pelancaran sebuah kapal korek bagi mendalam muara Sungai Tumpat. Saya ingin menerangkan bahawa Jabatan Laut telah menempah sebuah kapal korek yang berharga lebih kurang \$6.5 juta

daripada MISC dan kapal ini dijangka siap pada akhir tahun ini. Bagaimanapun buat sementara itu tindakan sedang diambil untuk memanggil tender dari pihak swasta bagi membuat kerja ukur air (hydrographic) dan penggalian di muara tersebut. Jumlah peruntukan bagi tujuan kerja tersebut telahpun diluluskan oleh Kerajaan.

Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran yang telah menyenutuh tentang mustahaknya diadakan tambang murah kapal terbang di antara Semenanjung Malaysia dengan negeri Sabah dan negeri Sarawak dengan tujuan membolehkan dan menggalakkan lagi rakyat biasa membuat lawatan di antara Semenanjung Malaysia dengan Malaysia Timur.

Perkara yang sama telah juga dibangkitkan di masa yang lepas oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat Dewan ini, yang demikian sukalah saya menyatakan bahawa perkara ini adalah sedang dikaji dengan teliti oleh Kementerian Pengangkutan. Pada masa ini tidaklah dapat saya memberikan apa-apa keputusan tetapi daripada perangkaan yang telah saya perhatikan maka saya rasa optimistik bahawa tambang murah bagi penerbangan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dapat diadakan dengan syarat penumpang-penumpang hendaklah membuat tempahan terlebih dahulu. Setakat mana murahna tambang itu dapat diberikan dan selama mana tempahan hendak dibuat terlebih dahulu, ini adalah sebagaimana yang saya katakan tadi sedang dalam kajian Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Langat telah menyuarakan supaya alat pembesar suara di Lapangan Terbang Subang diperbaiki lagi. Sebenarnya alat tersebut adalah di dalam keadaan baik dan sentiasa dijaga oleh pihak Jabatan Penerbangan Awam. Bagaimanapun disebabkan oleh rupa bentuk bangunan tersebut dan bunyi kenderaan-kenderaan menyebabkan pengumuman-pengumuman yang dibuat kurang jelas untuk didengar. Sekarang ini projek renovation terhadap pembangunan lapangan terbang sedang dijalankan dan diharapkan apabila projek ini disiapkan masalah tersebut akan dapat diatasi.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya MAS mengadakan perkhidmatan pengangkutan bagi membawa penumpang dari kapal terbang yang berhenti jauh daripada bangunan terminal, sukalah dijelaskan bahawa MAS telah mengadakan bas untuk tujuan tersebut.

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

### UCAPAN PENANGGUHAN

#### Sistem Pemadam Api di Bangunan-bangunan Bertingkat-tingkat

6.30 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil peluang untuk menghuraikan satu masalah yang penting di Bandaraya ini ialah mengenai sistem pemadam api di bangunan-bangunan bertingkat-tingkat. Selepas berlakunya kebakaran di Kompleks Campbell dua tahun lalu penduduk-penduduk di Bandaraya Kuala Lumpur berasa bimbang sama ada Jabatan Bomba di negara kita mempunyai keupayaan untuk memadam api sekiranya terdapat kebakaran di bangunan-bangunan yang bertingkat-tingkat tingginya.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, mesyuarat kita bersidang tanpa koram yang cukup.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 ahli hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dua minit loceng dibunyikan tetapi koram tidak cukup juga.

Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang hari esok, 28hb Mac, 1979.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.34 petang.*